Laporan Tahunan 2009

KWAP
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
RETIREMENT FUND INCORPORATED

# PERJALANAN MENUJU SEMPADAN BAHARU

# RASIONAL KULIT DEPAN




## PERJALANAN MENUJU SEMPADAN BAHARU

Konsep kulit depan memaparkan lingkaran sempadan sebagai simbol yang menggambarkan matlamat muktamad KWAP untuk menjadi sebuah 'Organisasi Berprestasi Tinggi'. Matlamat korporat ini telah dicetuskan sejak awal tahun 2008 lagi. Sinaran cahaya melambangkan kemajuan memberangsangkan yang dicapai dalam pelbagai bidang. Sebagai pelengkap, imejan laut pula menggambarkan keluasan peluang yang boleh dimanfaatkan sebagai sumber kekuatan bagi merealisasi objektif utama KWAP.




Laporan Tahunan 2007




Laporan Tahunan 2008




Laman Portal: http://www.kwap.gov.my

# KANDUNGAN


## BAHAGIAN A • TINJAUAN 2009

003 Sorotan 2009

005 Tinjauan 3 Tahun

006 Ringkasan Amalan Etika

007 Visi, Misi dan Nilai-nilai Korporat

008 Latar Belakang dan Peranan KWAP

009 Tinjauan Sistem Pencen di Malaysia

010 Penyata Pengerusi

014 Penyata Ketua Pegawai Eksekutif

019 Hala Tuju Masa Depan

## BAHAGIAN B • STRATEGI KAMI

021 Matlamat Menjadi Pengurus Berfokus Pulangan

023 Kemajuan Keseluruhan Program Transformasi

028 Matlamat Untuk Membiayai Liabiliti Pencen Kerajaan

029 Dana Persaraan Menuntut Pulangan Tinggi

032 Strategi Mencapai Sasaran Pulangan Jangka Panjang

## BAHAGIAN C • KECEMERLANGAN 2009

036 Tinjauan Kad Skor Korporat 2009

043 2009: Tahun Pemulihan

046 Keteguhan Prestasi Pelaburan

057 Pengurusan Caruman

059 Risiko dan Tadbir Urus Korporat

077 Budaya Prestasi Tinggi

081 Organisasi Prihatin

084 2009: Tahun Penuh Peristiwa

088 Kad Skor Korporat 2010

## BAHAGIAN D • KEPIMPINAN

092 Lembaga, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Pengurusan Kanan dan Kakitangan Utama

103 Carta Organisasi

## BAHAGIAN E • KEWANGAN

105 Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

106 Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

107 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan 2009 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

108 Lembaran Imbangan

109 Penyata Pendapatan

110 Penyata Perubahan Rizab

111 Penyata Aliran Tunai

113 Nota-nota kepada Penyata Kewangan




## BAHAGIAN A

• Sorotan 2009 • Tinjauan 3 Tahun • Ringkasan Amalan Etika • Visi, Misi dan Nilai-nilai Korporat • Latar Belakang dan Peranan KWAP • Tinjauan Sistem Pencen di Malaysia • Penyata Pengerusi • Penyata Ketua Pegawai Eksekutif • Hala Tuju Masa Depan

# SOROTAN 2009

## MENGERATKAN HUBUNGAN KAMI DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

- Bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan Kajian Liabiliti Pencen dengan matlamat untuk mewujudkan pilihan bagi KWAP untuk membantu Kerajaan Persekutuan membiayai liabiliti pencen.

- Menganjurkan satu sesi dialog dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia berkenaan tadbir urus korporat dan pelbagai isu berkaitan ekuiti dan pasaran pendapatan tetap.

- Menyumbangkan artikel berkaitan pelaburan dalam akhbar utama bagi menggalakkan pemahaman mengenai pelaburan.

- Menganjurkan seminar sehari 'Perancangan Kewangan Selepas Persaraan' untuk kakitangan Kerajaan yang hampir mencapai usia persaraan.

- Menyertai program 'Sehari Bersama Industri' di sebuah universiti terkemuka dengan menyampaikan sesi ceramah bertajuk 'Wawasan Industri Pengurusan Dana'.

## MEMPERKUKUHKAN PRASARANA PENGURUSAN RISIKO DAN OPERASI KAMI

- Merasmikan bilik urus niaga baharu oleh Menteri Kewangan II, Y.B Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah.

- Memulakan dan membangunkan Sistem Pengurusan Dana Bersepadu.

- Melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Kesinambungan Perniagaan.

- Pelaksanaan Laporan Peristiwa Risiko Operasi.

- Menubuhkan Jabatan Penjelasan Pelaburan dan Jabatan Kustodian untuk mempertingkatkan pembahagian tugas dan kawalan dalaman.

## PEMBELAJARAN DAN PERTUMBUHAN BERTERUSAN

- Melancarkan Skim Bantuan Kewangan Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA) untuk kakitangan pelaburan.

- Program-program pembelajaran utama yang telah disertai oleh kakitangan KWAP sepanjang tahun ini:

    - Program Pengurusan Lanjutan di Harvard University, Amerika Syarikat.

    - Bengkel Alokasi Aset bagi Pelabur Jangka Panjang anjuran Bank Dunia.

    - Simposium Dana Persaraan anjuran Bank Dunia.

    - Program Peperiksaan Pelesenan anjuran Suruhanjaya Sekuriti.

    - Pelaksanaan Proses Pengurusan Prestasi.

# SOROTAN 2009

- 2009 adalah tahun yang mencabar berikutan persekitaran kadar faedah yang rendah dan pasaran saham yang lemah pada separuh tahun pertama ini. Ekonomi domestik terjejas teruk pada suku pertama akibat kelembapan pemulihan ekonomi global tetapi memperlihatkan sedikit momentum kesan daripada pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi. Pakej rangsangan ini juga membantu meredakan ketegangan dan membantu pasaran ekuiti menampilkan pemulihan memberangsangkan pada separuh kedua tahun 2009.

- Saiz dana berkembang sebanyak 18.18% daripada RM52.04 bilion kepada RM61.50 bilion pada 2009.

- Pendapatan pelaburan kasar direalisasi meningkat kepada RM3.24 bilion daripada RM2.98 bilion yang dicatat pada 2008.

- Pendapatan pelaburan bersih bertambah sebanyak RM5.14 bilion, daripada RM0.56 bilion kepada RM5.70 bilion pada 2009 sebahagiannya didorong oleh pembalikan semula lebihan elaun rosot nilai.

- Pulangan Bersih Atas Pelaburan (ROI) yang dicapai adalah 10.04% dan Jumlah Kadar Berwajaran Pulangan (TWRR) adalah 11.64%.

- Caruman pencen (tidak termasuk caruman Persekutuan) meningkat sebanyak RM0.90 bilion daripada RM1.77 bilion pada 2008 kepada RM2.67 bilion pada 2009.

- Semua kelas aset mengatasi prestasi penanda aras masing-masing.

| KELAS ASET | PENANDA ARAS | LEBIHAN PRESTASI MENGATASI PENANDA ARAS |
|---|---|---|
| Ekuiti | KLCI dan FBM100 | 0.92% |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia | Hasil Quantshop SKM (Semua) | 1.34% |
| Sekuriti Hutang Swasta | Hasil Quantshop Corp (Pertengahan) | 0.91% |
| Pendapatan Tetap Luar | Indeks Quantshop SKM (Semua) + 130 bps | 5.53% |
| Pinjaman | Hasil Quantshop SKM (Semua) + 50 bps | 0.84% |
| Pasaran Kewangan | 3 bulan KLIBOR | 0.61% |

# TINJAUAN TIGA TAHUN

| | 2009 (1 Jan - 31 Dis) | 2008 (1 Jan - 31 Dis) | 2007 (1 Mac - 31 Dis) |
|---|---|---|---|
| **Saiz Dana seperti pada 31 Disember pada kos (RM)** | 61.50 bil | 52.04 bil | 48.08 bil |
| **Pendapatan dan Perbelanjaan (RM)** | | | |
| Pendapatan Pelaburan Kasar* | 3.24 bil | 2.98 bil | 3.44 bil |
| Perbelanjaan Operasi | 25.63 juta | 28.17 juta | 18.33 juta |
| Pendapatan Bersih | 5.70 bil | 0.56 bil | 3.67 bil |
| **Pendapatan dan Perbelanjaan (%)** | | | |
| Kadar Pulangan Pelaburan (ROI) Kasar* | 5.62% | 5.86% | 9.21% |
| Kadar Pulangan Pelaburan (ROI) Bersih | 10.04% | 1.12% | 9.79% |
| Nisbah Perbelanjaan Operasi berbanding Pendapatan Kasar | 0.79% | 0.95% | 0.53% |
| Nisbah Perbelanjaan Operasi berbanding Purata Dana | 0.05% | 0.06% | 0.04% |
| **Pulangan dan Risiko (%)** | | | |
| Kadar Pulangan Wajar Masa (TWRR) (%) | 11.64% | Tidak Berkenaan | Tidak Berkenaan |
| Turun Naik (%) | 2.64% | Tidak Berkenaan | Tidak Berkenaan |
| **Caruman Pencen (RM)** | | | |
| Caruman Pencen | 2.67 bil | 1.77 bil | 1.29 bil |
| Caruman Kerajaan Pesekutuan | 1.10 bil | 1.65 bil | 1.18 bil |
| **Komposisi Portfolio Pelaburan pada kos (RM)** | | | |
| Ekuiti | 16.16 bil | 13.52 bil | 11.54 bil |
| Pinjaman dan Sekuriti Hutang Swasta | 18.16 bil | 15.85 bil | 13.66 bil |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia | 14.72 bil | 10.06 bil | 8.74 bil |
| Pasaran Wang | 11.69 bil | 14.17 bil | 13.00 bil |
| Pelaburan Alternatif | 0.52 bil | 0.52 bil | 0.48 bil |
| **Pengurusan Dana (RM)** | | | |
| Pengurusan Dana Dalaman | 95.25 % | 94.69 % | 94.98 % |
| Pengurusan Dana Luaran | 4.75 % | 5.31 % | 5.02 % |
| Bilangan Majikan Mencarum | 538 | 493 | 475 |
| Bilangan Ahli | 121,572 | 106,944 | 104,081 |
| Bilangan Kakitangan KWAP | 108 | 99 | 93 |
| Pendapatan bagi Setiap Kakitangan (RM) | 30.33 juta | 30.41 juta | 39.99 juta |

* Termasuk pendapatan daripada syarikat bersekutu

# RINGKASAN AMALAN ETIKA

"KWAP komited untuk mengekalkan kejujuran, integriti dan pertanggungjawaban pada tahap tertinggi dalam perniagaan dan operasinya. Ia bertekad untuk mengekalkan standard ini di kalangan warga kerja dan memastikan bahawa kepentingan organisasi sentiasa diutamakan."

Sebagai kustodian dan pengurus dana persaraan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), aset utama KWAP adalah integriti dan reputasinya dalam tatacara profesional dan beretika dalam menjalankan semua aktiviti perniagaan dan urusannya. Kewibawaan organisasi ini dan keyakinan pihak berkepentingan terhadapnya menjadi tonggak utama kejayaannya.

KWAP komited untuk mengekalkan kejujuran, integriti dan pertanggungjawaban pada tahap tertinggi dalam perniagaan dan operasinya. Ia bertekad untuk mengekalkan standard ini di kalangan warga kerja dan memastikan bahawa kepentingan organisasi sentiasa diutamakan.

Sebagai sebuah badan berkanun, KWAP menerima pakai Akta Badan Berkanun (Disiplin dan Tambahan) 2000 sebagai sebahagian daripada Terma dan Syarat Pekerjaannya kepada semua kakitangan yang membentuk Kod Etika dan Tatacara KWAP. Kod tersebut bermatlamat menyemai kesedaran tentang standard tatacara di kalangan warga kerja dan menggariskan prinsip-prinsip mereka dalam melaksanakan tugas mereka. Dengan Kod ini, KWAP dapat membentuk persekitaran korporat yang sihat dan profesional.

# VISI, MISI DAN NILAI-NILAI KORPORAT

## VISI

Organisasi berprestasi tinggi menjamin faedah pencen yang berterusan

## MISI

Memaksimumkan pulangan melalui rangka kerja pelaburan yang dinamik, pulangan risiko yang mantap dan penanda arasan industri

## NILAI-NILAI KORPORAT

### Berorientasikan Kecemerlangan

- Mewujud dan mengekal budaya peningkatan berterusan, supaya semua ahli organisasi, secara individu atau berpasukan, berinisiatif, gigih dan cekal untuk melakukan yang terbaik
- Bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang disasarkan
- Sentiasa berusaha menghasilkan keputusan yang mengatasi tanda aras

### Profesionalisme

- Berpegang teguh kepada nilai moral dan etika yang tinggi
- Mengutamakan kepentingan organisasi daripada kepentingan diri
- Menunjukkan komitmen yang berterusan terhadap kecemerlangan
- Mengkaji secara kritikal semua tindakan dan keputusan untuk penambahbaikan
- Menerima maklum balas dan respons secara positif
- Kompeten dalam bidang yang dipertanggungjawabkan

### Integriti

- Berpegang teguh kepada nilai-nilai murni dan akhlak mulia
- Muhasabah diri
- Berfikiran terbuka, menghormati pandangan, idea dan pengalaman orang lain

### Ketelusan

- Komunikasi dan akauntabiliti yang jelas serta amalan berterus terang
- Bertindak dengan nyata dan konsisten

### Semangat Kerja Berpasukan

- Bekerjasama untuk mencapai satu matlamat
- Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pencapaian potensi sepenuhnya dengan menerima perbezaan dan kelainan
- Kolabrasi di antara kumpulan dan berkongsi idea untuk mencapai kecemerlangan

### Pembelajaran Berterusan

- Menambah dan mengemaskini pengetahuan secara berterusan dan belajar dari kesilapan

# LATAR BELAKANG DAN PERANAN KWAP

## LATAR BELAKANG

Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454) telah digubal untuk membantu pembiayaan liabliti pencen Kerajaan Persekutuan. Dengan penggubalan Akta tersebut, Kumpulan Wang Amanah Pencen telah ditubuhkan pada 1 Jun 1991 dengan geran penubuhan sebanyak RM500 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Kumpulan Wang Amanah Pencen ditadbir oleh Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen di bawah pengurusan Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang bertanggungjawab dalam pentadbiran dan pengurusan harian. Pada 1 Mac 2007, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) telah ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) menggantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454) yang dimansuhkan. Dengan penubuhan KWAP, semua kuasa, fungsi, aktiviti, aset dan liabiliti Kumpulan Wang Amanah Pencen diambil alih sepenuhnya oleh KWAP.

## OBJEKTIF

Objektif KWAP ialah menguruskan dana yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) ke arah mencapai pulangan optimum melalui aktiviti pelaburannya. Dana tersebut akan digunakan untuk membantu Kerajaan Persekutuan dalam pembiayaan liabiliti pencen.

## FUNGSI

Fungsi-fungsi KWAP adalah seperti berkut:

- Pengurusan caruman daripada Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agensi lain; dan

- Pentadbiran, pengurusan dan pelaburan dana dalam ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan bentuk-bentuk pelaburan lain yang dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

### Menguruskan Kutipan Caruman

Kerajaan Persekutuan menyumbang 5% daripada jumlah emolumen tahunan yang dibajetkan bagi kakitangan Kerajaan Persekutuan manakala badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan agensi menyumbang 17.5% daripada gaji hakiki pekerja berpencen masing-masing kepada KWAP setiap bulan.

### Menetapkan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan

Panel Pelaburan dan Lembaga bertanggungjawab menetapkan, meluluskan dan menyemak secara berkala Polisi dan Garis Panduan Pelaburan KWAP dan seterusnya mencadangkan kepada Lembaga untuk kelulusan. Aktiviti-aktiviti pelaburan KWAP adalah tertakluk kepada Polisi dan Garis Panduan Pelaburan tersebut.

### Pengurusan dan Pengawasan Pelaburan

KWAP melabur dananya di dalam kelas-kelas aset berpandukan Alokasi Aset Strategik KWAP dan Polisi serta Garis Panduan Pelaburan seperti yang diluluskan oleh Panel Pelaburan dan Lembaga. Aktiviti pelaburan dilakukan oleh sepasukan kakitangan pelaburan yang profesional, berkemahiran dan berpengalaman. Status dan prestasi pelaburan KWAP dilaporkan secara bulanan kepada Panel Pelaburan dan Lembaga. Analisis prestasi termasuk prestasi relatif berbanding indeks penanda aras serta sasaran pulangan mutlak bagi setiap kelas aset.

# TINJAUAN SISTEM PENCEN DI MALAYSIA

Sistem pencen hari tua di Malaysia terdiri daripada empat komponen:

| KOMPONEN | ENTITI PENGURUSAN PENCEN | JENIS SKIM PENCEN |
|---|---|---|
| Kakitangan sektor awam berpencen | Jabatan Perkhidmatan Awam<br>Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) | Manfaat tetap |
| Angkatan tentera | Lembaga Tabung Angkatan Tentera | • Caruman wajib tidak berpencen<br>• Caruman wajib berpencen<br>• Caruman sukarela |
| Kakitangan sektor swasta dan awam tidak berpencen | Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | Skim caruman wajib |
| Pekerja sendiri dan individu tanpa pendapatan bulanan tetap | Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | Skim caruman sukarela |

## A) Kakitangan Sektor Awam Berpencen

Skim pencen kakitangan sektor awam berpencen diurus oleh Jabatan Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab mewujudkan dasar skim pencen dan mengurus pembayaran faedah persaraan kepada ahli. Pada masa ini, faedah persaraan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. KWAP merupakan sebahagian daripada struktur pentadbiran kakitangan sektor awam berpencen, dengan fungsi sebagaimana yang dinyatakan dalam muka surat sebelum ini.

## B) Angkatan Tentera

Dasar faedah persaraan angkatan tentera ditadbir oleh Kementerian Pertahanan di mana kutipan dan pengurusan caruman ahli yang sedang berkhidmat diurus oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Selepas bersara, pentadbiran akaun ahli akan diurus oleh Hal Ehwal Veteran Kementerian Pertahanan.

## C) Kakitangan Sektor Swasta dan Awam Tidak Berpencen

Skim persaraan kakitangan sektor swasta dan awam tidak berpencen diurus oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). KWSP adalah sebuah institusi keselamatan sosial yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452) yang menyediakan faedah persaraan untuk para ahli melalui pengurusan simpanan mereka secara cekap dan berwibawa. Skim persaraan yang diurus oleh KWSP adalah skim pencen caruman wajib di mana para ahli perlu membuat caruman mandatori setiap bulan yang dikira berasaskan gaji bulanan mereka. Kadar semasa caruman minimum adalah sebanyak 20% daripada gaji kakitangan di mana 8% adalah daripada gaji bulanan kakitangan, sementara 12% disumbang oleh majikan.

## D) Pekerja Sendiri dan Individu Tanpa Pendapatan Bulanan Tetap

Susulan pengumuman yang dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak semasa membentangkan Bajet 2010, Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia telah diperkenalkan bagi memastikan pekerja sendiri dan individu tanpa pendapatan bulanan tetap mempunyai pelan simpanan mereka sendiri selepas mencapai usia persaraan. Ini merupakan skim caruman sukarela di mana para ahli boleh mencarum bergantung kepada kemampuan mereka dan caruman ini diuruskan oleh KWSP.

# PENYATA PENGERUSI

"KWAP berjaya menunjukkan prestasi jangka panjang yang menggalakkan daripada pelaburannya dengan ROI purata 6.98% sejak penubuhan. Saya amat yakin bahawa organisasi ini akan terus mencapai prestasi pelaburan yang cemerlang pada masa hadapan."

**TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH**
Pengerusi

Saya bagi pihak Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan KWAP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

2009 merupakan tahun yang luar biasa dari sudut ekonomi dunia. Tahun tersebut dianggap sebagai tahun yang penuh dengan pelbagai cabaran dan ketidaktentuan. Krisis yang melanda telah membawa kesan yang buruk. Kerajaan dan bank pusat di seluruh dunia bertungkus-lumus membendung kerugian yang besar, memulihkan sentimen serta mengembalikan semula kewarasan ke dalam pasaran kewangan.

Walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk merangsangkan semula ekonomi dunia, pelbagai persoalan telah timbul sama ada pakej rangsangan bernilai trilion dolar yang disuntik ke dalam sistem kewangan efektif dari sudut makro-ekonomi. Persoalan tersebut mencerminkan tahap ketidakyakinan yang wujud ketika itu. Isyarat yang ditunjukkan oleh pasaran kewangan dalam beberapa bulan pertama tahun ini menggambarkan bahawa pasaran kurang berkeyakinan terhadap perkembangan baharu itu. Tahap ketidakyakinan ketika itu amat tinggi walaupun dasar-dasar yang dibuat adalah inovatif dan membanggakan.

Kesan daripada krisis ini dijangka bakal menimpa Malaysia dan kami sudah menduga bahawa ia akan berpunca daripada saluran perdagangan memandangkan negara kita amat bergantung kepada eksport. Begitupun, berbeza dari krisis sebelumnya, sektor perbankan negara pada kali ini berada dalam kedudukan yang lebih teguh dan lebih berdaya tahan berbanding sistem perbankan di negara-negara ekonomi maju.

Bagi Malaysia, beberapa dasar telah diperkenalkan bagi mengelakkan krisis daripada menjadi lebih buruk. Keputusan Kerajaan untuk mengumumkan pakej rangsangan bernilai RM7 bilion pada November 2008 adalah tepat pada masanya. Pada Mac 2009, Kerajaan telah mengukuhkan lagi langkah ini dengan memperkenalkan pakej rangsangan susulan yang lebih besar bagi memperkuat dan menyokong ekonomi domestik, dan pada masa yang sama, mengembalikan semula keyakinan dalam pasaran kewangan.

Seperti yang pernah saya nyatakan dalam Laporan Tahunan yang lalu, peluang mungkin akan terbuka apabila berhadapan dengan krisis dan KWAP perlu mengenalpasti dan memanfaatkan peluang tersebut sebaik sahaja ia muncul. Kejatuhan ketara pasaran ekuiti memberikan kami peluang untuk menyusun semula kedudukan dana untuk mengambil kesempatan daripada peningkatan yang bakal berlaku. Walau bagaimanapun masih wujud kesangsian kerana pemain pasaran terus mempersoalkan tahap mampan



# PENYATA PENGERUSI

pemulihan itu. Bagi KWAP, kami berpegang dengan keputusan kami dan menyusun strategi kami tepat pada masanya. Hasilnya, kami berjaya menjadikan pergolakan pasaran tersebut sebagai satu kelebihan dan memperolehi pulangan keseluruhan yang memberangsangkan sebanyak 45.83% ke atas pelaburan ekuiti kami pada 2009. Prestasi pelaburan kami tidak mungkin begitu hebat sekiranya kami menunggu pasaran untuk berubah. Malah apa yang lebih penting ialah ekonomi negara juga mula menunjukkan pemulihan pada suku tahun berikutnya apabila kadar penguncupan ekonomi semakin kendur.

Saya juga berasa sukacita untuk memaklumkan bahawa KWAP telah berjaya menunjukkan prestasi jangka panjang yang menggalakkan daripada pelaburannya dengan ROI purata 6.98% sejak penubuhannya. Saya amat yakin bahawa organisasi ini akan terus mencapai prestasi pelaburan yang cemerlang pada masa hadapan. Buat masa kini, KWAP akan meneliti peluang baharu di dalam mahupun di luar negara bagi memastikan aliran pulangan pelaburannya mampan dan berpelbagai.

Sebagai Pengerusi, saya sentiasa memberi penekanan terhadap keperluan organisasi ini mempertingkat serta mencabar diri sendiri bagi mencapai kecemerlangan dalam semua aspek. Wawasan saya terhadap KWAP dalam tempoh beberapa tahun akan datang adalah untuk menjadi sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi (HPO) yang sentiasa mampu mengatasi jangkaan dan bukan sekadar dianggap sebagai sebuah badan pelaburan cemerlang. Pendekatan menuju HPO hendaklah dibuat secara menyeluruh dan diamalkan di semua peringkat.

Pada tahun lalu, KWAP telah membangun dan berjaya melaksanakan sebuah model perniagaan baharu yang antara lain merangkumi Alokasi Aset Strategik, dasar dan proses pelaburan, pengurusan risiko yang lebih baik, struktur organisasi baharu dan pelan transformasi yang sistematik. Pelan perniagaan ini mendokong konsep HPO.

Kini KWAP mempunyai asas yang teguh dalam bentuk empat teras strategik yang merangkumi `Pulangan yang Dipertingkatkan', `Kesedaran Risiko', `Budaya Prestasi' dan `Organisasi Bakat'. Menyedari kepentingan pelaksanaan secara tersusun bagi mencapai hasil yang terbaik, satu program transformasi selama dua tahun yang mengandungi dua puluh inisiatif telah dimulakan bagi melengkapi model perniagaan baharu ini.

Untuk memastikan pencapaian keputusan yang mampan serta meninggalkan kesan berpanjangan, program transformasi ini telah disokong dengan program pengurusan perubahan secara berstruktur yang memperkenalkan peningkatan proses kerja, beberapa sistem baharu dan pelbagai kempen bagi mendorong serta menerapkan nilai-nilai teras ke dalam budaya kerja.

Aspek pelaksanaan beberapa inisiatif ini sedang berjalan lancar di mana sebahagian daripadanya telah pun selesai atau berjalan seperti dijadualkan. Sebagai sebuah dana persaraan, KWAP terdedah kepada pelbagai jenis risiko yang timbul bukan sahaja daripada pelaburan malahan juga daripada operasinya sendiri. Walaupun KWAP perlu untuk mengekal dan mencapai tahap prestasi yang tinggi secara konsisten, namun usaha sedemikian perlu disertai dengan satu rangka kerja pengurusan risiko yang sempurna. Bagi mencapai matlamat itu, KWAP telah mengamalkan kaedah Pengurusan Risiko Menyeluruh (ERM) untuk mengenalpasti, menilai, memantau, mengurus dan melapor risiko. Selain itu, Pengurusan Risiko Operasi (ORM) kami telah diperbaiki melalui pelaksanaan laporan Peristiwa Risiko Operasi (ORE) dan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) yang berjaya dilaksanakan pada tahun 2009.

Berlatarkan prestasi cemerlang pada 2009, KWAP kekal fokus kepada matlamat jangka panjangnya untuk mengembangkan saiz dana bagi membiayai liabiliti pencen Kerajaan pada masa depan. Pada 2009, Lembaga telah meluluskan pelantikan sebuah firma aktuari bagi mengendalikan kajian aktuari dan mengenal pasti beberapa pilihan bagi KWAP untuk memenuhi matlamatnya. Kajian ini merupakan satu langkah menyeluruh kerana

# PENYATA PENGERUSI

ia dijalankan dengan kerjasama tiga badan utama yang terlibat dengan hal ehwal pencen Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan KWAP.

Di KWAP, kami menyedari keperluan untuk terus memperbaiki aset kami yang paling berharga iaitu modal insan. Pada penghujung 2008, Lembaga telah meluluskan struktur organisasi baharu yang lebih terperinci. Ini diikuti pelaksanaan penilaian tahap kecekapan dan bakat. Setelah menilai keputusan penilaian tersebut secara menyeluruh, KWAP telah memperkenalkan skim penggredan, skim imbuhan dan struktur organisasi baharu.

Pada tahun 2009, KWAP memenuhi aspirasinya untuk menunjukkan tahap penglibatan dan semangat kesukarelawan di kalangan kakitangan dalam aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK). Ini terbukti melalui penglibatan kakitangan secara langsung dalam program TSK .

Saya juga turut berbangga memaklumkan bahawa beberapa orang kakitangan kami telah memanfaatkan kepakaran bidang pelaburan mereka dengan menyumbang artikel dalam beberapa penerbitan kewangan. Malah, beberapa pengurus kami juga telah mengendalikan seminar perancangan kewangan berkaitan persaraan untuk bakal pesara Kerajaan. Bagi menyemai tahap kesedaran yang lebih tinggi di kalangan siswa, kami telah memainkan peranan aktif dalam ruangan akademik dengan mengendalikan ceramah kerjaya dalam industri pengurusan dana di salah sebuah universiti tempatan.

Dari perspektif global, pemulihan akan dicapai pada kadar yang berbeza kerana pemulihan di kebanyakan negara maju dijangka lebih perlahan. Sebaliknya, negara membangun dan kuasa ekonomi baharu mungkin akan menunjukkan pemulihan yang lebih kukuh kerana permintaan domestik yang lebih mantap. Saya yakin bahawa ekonomi Malaysia akan kembali mencatatkan pertumbuhan pada tahun 2010. Kerajaan telah menetapkan beberapa dasar untuk menyokong pemulihan ekonomi domestik. Peningkatan ekonomi dan perdagangan global juga akan membantu memulihkan eksport kita. Sektor perkhidmatan akan menjadi segmen ekonomi yang semakin penting. Kerajaan amat komited untuk menarik pelaburan asing serta menyediakan insentif yang diperlukan bagi menggalakkan pelaburan swasta dari dalam negara sebagai pendorong pertumbuhan. Walaupun dengan persekitaran makro yang lebih baik, tahun 2010 akan tetap membawa pelbagai cabaran baharu. Justeru, KWAP akan kekal tabah dan bergerak tangkas dalam mengamalkan strategi yang sesuai untuk mempertingkatkan prestasi serta mencapai objektifnya.

Saya bagi pihak Lembaga, ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan seluruh kakitangan KWAP atas sumbangan, kesungguhan dan komitmen mereka sepanjang tempoh kewangan ini. Dengan komitmen daripada Lembaga, Panel Pelaburan dan seluruh warga kerja, kami akan mencapai aspirasi untuk mentransformasi KWAP menjadi sebuah HPO. KWAP akan terus berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadikan tahun 2010 sebagai satu lagi tahun pencapaian.

# PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

"Sebagai sebuah organisasi yang komited untuk menjadi sebuah HPO, kami perlu menampilkan nilai-nilai teras serta budaya yang ingin diterapkan, sejajar dengan peranan kami sebagai pengurus salah sebuah dana awam terbesar negara."



**DATO' AZIAN BINTI MOHD NOH**
Ketua Pegawai Eksekutif

# PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

## Pulangan Pelaburan

Pada 2009, dunia menyaksikan antara krisis ekonomi dan kewangan yang terburuk dalam sejarah. Sejak kejatuhan Lehman Brothers, pasaran modal telah terdedah kepada tekanan yang amat hebat dan seperti yang dijangka, ia meninggalkan kesan mendalam terhadap ekonomi sebenar. Kesannya dirasai di seluruh dunia dan hanya segelintir negara sahaja yang mampu mengelak dari mengalami kemelesetan ekonomi. Malangnya, ekonomi Malaysia juga tidak terlepas daripada kesan tersebut dan turut terjejas akibat daripada keadaan sukar ini. Penguncupan ketara KDNK sebanyak 6.20% pada suku pertama, penyusutan eksport sebanyak 2 angka dan pengeluaran perindustrian sepanjang tempoh beberapa bulan mencerminkan ketidakpastian.

Pada masa yang sama, sektor pelaburan turut terjejas kerana bukan sahaja terpaksa berhadapan dengan tanggapan peningkatan risiko dalam persekitaran pasaran yang suram, malah perlu berhadapan dengan kadar faedah rendah yang berpanjangan. Menjelang bulan Mac 2009, Indeks Komposit Bursa Malaysia (KLCI) merudum ke paras serendah 838.39 mata, penyusutan lebih 40% berbanding ketinggian 1,516 mata pada 2008. Kadar Polisi Semalaman (OPR) dikurangkan sebanyak 125 mata asas, mengakibatkan kadar pulangan bon menyusut ke paras yang kurang menarik. Keadaan ini telah memberi cabaran yang hebat terhadap pelaksanaan strategi pelaburan KWAP sejak dari awal lagi.

Sebagai sebuah dana persaraan, KWAP mengambil pandangan jangka panjang. Pendekatan ini berserta pengajaran daripada peristiwa lalu memberikan KWAP keyakinan bahawa krisis ini pasti akan berakhir. Sejarah telah membuktikan bahawa terdapat peluang-peluang pelaburan walaupun dalam keadaan persekitaran pasaran yang sukar. Pengaturan masa juga adalah faktor yang sama penting ketika pasaran kewangan mula melonjak pada hujung bulan Mac 2009. Ketika pasaran semakin stabil, KWAP telah bersedia untuk mengambil peluang daripada pemulihan yang bakal berlaku. KWAP bersedia untuk mengambil peluang daripada pemulihan yang bakal berlaku ketika pasaran semakin stabil.

Walaupun berhadapan dengan keadaan pasaran yang sukar dan ekonomi yang tidak menentu, KWAP mampu mengharungi cabaran tersebut. Saya dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa KWAP mencapai pulangan bersih keatas pelaburan sebanyak 10.04% dan pulangan kasar ke atas pelaburan sebanyak 5.62% pada 2009 melepasi sasaran 5.40%. Sepanjang tempoh 3 tahun, kadar purata pulangan bersih pelaburan berjumlah 6.98%.

Semua kelas aset menunjukkan prestasi memberangsangkan pada 2009. Prestasi tersebut dicapai berlatarbelakangkan FBM KLCI campuranyangmeningkatsebanyak 44.91% tahun lalu, sementara hasil daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) 5 tahun pula pada 3.60% secara purata. Portfolio ekuiti mengatasi prestasi petanda aras ekuiti sebanyak 92 mata asas. Kedua-dua portfolio SKM dan Sekuriti Hutang Swasta (SHS) mengatasi petanda aras masing-masing, iaitu 134 mata asas bagi SKM dan 91 mata asas bagi SHS, walaupun dalam persekitaran kadar faedah yang rendah.

## Caruman

Mengurus caruman persaraan merupakan salah satu tanggungjawab KWAP dan tugas ini amat penting dalam meningkatkan saiz dana. Pada 2009, KWAP menerima caruman berjumlah RM3.77 bilion iaitu pertambahan 10% daripada caruman persaraan yang diterima tahun sebelumnya. Pertambahan ini adalah hasil peranan aktif yang dimainkan oleh Jabatan Caruman yang berinteraksi dengan organisasi dan pihak berkuasa berkaitan. Jabatan ini menjalankan beberapa inisiatif dalam bentuk lawatan pematuhan dan penguatkuasaan bagi majikan-majikan yang mencarum untuk memastikan pematuhan terhadap akta berkaitan.

## Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko sentiasa menjadi tema dan fokus utama KWAP. Bagi memenuhi matlamat ini, KWAP telah meneruskan usaha menambah baik dan mengukuhkan amalan dan piawaian pengurusan risiko. KWAP telah melaksanakan kebanyakan piawaian risiko operasi pada 2009. Inisiatif berkaitan risiko yang lain termasuk pengwujudan rangka kerja Pengurusan Kesinambungan

# PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Perniagaan (Business Continuity Management) dan penyediaan dan pentauliahan Pusat Pemulihan Bencana (Disaster Recovery Centre) KWAP.

## Inisiatif Tahun 2009

Banyak usaha telah ditumpukan dalam melaksanakan beberapa inisiatif pada 2009. Ini termasuk meneruskan projek Model Perniagaan yang merangkumi pelbagai bidang, termasuk penambahbaikan proses operasi, keupayaan pelaburan dan tadbir urus dalaman.

Antara inisiatif awal yang dilaksanakan adalah pembangunan model operasi ekuiti dan pendapatan tetap. Model ini telah direka untuk memantapkan keupayaan operasi Jabatan Ekuiti dan Jabatan Pendapatan Tetap. Satu lagi inisiatif berkaitan pelaburan melibatkan pengwujudan Jabatan Prestasi Perniagaan yang bertanggungjawab menilai dan memantau prestasi pelaburan kami. Pada 2009, jabatan ini telah melancarkan fasa pertama pelan perniagaan yang bertumpu kepada penilaian prestasi serta metrik pulangan utama.

Kami juga memantau secara rapi proses dan prosedur dalaman kami. Bagi mencerminkan komitmen kami dalam hal ini, kami telah memperkemaskini prosedur operasi standard (SOP) dan fail meja. Pada akhir 2009, sejumlah 179 SOP telah disiapkan.

Sebagai sebuah organisasi yang komited untuk menjadi sebuah HPO, kami perlu menampilkan nilai-nilai teras serta budaya yang ingin diterapkan, sejajar dengan peranan kami sebagai pengurus salah sebuah dana awam terbesar negara. Beberapa rencana nukilan kami telah diterbitkan oleh sebuah penerbit terkemuka sebagai langkah perkongsian pengetahuan.

## Aktivisme Pemegang Saham

KWAP menyokong sepenuhnya pandangan bahawa aktivisme pemegang saham mampu mempertingkatkan nilai pemegang saham dalam jangka panjang. Selain daripada menjalin hubungan rapat dengan syarikat-syarikat dalam portfolio kami, KWAP juga telah mengambil langkah untuk mengendalikan dialog dengan beberapa pihak supaya dapat memahami dengan lebih baik konsep aktivisme pemegang saham dan bagaimana ia dapat melindungi kepentingan pelabur. Pada 2009, kami mengendalikan beberapa siri perbincangan dengan pihak-pihak seperti Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Perbincangan sedemikian akan membolehkan kami membuat perubahan yang diperlukan selaras dengan amalan terbaik. Kami bertekad untuk melipat gandakan lagi usaha menggalakkan aktivisme pemegang saham pada 2010.

## Ringkasan Liabiliti Pencen

KWAP sentiasa menyedari tentang peranannya dalam lanskap dana persaraan awam dan mengadakan perbincangan secara berterusan dengan beberapa pihak berkepentingan iaitu Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Hasilnya, KWAP bersama-sama dengan Kementerian Kewangan dan JPA telah melancarkan satu kajian bersama mengenai Liabiliti Pencen Awam. Kajian menyeluruh ini akan membolehkan KWAP menilai kecukupan pembiayaan liabiliti pencennya dengan melaksanakan penilaian aktuari. Projek ini bertujuan mengenal pasti beberapa pilihan yang akan membantu KWAP membangunkan pelan andaian liabiliti dan seterusnya merangka strategi pelaburan yang sesuai dengan liabiliti tersebut.

## Kakitangan - Sumber Terpenting

KWAP memberikan penekanan yang tinggi kepada pelbagai spektrum pengurusan sumber manusia bermula daripada pemilihan dan pelantikan, pengurusan prestasi hinggalah kepada latihan. Di dalam organisasi yang berorientasikan pengetahuan seperti KWAP, adalah penting untuk mengenalpasti kekuatan setiap kakitangan agar potensi mereka dapat dijana pada tahap maksimum dan dibangunkan secara berterusan. Sistem penilaian prestasi dalaman yang kukuh juga penting dalam mengekalkan tahap semangat dan melonjakkan produktiviti. Susulan usaha penyusunan semula organisasi secara meluas yang dilaksanakan pada awal 2009, Jabatan Sumber Manusia telah mempertingkatkan

# PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

usaha pengambilan kakitangan. Usaha ini akan terus menjadi tumpuan utama aktiviti sumber manusia dalam tempoh beberapa bulan akan datang sejajar dengan usaha untuk melantik lebih ramai professional yang mempunyai pengalaman berkaitan. Kami telah mengisi beberapa jawatan penting termasuk Ketua Pengurusan Risiko dan Ketua Prestasi Peniagaan. Menjelang akhir tahun 2009, saiz kakitangan telah meningkat kepada 108 orang berbanding 98 orang pada 2008.

Salah satu usaha utama yang dilaksanakan pada 2009 adalah pengenalan struktur imbuhan baharu yang bertujuan melaraskan skim ganjaran kami dengan piawaian pasaran. Latihan turut merupakan proses sumber manusia yang penting.

Satu lagi inisiatif penting pada 2009 ialah pengenalan program bantuan kewangan yang diberikan kepada kakitangan pelaburan yang berdaftar untuk Skim Insentif Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA Financial Incentive Scheme). Saya berasa bangga untuk memaklumkan bahawa beberapa kakitangan kami telah berjaya dalam tahap pertama ujian dan berharap untuk menyediakan bantuan serupa kepada kakitangan lain yang bersedia menyahut cabaran untuk mempertingkatkan lagi pencapaian professional mereka.

## Tanggungjawab Sosial Korporat

KWAP sentiasa sedar terhadap peranannya dalam menyumbang dan membantu masyarakat. Antara aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat yang dijalankan adalah lanjutan aktiviti 2008 yang meliputi usaha memajukan masyarakat kurang berkemampuan dengan meningkatkan kualiti pendidikan mereka. KWAP turut mengambil bahagian dalam hari kerjaya di universiti tempatan bagi menyediakan maklumat meluas serta prospek industri pengurusan dana sebagai pembangunan kerjaya. KWAP juga telah menganjurkan seminar untuk kakitangan awam mengenai perancangan persaraan bagi memupuk kesedaran di kalangan bakal-bakal pesara.

## Langkah Seterusnya

Ketika melangkah masuk ke tahun 2010, saya dapati kebimbangan yang begitu ketara di awal krisis ekonomi dahulu kini telah berkurangan. Saya juga berasa lebih selesa dengan perkembangan di mana ekonomi global telah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Ini juga ketara di Malaysia seperti yang ditunjukkan dalam data ekonomi terkini. Apa yang lebih penting, ramalan terhadap pertumbuhan di peringkat global dan domestik turut menggambarkan bahawa pertumbuhan positif akan dicapai semula pada 2010.

Sungguhpun dari sudut ekonomi saya optimistik terhadap tahun 2010, prestasi yang amat memberangsangkan dalam pasaran saham pada penghujung 2009 memerlukan kami meneliti semula fundamental pelaburan. Kebimbangan terhadap gejala kemelesetan aset, kebimbangan terhadap hutang berdaulat dan pembalikan kitaran kadar faedah mungkin akan membawa kesan besar ke atas pergerakan pasaran secara keseluruhan pada 2010. KWAP akan mengambil sikap berwaspada terhadap risiko-risiko yang mungkin merencatkan usaha pemulihan.

Sehubungan itu, KWAP akan terus mencari peluang bagi mempertingkatkan lagi prestasi pelaburannya. Bagi mendapatkan pulangan lebih tinggi, KWAP juga merancang untuk mempelbagaikan aset serta melihat di luar daripada kelas aset konvensional bagi menjana prestasi lebih baik. KWAP telah mengenalpasti pelaburan antarabangsa sebagai kelas aset baharu dimana pelaksanaan pelaburan akan dilaksanakan secara berhemah. Usaha baharu ini merupakan segmen penting dalam rancangan KWAP untuk 2010, selain mengkaji semula Alokasi Aset Strategik KWAP.

KWAP berjaya mengatasi pelbagai cabaran berpaksikan kekuatan semangat keakraban dan berpasukan. Segala inisiatif yang dijalankan tidak boleh dicapai tanpa komitmen dan ketekunan seluruh tenaga kerja KWAP. Justeru, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan atas semangat dedikasi yang mereka tunjukkan dan yakin KWAP akan terus mencapai kejayaan yang lebih baik.

# PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Akhir kata, bagi pihak pengurusan KWAP, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga serta Ahli-Ahli Panel Pelaburan di atas panduan dan nasihat, serta komitmen terhadap KWAP. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap Kementerian Kewangan dan agensi kerajaan yang lain di atas sokongan dan kerjasama berterusan, yang telah membantu KWAP melaksanakan fungsi-fungsinya dengan lebih berkesan.

# HALA TUJU MASA DEPAN




Selepas penubuhannya pada tahun 2007, KWAP telah melancarkan Kajian Model Perniagaan untuk menyemak dan memperbaiki model perniagaannya yang sedia ada bagi membolehkan organisasi ini memenuhi visinya menjadi dana berprestasi tinggi yang menjanjikan manfaat pencen yang mampan.

Fokus bagi tempoh 2008 hingga 2010 atau dikenali sebagai Gelombang 1 adalah membangun keupayaan untuk mempertingkatkan pulangan daripada pelaburan dan memulakan proses menjalin hubungan dengan pihak berkepentingan mengenai perumusan dasar pencen. Fokus serampang dua mata Gelombang 1 dibutirkan lebih lanjut lagi dalam Laporan Tahunan ini di bawah bahagian bertajuk 'Matlamat Menjadi Pengurus Berfokus Pelanggan' dan 'Matlamat untuk Membiayai Liabiliti Pencen'.

Gelombang II akan memanfaatkan keupayaan yang telah dibangunkan dan perhubungan yang sudah dijalin dengan pihak berkepentingan berkaitan di bawah Gelombang I dengan menumpukan kepada:

a) Menyambung pelaksanaan Pelan Induk Peralihan 3 Tahun Alokasi Aset Strategik;

b) Memulakan pengurusan pelaburan asing oleh pengurus dalaman secara aktif;

c) Melaksanakan keputusan Kajian Liabiliti Pencen (akan disiapkan pada tahun 2010) seperti:

   - Penyesuaian Alokasi Aset Strategik dan strategi pelaburan KWAP dengan pelan andaian liabiliti yang dirumus

   - Penyelarasan secara lebih baik dengan pihak berkepentingan strategik berkaitan pengurusan dasar skim pencen Kerajaan Persekutuan

d) Meneroka kemungkinan mengurus dana pihak ketiga dengan memanfaatkan keupayaan yang telah dibangunkan; dan

e) Membangun keupayaan untuk menawarkan produk dan perkhidmatan persaraan.




## BAHAGIAN B

• Matlamat Menjadi Pengurus Berfokus Pulangan • Kemajuan Keseluruhan Program Transformasi
• Matlamat Untuk Membiayai Liabiliti Pencen Kerajaan • Dana Persaraan Menuntut Pulangan Tinggi
• Strategi Mencapai Sasaran Pulangan Jangka Panjang

# MATLAMAT MENJADI PENGURUS BERFOKUS PULANGAN

Dalam usaha untuk menjadi pengurus berfokus pulangan, empat teras strategik digariskan sebagai prinsip panduan KWAP dalam merumus inisiatif strategik mahu pun operasinya. Keempat-empat teras strategik tersebut adalah seperti gambaran di bawah:

| Teras Strategik | Meningkatkan Pulangan | Kesedaran Risiko | Budaya Prestasi | Pengurusan Profesional Berkebolehan |
|---|---|---|---|---|
| | Meningkatkan pulangan selepas pelarasan risiko melalui kepelbagaian pelaburan dalam kelas-kelas aset baharu | Memupuk budaya pengurusan risiko di seluruh peringkat organisasi | Organisasi berasaskan prestasi dengan kebertanggungjawaban dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditakrif dengan jelas | Menarik, membangun dan mengekalkan profesional berkebolehan |

## MENINGKATKAN PULANGAN

Bagi mempertingkatkan pulangan selepas pelarasan risiko, KWAP akan mempelbagaikan pelaburannya dalam kelas aset baharu termasuk kategori aset asing. Ini akan dicapai menerusi kajian semula Alokasi Aset Strategik (SAA) sedia ada dan beralih kepada SAA baharu yang mampu mempertingkatkan pulangan dalam risiko parameter yang dibenarkan.

## KESEDARAN PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko tidak hanya terhad kepada pembentukan fungsi pengurusan risiko dalam organisasi semata-mata, tetapi lebih cenderung kepada penerapan amalan pengurusan risiko dalam setiap aspek aktiviti organisasi. Dengan mengambil kira perkara di atas dan ditambah pula dengan suasana pelaburan kompleks yang mungkin akan dihadapi oleh KWAP pada masa akan datang, penerapan kesedaran pengurusan risiko telah dipilih sebagai salah satu teras strategik KWAP.

Pendekatan sedemikian terhadap pengurusan risiko, berserta dengan kerumitan pelaburan pada masa hadapan, menyediakan asas yang kukuh bagi KWAP untuk mengukuhkan penerapan kesedaran dan budaya pengurusan risiko dalam teras strategiknya.

## BUDAYA BERPRESTASI

Kaedah pelaburan dan pengurusan risiko yang betul semata-mata tidak menjamin kejayaan sesebuah organisasi melainkan wujudnya penyelarasan antara sasaran organisasi dan kakitangan. Bagi mencapainya, KWAP perlu membentuk persekitaran kerja yang mempunyai kebertanggungjawaban yang jelas, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan skim ganjaran berasaskan prestasi yang sesuai.

## PENGURUSAN PROFESIONAL BERKEBOLEHAN

Atas kesedaran bahawa warga kerja merupakan aset terpenting bagi KWAP untuk mencapai sasaran yang ditetapkan, pengurusan profesional yang berkebolehan secara berkesan telah dikenal pasti sebagai satu lagi teras strategik. Ini memerlukan KWAP mengkaji bagaimana ia dapat membangunkan kepakaran dalamannya secara optimum disamping menarik para profesional baharu yang berkebolehan, dengan penekanan terhadap kemahiran dan kepakaran teknikal khusus yang diperlukan oleh organisasi serta kebolehan kepimpinan bagi memacu KWAP ke tahap yang seterusnya.

Bagi menyokong usaha menzahirkan empat teras strategik, satu program transformasi dengan 20 inisiatif telah dikenal pasti untuk dilaksanakan sepanjang tempoh 2 tahun seperti yang ditunjukkan di muka surat berikut.

# MATLAMAT MENJADI PENGURUS BERFOKUS PULANGAN

Untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan program transformasi, Pejabat Pengurusan Projek (PMO) telah dibentuk pada Ogos 2008, yang bertanggungjawab untuk:

- Mengenal pasti dan menyusun inisiatif utama untuk dilaksanakan;
- Memantau dan melaporkan kemajuan pelaksanaan inisiatif;
- Memudahkan dan menyelesaikan halangan, sekiranya ada, dalam pelaksanaan inisiatif tersebut; dan
- Membangunkan pelan komunikasi serta membantu pelaksanaan komunikasi dengan pihak berkepentingan.

PMO melapor terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan memaklumkan kemajuan Program Transformasi kepada Lembaga secara bulanan dengan mengetengahkan isu-isu untuk panduan dan keputusan.

Oleh kerana pengurusan perubahan merupakan aspek penting bagi program transformasi ini, fokus perubahan pengurusan bagi 2009 disasarkan ke arah:

- Melengkapkan organisasi dengan kaedah seperti proses kerja yang dipertingkatkan dan sistem baharu untuk melaksanakan perubahan;
- Menerapkan nilai teras KWAP menerusi pelancaran kempen selama dua bulan bagi setiap nilai teras; dan
- Pelantikan para peneraju perubahan bagi membantu menyampaikan mesej penting dan menyediakan maklum balas kepada Pengurusan.

Kemajuan dan hasil program transformasi pada 2009 dibincangkan dalam Kemajuan Agenda Tranformasi pada muka surat sebelah.

| ORGANISASI | PENGURUSAN PELABURAN | PENGURUSAN RISIKO |
|---|---|---|
| **OR-1** Semakan gred, ganjaran dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | **IM-1** Meminda Polisi dan Garis Panduan Pelaburan | **RM-1** Membangun fungsi pengurusan risiko |
| **OR-2** Peralihan kepada struktur organisasi baharu | **IM-2** Peralihan kepada Alokasi Aset Strategik (SAA) baharu | **RM-2** Melaksanakan standard risiko operasi |
| **OR-3** Pengubahsuaian susun atur pejabat | **IM-3** Mengguna pakai model pelaburan ekuiti baharu | **RM-3** Melaksanakan pelan kesinambungan perniagaan |
| **OR-4** Pembangunan program latihan pengurusan dan biasiswa | **IM-4** Mengguna pakai model pelaburan pendapatan tetap baharu | **RM-4** Melaksanakan pelan risiko strategik |
| | **IM-5** Membentuk fungsi Pengurus Dana Luaran | **RM-5** Melaksanakan sistem pengurusan risiko |
| | **IM-6** Membentuk fungsi prestasi perniagaan | **RM-6** Membentuk fungsi audit dalaman |
| | **IM-7** Melaksanakan sistem pengurusan portfolio | |
| | **IM-8** Membentuk Jabatan Kustodian dan Jabatan Penjelasan Pelaburan | |
| | **IM-9** Membentuk fungsi strategi portfolio | |
| | **IM-10** Membentuk fungsi Alokasi Aset Taktikal | |

**PENGURUSAN PERUBAHAN DAN KOMUNIKASI**

# KEMAJUAN KESELURUHAN PROGRAM TRANSFORMASI

Seperti yang dinyatakan dalam bahagian 'Matlamat Menjadi Pengurus Berfokus Pulangan', 20 inisiatif di bawah Program Transformasi telah dilaksanakan secara berperingkat sejak 2008. Berikut adalah status kemajuan dan hasil setiap inisiatif berkenaan:

| BIL. | INISIATIF | STATUS KEMAJUAN | HASIL |
|---|---|---|---|
| **ORGANISASI** | | | |
| **1.** | Semakan gred, ganjaran dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Skim gaji baharu telah diluluskan pada Julai 2009 dengan pelaksanaan berperingkat untuk menghubungkan perubahan gaji dengan prestasi kerja | Perubahan positif budaya kerja hasil hubungan perubahan gaji dengan prestasi dan dilaksanakan secara berperingkat. Usaha ini telah benar-benar meningkatkan kesedaran di kalangan kakitangan berhubung kesan prestasi mereka terhadap ganjaran. |
| **2.** | Peralihan kepada struktur organisasi baharu | 6 jawatan penting baharu telah diisi pada 2009 | Membolehkan pengendalian fungsi-fungsi baharu seperti Pengurusan Risiko dan Pematuhan, Prestasi Perniagaan dan Analisis Kredit bagi Pendapatan Tetap. |
| **3.** | Mereka bentuk semula susun atur pejabat | Bilik urus niaga baharu siap pada Mac 2009 | Bilik urus niaga yang menempatkan Jabatan Ekuiti, Jabatan Pendapatan Tetap dan Jabatan Strategi Portfolio menawarkan sinergi lebih baik dari segi perkongsian maklumat pasaran antara jabatan berlainan. Ini telah mempertingkatkan proses membuat keputusan pelaburan. |
| **4.** | Pembangunan program latihan pengurusan dan biasiswa | Diluluskan oleh Lembaga pada Disember 2009 | Pelaksanaan dijadual pada 2010. |

# KEMAJUAN KESELURUHAN PROGRAM TRANSFORMASI

| BIL. | INISIATIF | STATUS KEMAJUAN | HASIL |
|---|---|---|---|
| **PENGURUSAN PELABURAN** | | | |
| **1.** | Meminda Polisi dan Garis Panduan Pelaburan (IPG) | Pindaan selesai pada Januari 2009 | IPG yang diselaraskan dengan model pelaburan baharu membolehkan pelaksanaan proses membuat keputusan pelaburan yang berkesan. |
| **2.** | Peralihan kepada Alokasi Aset Strategik baharu (SAA) | SAA baharu dan Pelan Induk Peralihan telah diluluskan oleh Panel Pelaburan dan Lembaga pada November 2008 | Objektif utama SAA baharu adalah untuk meninggikan pulangan dalam lingkungan parameter risiko yang dibenarkan dengan melabur dalam kelas-kelas aset baharu termasuk pelaburan antarabangsa. Pada masa ini, portfolio KWAP tertumpu terhadap pasaran domestik.<br><br>Penyesuaian secara berperingkat strategi pelaburan ke arah pelaksanaan SAA.<br><br>Pemilihan pengurus dana untuk mengurus mandat pelaburan antarabangsa bermula pada 2009 dengan pelantikan akan selesai pada 2010. |
| **3.** | Mengguna pakai Model Pelaburan Ekuiti baharu | Pelaksanaan selesai pada Januari 2009 | Pembentukan sub-portfolio kecil telah mewujudkan kebertanggungjawaban yang jelas. Ini kerana setiap Pengurus Portfolio menguruskan portfolio masing-masing secara khusus di mana mereka bertanggungjawab terhadap prestasi mereka sendiri.<br><br>Lokasi bersama dan aliran laporan yang sama bagi para Penganalisis Penyelidikan dan Pengurus Portfolio telah mewujudkan sinergi tanpa sempadan antara kedua-dua bidang dan mempertingkatkan proses membuat keputusan. |
| **4.** | Mengguna pakai Model Pelaburan Pendapatan Tetap baharu | Pelaksanaan selesai pada Januari 2009 | Pelantikan Penganalisis Kredit membolehkan Jabatan Pendapatan Tetap mempertingkatkan analisis kredit dan kadar faedah serta proses pemantauan pelaburan dalam pinjaman, Sekuriti Hutang Swasta, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan instrumen pasaran wang. |

# KEMAJUAN KESELURUHAN PROGRAM TRANSFORMASI

| BIL. | INISIATIF | STATUS KEMAJUAN | HASIL |
|---|---|---|---|
| **PENGURUSAN PELABURAN** | | | |
| **5.** | Membentuk fungsi Pengurusan Dana Luar (EFM) | Pelaksanaan selesai pada November 2009 | Prosedur Operasi Standard EFM yang telah siap membolehkan proses pemantauan bersistematik ke atas prestasi para pengurus dana luar yang dilantik dan pelantikan para pengurus dana luar baharu. |
| **6.** | Membentuk fungsi Prestasi Perniagaan | Pelaksanaan selesai pada Julai 2009 | Pembentukan fungsi Prestasi Perniagaan membolehkan prestasi jabatan-jabatan pelaburan diukur secara bebas dan berobjektif sejajar dengan amalan terbaik. |
| **7.** | Melaksanakan Sistem Pengurusan Dana Pelaburan Bersepadu | Pembangunan sistem selesai pada Disember 2009 | Sistem tersebut mengandungi ciri-ciri kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang ditetapkan lebih awal dan berautomasi yang mempertingkatkan keberkesanan pengurusan risiko keseluruhan operasi pelaburan. |
| **8.** | Menubuhkan Jabatan Kustodian dan Jabatan Penjelasan Pelaburan | Pelaksanaan selesai pada Mei 2009 | Pengasingan tugas yang jelas antara *front office* dan *back office* dari segi aktiviti pemprosesan *back room* seperti penjelasan pembayaran dan penjagaan aset. |
| **9.** | Mewujudkan fungsi Strategi Portfolio | Pelaksanaan selesai pada Januari 2009 | Pembentukan fungsi tersebut membolehkan pengawasan dan pemantauan secara dekat terhadap pelaksanaan Pelan Induk Peralihan SAA dari segi, iaitu senario pelaburan dan arah tuju pemegang kepentingan semasa. |
| **10.** | Mewujudkan fungsi Alokasi Aset Taktikal | Fungsi telah dilaksanakan oleh Jabatan Pelaburan yang berkenaan | Jabatan Ekuiti telah berjaya menggunakan Alokasi Aset Taktikal yang diperuntukkan, yang mana sebahagiannya menyumbang ke arah merealisasikan ROI 9.77% bagi pelaburan ekuiti dalaman. |

# KEMAJUAN KESELURUHAN PROGRAM TRANSFORMASI

| BIL. | INISIATIF | STATUS KEMAJUAN | HASIL |
|---|---|---|---|
| **PENGURUSAN RISIKO** | | | |
| **1.** | Membina fungsi pengurusan risiko | 60% siap | Pembentukan Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan membolehkan pelaksanaan amalan pengurusan risiko secara beransur-ansur dengan pencapaian penting pada 2009 termasuk:<br>a) Pemantauan Profil Risiko Korporat secara berkala yang menilai bidang risiko peringkat korporat dari segi status dan keberkesanan kawalan pengurangan yang telah diwujudkan; dan<br>b) Peristiwa risiko operasi dikesan dan dilaporkan secara sistematik dengan tindakan pembetulan diambil dalam tempoh masa yang ditetapkan. |
| **2.** | Melaksanakan piawaian risiko operasi | 80% siap | Terdapat 24 piawaian risiko operasi bermatlamat untuk mempertingkatkan piawaian risiko di segenap bidang operasi organisasi. Pada 2009, 21 piawaian dilaksanakan di mana manfaat atau hasil daripada pelaksanaan tersebut dijangka lebih ketara pada 2010. |
| **3.** | Melaksanakan Pelan Kesinambungan Perniagaan | Pelaksanaan selesai pada Disember 2009 | Rangka Kerja Pengurusan Kesinambungan Perniagaan telah diwujudkan bagi menggariskan rangka kerja umum tentang bagaimana organisasi ini dapat meneruskan operasi jika berlaku krisis. Rangka kerja tersebut mempunyai beberapa komponen termasuk:<br>a) Pelan Pengurusan Insiden;<br>b) Pelan Komunikasi Insiden;<br>c) Pelan Pemulihan Bencana;<br>d) Pelan Kesinambungan Perniagaan; dan<br>e) Kesedaran dan Latihan.<br>Sehubungan dengan Pelan Pemulihan Bencana, KWAP telah mewujudkan sebuah Pusat Pemulihan Bencana (DRC) pada penghujung Disember 2009 dengan penerapan dan ujian sepenuhnya akan dijalankan pada 2010. Pembentukan DRC memastikan kesinambungan perniagaan semasa krisis. |

# KEMAJUAN KESELURUHAN PROGRAM TRANSFORMASI

| BIL. | INISIATIF | STATUS KEMAJUAN | HASIL |
|---|---|---|---|
| **PENGURUSAN RISIKO** | | | |
| **4.** | Melaksanakan Pelan Risiko Stategik | Akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2010 | Tidak berkenaan. |
| **5.** | Melaksanakan sistem pengurusan risiko | Akan dilaksanakan sepenuhnya pada 2010 | Dengan ketiadaan sistem pengurusan risiko dalaman (aplikasi berasaskan IT), khidmat pihak ketiga telah digunakan untuk menyediakan Laporan Metrik Risiko Pasaran. Secara keseluruhan, 24 laporan dikeluarkan pada 2009.<br><br>Laporan tersebut yang meramal kemungkinan metrik-metrik risiko bagi setiap kelas aset untuk tempoh 12 bulan akan datang telah dibincangkan dari semasa ke semasa di peringkat Pengurusan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.<br><br>Di peringkat Pengurusan, laporan tersebut digunakan sebagai sebahagian daripada proses membuat keputusan. |
| **6.** | Membentuk fungsi audit dalaman | Akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2010 | Sebagai tindakan sementara, sebuah firma audit luar profesional telah dilantik untuk menjalankan fungsi audit dalaman KWAP. Pada tahun 2009, 4 bidang operasi telah diaudit di mana pemerhatian audit tersebut dibincangkan dalam Bahagian Tadbir Urus Korporat di muka surat 59 Laporan Tahunan ini. |

# MATLAMAT UNTUK MEMBIAYAI LIABILITI PENCEN KERAJAAN

KWAP berhasrat untuk membantu Kerajaan Persekutuan membiayai liabiliti pencennya, selaras dengan matlamat KWAP untuk menjadi pengurus berfokus pulangan, sepertimana yang dihuraikan sebelum ini. Bagi memenuhi matlamat ini, KWAP telah memulakan satu kajian liabiliti pencen dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam pada suku terakhir 2009. Tujuan utama kajian tersebut adalah untuk mengenalpasti pilihan yang tersedia kepada KWAP untuk membantu Kerajaan Persekutuan membiayai liabiliti pencennya pada masa hadapan. Usaha memulakan kajian ini membuktikan langkah proaktif KWAP dalam menjalin kerjasama dengan pihak berkepentingan ke arah merealisasi aspirasi Kerajaan Persekutuan supaya KWAP memainkan peranan yang lebih besar dalam membiayai skim pencen perkhidmatan awam secara berperingkat.

Bagi memudahkan kajian tersebut, satu penilaian aktuari telah dilaksanakan untuk menangani dimensi-dimensi berikut:

| DIMENSI |
| --- |
| Menyemak semula kecukupan kadar caruman Kerajaan Persekutuan, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan dibandingkan dengan liabiliti pada masa depan dan pertumbuhan dana KWAP. |
| Meneroka skim persaraan alternatif bagi tujuan membuat penanda aras dari segi kos dan manfaat, dengan meneliti skim persaraan kakitangan awam negara lain. |
| Titik permulaan dan kuantum bayaran yang wajar oleh KWAP kepada Kerajaan Persekutuan, dengan mengambilkira saiz dana semasa dan saiz unjurannya. |
| Pulangan daripada pelaburan ke atas dananya yang didorong secara am oleh Alokasi Aset Strategiknya dan keupayaan para pengurus pelaburan. |

Keputusan daripada penilaian aktuari ini akan digunakan sebagai asas untuk mengenalpasti pilihan yang tersedia kepada KWAP untuk membantu Kerajaan Persekutuan dalam membiayai liabiliti pencennya.

Kajian ini dijangka akan disiapkan menjelang pertengahan tahun 2010 dan KWAP akan mengemukakan syor-syor yang diusul kepada Kerajaan Persekutuan untuk dipertimbangkan.

# DANA PERSARAAN MENUNTUT PULANGAN TINGGI

KWAP mengorientasikan strategi pelaburannya ke arah menjadi pengurus aset berfokuskan pulangan kerana ia belum lagi dipertanggungjawabkan untuk menanggung liabiliti pencen. Dalam jangka masa sederhana, penekanan ke atas pulangan akan membolehkan dana ini mengembangkan saiznya bagi memastikan ia mencapai skala dan kapasiti untuk membiayai liabiliti pencen bila masanya tiba.

KWAP telah mengendalikan satu kajian awal mengenai liabiliti yang diunjurkan berdasarkan jangkaan dalam aliran caruman, demografi pencen dan pertumbuhan gaji. Keputusan kajian ini menggambarkan bahawa KWAP perlu menjana kadar pulangan jangka panjang sebanyak 8% untuk menanggung liabiliti pencen secara mampan pada satu masa nanti. Sasaran pulangan nominal 8% ini berasaskan sasaran purata berterusan selama 5 tahun.

Penentu lain di sebalik formulasi dan pembangunan portfolio kami ialah risiko. KWAP mengakui kepentingan menjana pulangan pelaburan yang setara dengan tahap risiko yang boleh ditoleransi. Mengurus pulangan memerlukan darjah risiko tertentu. Seperti ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah, dana persaraan utama telah mengalami pergolakan pulangan yang tinggi.

Setiap kelas aset mempunyai profil pulangan risiko yang unik dan berbeza serta akan berinteraksi dan berkait secara berlainan antara satu sama lain pada peringkat portfolio. Rangka kerja logikal ini bertujuan untuk menjelaskan bagaimana Alokasi Aset Strategik (SAA) kami dirumus. Penilaian ke atas SAA akan dilakukan secara berkala bagi memastikan objektif kami kekal realistik dan boleh dilaksanakan mengikut dinamik pasaran. (Sila rujuk muka surat sebelah).

Hasil penemuan daripada kajian model perniagaan yang dilaksanakan pada 2008 menunjukkan bahawa menjana pulangan lebih tinggi pada tahap risiko yang sama boleh dicapai. Ini bermaksud KWAP boleh memaksimumkan objektif pulangannya tanpa mengambil risiko berlebihan. Untuk itu, kepelbagaian ke dalam kelas aset dan pasaran baharu adalah perlu. Kajian ini juga mendedahkan bahawa pelaburan asing dan alternatif telah menunjukkan pulangan dilaras risiko yang lebih tinggi pada masa lepas.

## PRESTASI DANA PERSARAAN AWAM TERBESAR AMERIKA SYARIKAT




**Sumber:** Financial Times, Boston Consulting Group

# DANA PERSARAAN MENUNTUT PULANGAN TINGGI

## PULANGAN TERLARAS RISIKO TERBAIK DARIPADA ALTERNATIF




**Sumber:** Analisis Boston Consulting Group, 2008

Kajian juga menunjukkan bahawa ekuiti berkemungkinan menjana pulangan lebih tinggi berbanding sekuriti pendapatan tetap dalam jangka panjang. Keketaraan ekuiti sebagai satu kelas aset berbanding sekuriti pendapatan tetap diperkuatkan lagi oleh persekitaran kadar faedah rendah. Teori konvensional juga menunjukkan bahawa ekuiti cenderung memberikan pulangan dan risiko lebih berselerak berbanding instrumen pendapatan tetap. Walau bagaimanapun, kami yakin risiko sedemikian boleh dikawal dan diurus dengan menyediakan mekanisma kawalan dan risiko yang sesuai dalam setiap kelas aset. Berdasarkan profil ganjaran risiko, ekuiti akan menjadi fokus pelaburan kami terutamanya dalam konteks memenuhi objektif jangka panjang.

Senarai aset boleh dilabur KWAP ditentukan dengan jelas di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007. Dengan SAA baharu, KWAP kini boleh mempelbagai pelaburan asetnya di luar sempadan domestik dan dalam kelas aset bukan konvensional seperti hartanah dan ekuiti persendirian. Sebarang keputusan untuk melabur di peringkat antarabangsa atau melabur di luar daripada senarai pelaburan dibenarkan memerlukan kelulusan Kementerian Kewangan.

**Peraturan yang menetapkan strategi pelaburan kami**

- KWAP hanya boleh melabur dalam saham yang tersenarai dalam senarai saham yang diluluskan
- Sehingga 15% dananya boleh dilaburkan di luar negara
- KWAP tidak boleh melabur dalam komoditi atau dana lindung nilai
- KWAP boleh melabur sehingga 10% daripada jumlah nilai pasaran portfolio ekuiti domestiknya dalam sesebuah kumpulan syarikat tersenarai awam
- KWAP tidak akan melabur lebih daripada 15% daripada jumlah nilai pasaran portfolio ekuiti domestiknya dalam satu kumpulan syarikat-syarikat tersenarai awam
- Langganan kepada sesuatu terbitan bon korporat tidak melebihi 10% daripada jumlah amaun yang ditawarkan dalam langganan tersebut atau 25% daripada dana pemegang saham syarikat yang menerbit bon tersebut
- KWAP boleh melabur dalam bon korporat berkadar minimum P2/MARC 2 bagi pegangan jangka pendek dan sekurang-kurangnya A3 atau A- bagi pegangan jangka panjang
- KWAP akan menghadkan pelaburannya dalam hartanah domestik dan luar negara dalam bentuk pelaburan langsung
- Pendedahan kepada sesebuah hartanah dihadkan kepada 30% daripada portfolio pelaburan hartanah KWAP

# STRATEGI MENCAPAI SASARAN PULANGAN JANGKA PANJANG

KWAP telah mengamalkan Alokasi Aset Strategik (SAA) sebagai elemen penting dalam proses membuat keputusan pelaburannya. Memiliki SAA yang sesuai adalah penting supaya alokasi aset diperuntukkan kepada kelas aset yang benar-benar menunjukkan pulangan dengan risiko paling optimum. Oleh kerana alokasi aset dikenalpasti sebagai pemacu utama kepada prestasi pelaburan berbanding pemasaan pasaran dan pemilihan sekuriti, KWAP bertekad untuk membina dan membangun pengetahuan yang lebih baik serta pemahaman yang lebih luas tentang SAA. KWAP berhasrat untuk memperdalami pemahamannya mengenai SAA, setelah mengambil kira konsepnya yang bersifat praktikal dan dinamik.

## APA YANG MENENTUKAN SAA KWAP

Perkara penting yang dilakukan dalam merumus satu rangka kerja SAA yang sesuai melibatkan pemahaman menyeluruh terlebih dahulu tentang objektif pelaburan organisasi, toleransi risiko dan sempadan pelaburannya. Ketiga-tiga elemen ini menyediakan input struktur kepada SAA dan juga menghuraikan bagaimana risiko didefinisi di KWAP.

Secara umum, proses tersebut bermula dengan mengambil kira pandangan dan hala tuju strategi di peringkat Lembaga. Seperti biasa, pandangan dan perspektif yang diperolehi dari Lembaga digunakan sebagai rujukan untuk membangunkan objektif pelaburan dana. Kemudian ia diperincikan kepada proses pelaburan dalam bentuk objektif dan falsafah pelaburan dana. Objektif ini yang digabung dengan toleransi risiko dana, kemudiannya akan menjadi motivasi utama di sebalik matlamat pelaburan dan proses alokasi aset dana. SAA bertindak sebagai pemboleh prestasi utama dan ia selaras dengan aspirasi KWAP untuk menjadi sebuah institusi pelaburan yang berkesan. Sebagai usaha mendokong idea ini, KWAP akan sentiasa berhubung dengan pemegang

**Gambar Rajah Langkah Biasa Dalam Alokasi Aset**



# STRATEGI MENCAPAI SASARAN PULANGAN JANGKA PANJANG

kepentingan utama kami, terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan pelaburan.

Mekanisma di sebalik regim SAA di KWAP terletak pada teknik Mengoptimum Min Varians Markowitz dan Sempadan Kecekapan. Walau bagaimanapun, pemikiran yang diperlukan dalam melaksanakan proses tersebut membenarkan sedikit elemen yang subjektif dan dalam hal sedemikian, ia bersifat agak fleksibel. Semasa proses mengoptimum itu dijalankan, ia saling dilengkapi dengan berbagai perkara subjektif dan kualitatif serta beberapa faktor membuat keputusan dalam bentuk pengalaman mahupun saintifik. Proses ini berakhir dengan penghasilan SAA yang mencerminkan keutamaan kelas aset KWAP berasaskan kepada aspirasi pulangan dan toleransi risiko yang unik.

Kami juga ingin menekankan bahawa KWAP sebagai sebuah dana persaraan mempunyai matlamat untuk membiayai liabiliti pencen kerajaan. Walaupun belum ada lagi jadual yang khusus bagi KWAP untuk memainkan peranan ini, KWAP telah pun mengadakan perbincangan secara proaktif dengan pihak-pihak berkaitan mengenai hala tuju pembiayaan pencen awam. Malah, KWAP telah menggerakkan satu inisiatif secara kerjasama ke arah mencapai matlamat ini dengan melantik sebuah firma aktuari untuk membuat satu kajian mengenainya.

Dalam hal ini, hubungan di antara liabiliti dan keseluruhan proses pelaburan yang merangkumi pulangan, risiko dan SAA kini menjadi lebih penting kerana ia boleh membantu memberi gambaran yang lebih jelas tentang rangka kerja pembuatan keputusannya. Malah, satu usaha sudah pun dimulakan yang bertujuan membantu KWAP memahami lebih mendalam lagi tentang profil dan kuantum liabiliti pencen awam. Pembiayaan liabiliti pencen tersebut akhirnya akan mendefinisikan KWAP sebagai sebuah dana persaraan untuk jangka masa panjang.

Walaupun KWAP telah merangka pelan untuk mempelbagai portfolionya dengan mengalih komposisi alokasi asetnya, namun pihak pengurusan telah mengambil langkah untuk melaksanakannya secara berperingkat dan menggunakan pendekatan secara berhemat pada tahun 2010. Sebahagian besar daripadanya bergantung kepada bagaimana kesudahan keadaan krisis ekonomi dan kewangan yang dilalui dan pergolakan luar biasa di pasaran yang mana terus menghantui sentimen pasaran serta meningkatkan tahap risiko pasaran. Apabila pasaran menjadi bertambah stabil pada penghujung bulan Mac dan pergolakan di pasaran semakin reda, dengan lebih banyak jumlah tunai yang dimiliki, kami telah memasuki ke dalam kelas aset yang menjana pulangan lebih tinggi seperti ekuiti. Keputusan untuk meningkatkan julat alokasi aset taktikal dalam ekuiti pada tahun ini dilakukan dengan tujuan untuk mempertingkatkan pendapatan dan pulangan dana ini. Dari sudut pandangan aset strategik, KWAP tetap komited untuk mencari lebih banyak kaedah di mana ia boleh menambahbaik lagi keupayaannya mencari serta menjana *alpha*. Penyesuaian alokasi aset, sama ada secara strategik mahupun taktikal, bersama dengan orientasi pelaburan dan tahap risiko organisasi menjadi pendorong penting kepada pencapaian matlamat jangka panjang KWAP yang ingin menjana pulangan secara konsisten dan terbaik.

# STRATEGI MENCAPAI SASARAN PULANGAN JANGKA PANJANG

| KELAS ASET | ALOKASI *END STATE* | PENANDA ARAS |
|---|---|---|
| **Domestik** | **85%** | |
| Ekuiti | 24% | FBM 100 |
| Pendapatan Tetap – SKM | 29% | Hasil SKM Quantshop (Seluruh) |
| Pendapatan Tetap – SHS dan Pinjaman | 27% | Hasil Corp Quantshop (Sederhana) |
| Hartanah | 3% | Pulangan Mengikut Kelas Harta |
| Perbendaharaan | 2% | KLIBOR 3 bulan |
| **Antarabangsa** | **15%** | |
| Ekuiti | 2% | MSCI World |
| Pendapatan Tetap | 1% | Barclays Global Aggregate Index (Dahulu Lehman Global Aggregate Index) |
| Ekuiti Persendirian | 6% | PIPE Buyouts |
| Hartanah | 6% | Pulangan Mengikut Kelas Hartanah |




# BAHAGIAN C

• Tinjauan Kad Skor Korporat 2009 • 2009: Tahun Pemulihan • Keteguhan Prestasi Pelaburan
• Pengurusan Caruman • Risiko dan Tadbir Urus Korporat • Budaya Prestasi Tinggi
• Organisasi Prihatin • 2009: Tahun Penuh Peristiwa • Kad Skor Korporat 2010

# TINJAUAN KAD SKOR KORPORAT 2009

| BIL. | OBJEKTIF KORPORAT | UKURAN KPI | SASARAN TAHUNAN | PRESTASI TAHUN PENUH |
|---|---|---|---|---|
| **A. PIHAK BERKEPENTINGAN** | | | | |
| **1.** | Untuk meningkatkan saiz dana | Saiz dana: Nilai (RM bilion) dan peratusan pertumbuhan (%) | Meningkatkan saiz dana sebanyak 10% daripada baki awal 2009 sebanyak RM52.04 bilion | Mencapai sasaran dengan kadar pertumbuhan 18% atau peningkatan RM9.46 bilion |
| **2.** | Untuk menjadi pengurus aset yang berfokuskan pulangan dengan membina kemampuan kami | Inisiatif dilaksanakan menurut tempoh masa dan penanda pencapaian yang diluluskan | Melaksanakan 20 inisiatif seperti digariskan di bawah Program Transformasi | Mencapai sasaran dengan:<br>• 8 inisiatif selesai sepenuhnya<br>• 6 inisiatif menurut jadual<br>• 3 inisiatif disusun semula mengikut keutamaan dan 60% selesai<br>• 3 inisiatif disusun semula keutamaannya untuk dilaksanakan pada 2010 |
| | | | Melaksanakan 8 inisiatif tambahan yang dikenal pasti di bawah Pelan Perniagaan 2010 | Berjaya melancarkan 8 inisiatif tambahan |
| **B. KEWANGAN** | | | | |
| **1.** | Untuk mencapai pendapatan pelaburan mutlak yang disasarkan | Pendapatan pelaburan mutlak sebenar (RM) | Pendapatan pelaburan mutlak sebenar mengatasi Sasaran Lanjutan | Mengatasi Sasaran Lanjutan 3 sebanyak 4.01% atau RM125 juta (Pendapatan pelaburan sebenar adalah RM3.24 bilion berbanding Sasaran Lanjutan 3 sebanyak RM3.17 bilion) |
| **2.** | Untuk mengatasi penanda aras prestasi | Pulangan pelaburan (ROI) berbanding penanda aras (%) | ROI sebenar mengatasi penanda aras prestasi | ROI bagi 2009 mengatasi penanda aras prestasi dengan pencapaian sebanyak 5.62% |
| **3.** | Untuk mengurangkan turun naik pulangan portfolio (sisihan standard (standard deviation)) di peringkat dana | Sisihan standard (%) | Tidak melebihi sisihan standard maksimum sebanyak 10.4% | Mencapai sasaran dengan sisihan standard hanya sebanyak 7.4% |

# TINJAUAN KAD SKOR KORPORAT 2009

| BIL. | OBJEKTIF KORPORAT | UKURAN KPI | SASARAN TAHUNAN | PRESTASI TAHUN PENUH |
|---|---|---|---|---|
| **B. KEWANGAN** | | | | |
| **4.** | Untuk menyempurnakan proses peralihan kepada Alokasi Aset Strategik (SAA) baharu | Tahap pencapaian sasaran Pelan Induk Peralihan SAA | Mencapai sasaran-sasaran yang ditetapkan oleh Pelan Induk Peralihan SAA | Pelan Induk Peralihan SAA kini sedang disemak semula kerana:<br>• Ketidaktentuan ekonomi dan turun naik pasaran global<br>• Kesan daripada perkara di atas yang mungkin menjejaskan pulangan dan risiko bagi setiap kelas aset<br>KWAP dalam proses menyemak semula dan memperhalusi SAA pada 2010 |
| **C. OPERASI** | | | | |
| **1.** | Untuk memperbaiki proses membuat keputusan pelaburan dengan membangunkan keupayaan pelaburan baharu | a) Bilangan cadangan pelaburan yang diluluskan oleh Panel Pelaburan | a) Kadar kelulusan 90% | a) Mengatasi sasaran dengan mencatat kadar kelulusan 93% |
| | | b) Bilangan pangkalan data maklumat yang diwujudkan | b) Pangkalan data bagi 2 kelas aset | b) Mencapai sasaran dengan menyiapkan pangkalan data bagi 2 kelas aset iaitu Hartanah dan Pengurus Dana Luar |
| | | c) Penyebaran maklumat tepat pada masa | c) Menurut Prosedur Operasi Piawaian bagi setiap laporan | c) Mengatasi sasaran dengan penyediaan laporan seperti tempoh masa yang ditetapkan serta penyediaan laporan-laporan baharu yang dimulakan pada 2009 |

# TINJAUAN KAD SKOR KORPORAT 2009

## C. OPERASI

| BIL. | OBJEKTIF KORPORAT | UKURAN KPI | SASARAN TAHUNAN | PRESTASI TAHUN PENUH |
|---|---|---|---|---|
| **2.** | Memupuk budaya dan amalan pengurusan risiko melalui: | | | |
| | a) Latihan dalaman Kesedaran Risiko | a) Indeks kesedaran risiko (menaksir pemahaman kakitangan berhubung program risiko yang dijalankan pada tahun ini) | a) 50% daripada kakitangan mencatat mata 70% | a) Melepasi sasaran dengan 71% kakitangan mencapai lebih 70% mata |
| | b) Pelaksanaan standard risiko operasi | b) Bilangan standard risiko operasi yang dilaksanakan | b) Untuk memulakan pelaksanaan 24 standard risiko operasi | b) Mencapai sasaran dengan 19 standard risiko operasi disiapkan, 2 sedang dilaksanakan dan 3 dijadual semula ke tahun 2010<br><br>Di samping itu, KWAP telah menyiapkan inisiatif di bawah Pengurusan Risiko dan Pematuhan seperti berikut:<br>• Rangka Kerja Peristiwa Risiko Operasi<br>• Laporan Pematuhan |
| **3.** | Untuk mempertingkatkan kecekapan operasi | | | |
| | a) Melaksanakan sistem IT baharu | a) Untuk mencapai penanda pencapaian pelaksanaan bagi setiap Sistem IT | a) Penyiapan 100% pembangunan Sistem Pengurusan Pelaburan Dana Bersepadu (IFIMS) menjelang akhir tahun 2009 | Mencapai sasaran dengan menyiapkan sepenuhnya Pembangunan IFIMS dengan pentauliahan sistem dijadualkan pada 2010 |

# TINJAUAN KAD SKOR KORPORAT 2009

## C. OPERASI

| BIL. | OBJEKTIF KORPORAT | UKURAN KPI | SASARAN TAHUNAN | PRESTASI TAHUN PENUH |
|---|---|---|---|---|
| | | | b) Penyiapan 100% pembangunan Dokumen Permintaan Untuk Cadangan (RFP) Sistem Pengurusan Caruman, Sistem Pengurusan Risiko dan Sistem Prestasi Perniagaan menjelang akhir 2009 | Mencapai sasaran bagi Sistem Pengurusan Caruman<br><br>Pembangunan RFP bagi Sistem Pengurusan Risiko dan Sistem Prestasi Perniagaan telah dijadual semula ke tahun 2010 |
| | b) Untuk membangunkan sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) | Penyiapan pembangunan SOP tepat pada masanya | Februari 2009 | Mencapai sasaran dengan membangunkan SOP pada Februari 2009<br><br>Selain itu, KWAP juga telah memulakan inisiatif untuk membangunkan manual tugas terperinci bagi setiap fungsi tugas |
| | | Kadar pematuhan kepada SOP | Pematuhan 95% bagi bidang-bidang berisiko tinggi | Mengatasi sasaran dengan mencapai pematuhan 100% bagi bidang-bidang berisiko tinggi di bawah operasi pelaburan |
| | | Bilangan pemerhatian audit dalaman | Bilangan pemerhatian audit dalaman hendaklah tidak melebihi paras 2008 seperti berikut:<br><br>• Jumlah : 27<br>• Tinggi : 6<br>• Sederhana : 18<br>• Rendah : 3<br><br>Untuk mencapai Sijil Audit Bersih bagi Penyata Kewangan 2008 | Mencapai sasaran dengan jumlah pemerhatian bagi 2009 seperti berikut:<br><br>• Jumlah : 22<br>• Tinggi : 7<br>• Sederhana : 10<br>• Rendah : 5<br><br>Mencapai sasaran dengan Sijil Audit Bersih diperoleh pada 1 April 2009 bagi Penyata Kewangan 2008 dan Laporan Tahunan telah dibentangkan di Parlimen pada Jun 2009 |

# TINJAUAN KAD SKOR KORPORAT 2009

| C. OPERASI | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **BIL.** | **OBJEKTIF KORPORAT** | **UKURAN KPI** | **SASARAN TAHUNAN** | **PRESTASI TAHUN PENUH** |
| | c) Pengurusan caruman | • Untuk memastikan kutipan caruman dalam tempoh masa ditetapkan<br><br>• Untuk memastikan ketepatan Laporan Caruman Majikan (seperti yang disediakan oleh majikan) | • Pematuhan 90% dengan mengutip caruman dalam tempoh 30 hari<br><br>• Ketepatan 100% | • KWAP mengatasi sasaran dengan mencapai kadar pematuhan sebanyak 97%<br><br>• KWAP memenuhi sasaran dengan mencapai tahap ketepatan 98.5% pada 31 Disember 2009<br><br>Nota: Pada 18 Januari 2010 kesilapan/ kekurangan sebanyak 1.5% telah dikutip daripada majikan |
| **D. PEMBELAJARAN DAN PERTUMBUHAN** | | | | |
| **1.** | Untuk menarik, membangun dan mengekalkan profesional berkebolehan | Kadar pergantian profesional berkebolehan | Kadar pergantian kakitangan hendaklah tidak melebihi 10% daripada kumpulan profesional berkebolehan | Melepasi sasaran dengan 0% kadar pergantian bagi jawatan-jawatan penting<br><br>KWAP turut melaksanakan Proses Pengurusan Prestasi berikut:<br><br>• KPI dibangunkan untuk semua peringkat dan dipersetujui antara pegawai atasan dan bawahan<br>• Sesi Cabaran Antara Jabatan berhubung KPI bagi memastikan keteguhan<br>• Ulasan KPI Pertengahan Tahun diperkenalkan<br>• Penilaian kendiri prestasi KPI semasa ulasan akhir tahun sebelum perbincangan dengan pegawai atasan |

# TINJAUAN KAD SKOR KORPORAT 2009

## D. PEMBELAJARAN DAN PERTUMBUHAN

| BIL. | OBJEKTIF KORPORAT | UKURAN KPI | SASARAN TAHUNAN | PRESTASI TAHUN PENUH |
|---|---|---|---|---|
| | | | | • Bengkel berhubung Pengurusan Prestasi Tinggi & Keputusan Menerusi KPI dijalankan |
| **2.** | Untuk kekal sebagai organisasi yang mengamalkan pembelajaran berterusan | Purata hari latihan setiap kakitangan | 7 hari minimum setiap kakitangan setahun | Mengatasi sasaran dengan hari latihan purata sebenar 2009 setiap kakitangan sebanyak 10.2 hari dengan program pensijilan utama yang dijalankan seperti berikut:<br>• 3 kakitangan lulus Peperiksaan CFA Peringkat 1 pada Jun 09<br>• Seorang kakitangan Jabatan Hartanah mendapat Sijil Penilaian Antarabangsa yang dikeluarkan oleh INSPEN<br>• Seorang kakitangan Pengurusan Risiko mendapat Pensijilan Profesional Pengurusan Kesinambungan Perniagaan<br>• 11 kakitangan lulus Modul 9 dan 9 kakitangan lulus Modul 10 Kursus Peperiksaan Pelesenan SC<br>• Menjalankan pelbagai program perkongsian ilmu seperti:<br>- Dialog dengan Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti<br>- 2 Siri Kepimpinan<br>- 2 ceramah berhubung Nilai-Nilai Teras<br>- 9 Siri `Golden Hour’ |

# TINJAUAN KAD SKOR KORPORAT 2009

| D. PEMBELAJARAN DAN PERTUMBUHAN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **BIL.** | **OBJEKTIF KORPORAT** | **UKURAN KPI** | **SASARAN TAHUNAN** | **PRESTASI TAHUN PENUH** |
| | | | | - 20 Sesi Perkongsian Ilmu (untuk berkongsi pengetahuan yang diperoleh daripada latihan luar antara kakitangan)<br>- 2 Perbincangan Kajian Kes Harvard<br>- 5 Lawatan Pengurusan ke syarikat-syarikat di mana KWAP melabur |
| **3.** | Untuk mempertingkatkan program Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) KWAP<br><br>a) Untuk menganjurkan program perancangan kewangan bagi kakitangan kerajaan<br><br>b) Untuk menyertai program pendidikan berorientasikan pelaburan yang dianjurkan oleh institusi pengajian tinggi | Bilangan inisiatif yang dijalankan | 4 inisiatif | Memenuhi sasaran dengan menjalankan:<br><br>a) Seminar perancangan kewangan bagi bakal pesara kerajaan<br><br>b) Taklimat bertajuk *An Insight to Fund Management Industry* di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan<br><br>c) Usaha kutipan dana dan derma untuk Sekolah Kebangsaan (A) Bukit Tampoi, Selangor<br><br>d) Menyumbangkan 4 rencana berkaitan pelaburan kepada sebuah akhbar harian perniagaan tempatan terkemuka |

# 2009: TAHUN PEMULIHAN

## TINJAUAN EKONOMI

Rentetan peristiwa yang berlaku pada 2008 menyebabkan 2009 menjadi tahun yang penting bagi ekonomi Malaysia. Sepertimana kesan yang dilihat dalam krisis sebelum ini, jangkaan ekonomi 2009 dijangka akan menunjukkan suasana yang kurang memberangsangkan.

Berpunca daripada krisis kewangan akibat kegagalan sistem di Amerika Syarikat selepas beberapa tahun mengalami lebihan melampau di pasaran perumahan dan kewangannya, keadaan ini dengan pantas merebak menjadi satu fenomena di seluruh dunia. Impak berikutnya kepada ekonomi begitu ketara dan menguatkan kesimpulan yang menyatakan bahawa sekiranya Amerika Syarikat berhadapan masalah ekonomi, seluruh dunia akan terkesan. Ini disebabkan oleh tahap ketidakyakinan yang begitu tinggi dan sentimen pasaran yang berceIaru.




Walaupun para penggubal dasar dan bank pusat di seluruh dunia telah memperkenalkan pelbagai dasar yang inovatif untuk menangani masalah kemelesetan ini, namun ia masih mengambil masa yang agak lama untuk menstabilkan semula kejatuhan ekonomi dunia yang buruk ini. Hampir sepanjang tempoh berkenaan ekonomi global kekal lembab, daripada lemah menjadi semakin lesu. Akibatnya, satu persatu rantau ekonomi melaporkan prestasi ekonomi yang tidak bermaya dan ini diburukkan lagi dengan penguncupan pertumbuhan KDNK di seluruh dunia pada suku pertama tahun lalu.

Sistem kewangan dan perbankan Asia tidak mempunyai masalah kronik sepertimana yang dialami di Barat membolehkan ia hampir terselamat dari kegawatan ekonomi. Walau bagaimanapun, impaknya kepada ekonomi lebih banyak dicetuskan oleh kemerosotan mendadak dalam perniagaan dan perdagangan global kerana persekitaran kredit yang bertambah sukar. Dari situ, arah aliran eksport dan pengeluaran di seluruh rantau ekonomi termasuk Malaysia, mengalami tempoh kemerosotan dua angka yang berpanjangan.

Apabila keadaan ekonomi merosot, Malaysia turut memperkenalkan satu lagi pakej rangsangan pada bulan Mac 2009 yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM60 bilion bagi menyokong pakej rangsangan bernilai RM7 bilion yang diumumkan terdahulu pada bulan November 2008. Pada masa yang sama, Amerika Syarikat telah membuat komitmen sumber yang ketara nilainya untuk menyokong sektor perbankannya di mana dalam melaksanakan proses tersebut, ia telah menyelamatkan beberapa institusi kewangan yang ditimpa kesulitan. Bagi rantau ini, China, yang membuat suntikan fiskal dalam jumlah besar sebanyak ASD585 bilion mula berusaha untuk keluar daripada kemelut ekonomi tersebut.

Eksport Malaysia ke dagangan dunia yang lesu menyebabkan ekonomi domestik menguncup dengan ketara sebanyak 6.2% pada tempoh suku tahun pertama. Sektor perkilangan terjejas teruk dan mencatatkan kemerosotan sebanyak 17.9% berbanding pada tempoh yang sama sebelumnya.

Impaknya ke atas ekonomi walau bagaimanapun tidak bersifat serta-merta, sama seperti sebarang langkah fiskal dan kewangan lain yang bertujuan memenuhi keperluan tertentu. Kelewatan dalam penyampaian kesannya memang tidak dapat dielakkan. Namun ia berjaya membantu memulihkan keadaan di pasaran saham untuk menjadi lebih tenang dan teratur dan seterusnya merintis pemulihan yang memuaskan di pasaran. Menjelang akhir Mac 2009, pasaran saham mula stabil dan mencatatkan arah aliran yang baik sepanjang tahun. Pada masa

# 2009: TAHUN PEMULIHAN

itu, impak pelan rangsangan bersama kitaran menaik inventori mula menunjukkan momentum membina. China terutamanya, memainkan peranan penting dalam merangsang dinamik pertumbuhan serantau melalui usaha reflatorinya.

Impak ini juga dirasai di Malaysia kerana angka eksport dan pengeluaran kembali menunjukkan kenaikan menggalakkan. Tidak lama selepas itu, kadar penguncupan beralih di mana eksport mencatatkan pertumbuhan sebanyak 18.6% sementara pengeluaran pula 8.9% pada bulan Disember 2009 berbanding kemerosotan dua angka yang besar sepanjang 11 bulan sebelumnya.




Kadar penguncupan ekonomi mula berkurangan apabila ekonomi Malaysia kembali mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 4.5% pada suku tahun terakhir. Pada tahun ini, ekonomi menguncup sebanyak 1.7%, separuh daripada kadar penguncupan yang diunjurkan oleh kebanyakan ahli ekonomi pada peringkat awal.




## Apa Yang Kami Lakukan

Memandangkan tahap krisis kewangan dan kemelesetan ekonomi yang dialami adalah serius, kami telah menjangka bahawa tahun 2009 akan menjadi satu tahun yang sukar kepada pasaran kewangan. Ketidaktentuan tersebut amat membimbangkan dan menyebabkan kesediaan mengambil risiko pelaburan berada pada tahap yang rendah.

Pada awal tahun, strategi pelaburan kami difokus kepada usaha pengekalan modal, disasar terutamanya kepada syarikat yang memberi dividen tinggi dan berkualiti. Walau bagaimanapun, pengajaran yang dijadikan iktibar daripada krisis lepas membuatkan kami percaya bahawa pasaran akan suatu hari nanti kembali seperti sediakala apabila nilai dan peluang timbul. Sentimen pasaran sentiasa berpandangan ke hadapan dan berkecenderungan mendahului fundamental. Kami optimistik bahawa usaha besar dan jitu yang dilakukan oleh kerajaan-kerajaan di seluruh dunia untuk memulihkan ekonomi masing-masing akhirnya akan memulihkan semula kemelesetan ini.

Persekitaran pelaburan menjadi semakin kompleks di mana kadar faedah berkurangan kepada 2%. Ini memberi impak ketara kepada portfolio dan juga pulangan kami kerana kami mempunyai alokasi yang agak besar dalam sekuriti pendapatan tetap dan tunai. Ini juga bermakna bahawa kami perlu menentukan pendirian ke atas

pegangan pelaburan yang memberikan pendapatan tetap kepada kami bagi mencari kenaikan pelaburan. Memandangkan keluk hasil kerajaan amat curam, pengurus dana kami telah mengambil pendekatan defensif dengan memendekkan *duration* portfolio dan memfokus kepada pegangan pelaburan bawah keluk dan memanfaatkan pelaburan jenis *yield carry and roll* yang menarik. Berdasarkan pendirian kewangan akomodatif yang diambil oleh Bank Negara Malaysia, peluang untuk mengamalkan strategi sedemikian terbukti membuahkan hasil. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan bebanan kewangannya serta memenuhi permintaan pembayar cukai untuk menikmati prasarana dan perkhidmatan prasarana yang berkualiti, KWAP telah membantu menjayakan beberapa projek negara melalui penyediaan pembiayaan dan pinjaman. Pada masa yang sama, kami turut mengoptimum pegangan tunai kami dengan menyalur secara aktif kepada pelaburan yang menawarkan pulangan berasaskan kepada tarikh keperluan, jangkaan umum kami terhadap keadaan pasaran dan pergerakan kadar faedah.

Persekitaran kadar faedah rendah juga bermakna bahawa kami perlu melihat pada kaedah lain untuk mempertingkatkan lagi pulangan daripada portfolio kami. Oleh itu, apabila keadaan pasaran mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan kepada keadaan asal selepas melalui pergolakan yang hebat, ia memerlukan perubahan strategi. Menjelang bulan April 2009, kami meningkatkan pendedahan taktikal kami dalam ekuiti. Kami menggunakan siling taktikal untuk ekuiti sehingga ke tahap 5% yang dibenarkan bagi membantu meletakkan portfolio kami supaya bersedia memanfaatkan pasaran ekuiti yang bakal pulih.

# KETEGUHAN
# PRESTASI PELABURAN

## PRESTASI DANA SECARA KESELURUHAN

Dana KWAP mencatatkan peningkatan sebanyak 18.18% atau RM9.46 bilion, daripada RM52.04 bilion pada tahun lepas kepada RM61.50 bilion pada tahun 2009. Keteguhan prestasi pendapatan diikuti dengan aliran caruman yang konsisten daripada Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Kerajaan telah melonjakkan saiz aset dengan ketara. Pertumbuhan aset pada tahun 2009 telah dihasilkan melalui caruman daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1.10 bilion, caruman pencen sebanyak RM2.67 bilion dan pendapatan pelaburan direalisasi kasar sebanyak RM3.24 bilion serta elaun rosot nilai pelaburan dicatat semula RM2.48 bilion.

Berdasarkan tren pertumbuhan aset KWAP sepanjang 3 tahun lepas, penyumbang utama adalah daripada pendapatan pelaburan. Saiz caruman tahunan purata yang terdiri daripada caruman Kerajaan Persekutuan dan caruman pencen menunjukkan arah aliran meningkat, kecuali pada tahun 2009, apabila Kerajaan Persekutuan mengurangkan caruman tahunannya kepada RM1.1 bilion. Peningkatan berterusan bahagian caruman pencen pula adalah disebabkan oleh terimaan bahagian kerajaan terutamanya daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Bagi membantu Kerajaan Persekutuan membiayai liabiliti pencennya secara berkesan, KWAP perlu meningkatkan lagi saiz asetnya secara berterusan kerana dana yang lebih besar akan membantu melonjakkan potensi menjana aliran pendapatan yang lebih stabil pada masa hadapan.

KWAP menerimapakai strategi pelaburan berhemat dengan berobjektifkan pelaburan jangka panjang. Di samping mengembangkan lagi dananya, KWAP sedia maklum mengenai potensi risiko yang perlu dihadapi berkaitan pelaburan dana di mana ianya dikawal melalui pembentukan rangka kerja pengurusan risiko pelaburan yang komprehensif. Ini boleh dilihat melalui penglibatannya dalam instrumen pendapatan tetap yang mempunyai kewajaran lebih tinggi berbanding kelas aset yang lebih berisiko bagi mengelakkan pendedahan terhadap risiko yang terlalu tinggi selaras dengan Alokasi Aset Strategik KWAP.









# KETEGUHAN PRESTASI PELABURAN

Alokasi Pelaburan 2009 / Alokasi Pelaburan 2008




Prestasi Pendapatan Kasar 2007 - 2009




Pulangan Kasar Daripada Pelaburan Mengikut Kelas Aset 2009




Pada tahun 2009, KWAP telah mencatatkan pendapatan pelaburan direalisasi kasar berjumlah RM3.24 bilion. Jumlah ini adalah pertambahan sebanyak RM0.26 bilion atau 8.72% berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya. Pelaburan dalam ekuiti mencatatkan pulangan tertinggi dengan sumbangan sebanyak RM1.41 bilion, diikuti oleh Pinjaman dan Sekuriti Hutang Swasta (SHS) sebanyak RM0.86 bilion, Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) sebanyak RM0.58 bilion, instrumen pasaran wang sebanyak RM0.36 bilion dan selebihnya pelaburan alternatif.

Pendapatan berasaskan faedah dan dividen merupakan penyumbang terbesar bagi pendapatan tahun 2009 iaitu sebanyak RM2.24 bilion atau 69% daripada jumlah pendapatan keseluruhan. Sementara itu, baki RM1.0 bilion atau 31% daripada jumlah pendapatan adalah diperolehi daripada keuntungan modal.

KWAP mencatatkan ROI kasar sebanyak 5.62%. Pelaburan Ekuiti muncul sebagai penyumbang ROI terbesar iaitu sebanyak 9.48%, diikuti oleh Pelaburan Alternatif sebanyak 5.65% dan Pelaburan Pinjaman dan SHS sebanyak 5.08%. Prestasi pasaran ekuiti yang teguh diikuti dengan pelaksanaan Alokasi Aset Taktikal yang bersesuaian telah membantu mempertingkatkan pencapaian ROI keseluruhan. Instrumen pendapatan tetap yang terdiri daripada SKM, Pinjaman dan SHS menunjukkan ROI yang konsisten oleh kerana julat turun naik kadar faedah yang lebih kecil.

KWAP sentiasa berusaha meningkatkan prestasinya dengan menggunakan sepenuh potensi yang dimiliki. Bagi tahun kewangan 2009, sasaran pendapatan yang mengambilkira dinamik kelas aset yang sentiasa berubah telah dilaksanakan. Sejak penubuhan KWAP pada 1 Mac 2007, ROI kasar paling tinggi pernah dicatatkan adalah sebanyak 9.21% secara tahunan. ROI kasar 3 tahun purata pula adalah sebanyak 6.90%.

Pasaran saham yang mengalami lonjakan pada tahun 2009 telah membolehkan KWAP membuat pencatatan semula peruntukan rosotnilai yang dibuat pada tahun 2008. Justeru, ROI bersih bagi tahun 2009 selepas mengambilkira pencatatan semula tersebut adalah sebanyak 10.04%. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8.92% berbanding ROI bersih sebanyak 1.12% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

# KETEGUHAN PRESTASI PELABURAN




## KADAR PULANGAN

Selain daripada mengukur prestasi pelaburan berasaskan pendapatan direalisasi seperti yang diwakili melalui ROI kasar dan ROI bersih, KWAP turut mengukur prestasi pulangan setiap kelas aset secara relatif dengan indeks-indeks penanda aras yang berkaitan.

Jumlah pulangan bagi instrumen berpendapatan tetap yang diuruskan secara dalaman meliputi SKM, SHS, Pinjaman dan Pasaran Wang dibuat berasaskan kepada asas akruan di mana sekuriti dinilai pada kos. Prestasi pulangan pendapatan tetap diurus secara luaran pula ditanda aras kepada Indeks Quantshop SKM (Semua) tambah 130 mata asas berdasarkan mandat pelaburan. Jumlah pulangan ekuiti diurus secara dalaman dan luaran diukur dengan penanda aras yang mewakili kombinasi indeks FBM100 dan KLCI.

Kadar pulangan ekuiti yang diurus secara aktif mencatatkan pulangan sebanyak 45.83%, mengatasi penanda aras sebanyak 0.92%. Jumlah pulangan bagi pendapatan tetap diurus secara dalaman (SKM, SHS, Pinjaman dan Pasaran Wang) yang dicapai oleh KWAP pada 31 Disember 2009 adalah sebanyak 4.25%, sementara pulangan pendapatan tetap luarannya pula berjumlah 6.98%.

| | TWRR (%) | PENANDA ARAS (%) | MENGATASI PRESTASI/ (BAWAH PRESTASI) (%) | ROI KASAR (%) |
|---|---|---|---|---|
| **Equity** | | | | 9.48 |
| Utama | 45.83 | 44.91 | 0.92 | 10.66 |
| Khas | 6.96 | N/A | N/A | 4.04 |
| **Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan** | 4.68 | 3.34 | 1.34 | 4.68 |
| **Sekuriti Hutang Swasta** | 5.37 | 4.46 | 0.91 | 5.37 |
| **Pendapatan Tetap Luaran** | 6.98 | 1.45 | 5.53 | 5.50 |
| **Pinjaman** | 4.68 | 3.84 | 0.84 | 4.68 |
| **Pasaran Wang** | 2.79 | 2.18 | 0.61 | 2.79 |

*Penanda aras campuran adalah kombinasi antara Indeks KLCI yang digunakan sebelum ini dan Indeks FBM 100.

# KETEGUHAN PRESTASI PELABURAN

## PENGURUSAN DALAMAN




Berlatarkan ekonomi global dan tempatan yang semakin pulih, 2009 terbukti merupakan satu tahun yang baik bagi para pelabur. Peningkatan permintaan dan kecukupan tahap kecairan yang dirangsang oleh pasaran domestik, mendorong KLCI untuk melonjak semula dengan ketara daripada serendah 876.75 mata pada akhir Mac 2009. Berbekalkan tahap keyakinan yang semakin meningkat di kalangan pelabur dan bukti yang semakin jelas bahawa ekonomi telah bangkit daripada kemelesetan yang teruk, KLCI berjaya melepasi paras psikologi 1,200 mata; memuncak ke paras psikologi 1,279.95 mata pada 17 November 2009 sebelum ditutup pada paras 1,272.78 mata.

Mesyuarat dan lawatan diadakan secara kerap dengan syarikat-syarikat yang dilabur serta pihak yang berurusan pada sepanjang tahun, selaras dengan proses pemantauan yang diamalkan oleh KWAP.

### Ekuiti

Ekuiti dalaman KWAP menerimapakai strategi pelaburan aktif, selaras dengan falsafah untuk memaksimumkan pulangan melalui pendekatan pelaburan dinamik. Pemilihan saham yang dibuat secara teliti serta penekanan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai aliran tunai yang mantap dan hasil dividen yang tinggi telah membolehkan ekuiti dalaman KWAP memanfaatkan arah aliran meningkat di pasaran ekuiti domestik pada tahun 2009.

Selepas pelaksanaan bajet risiko di KWAP, Jabatan Ekuiti telah memasukkan sasaran pulangan dilaras risiko di mana pelaburan ekuiti dibuat bukan sahaja untuk mencapai sasaran ROI malah untuk mengatasi prestasi penanda aras rujukan. Pada tahun 2009, portfolio ekuiti diurus secara dalaman mencatatkan kadar pulangan wajaran masa (TWRR) sebanyak 45.63%, mengatasi penanda aras campuran yang mencatatkan pulangan sebanyak 44.91%.

Pada 31 Disember 2009, pendedahan KWAP kepada pasaran ekuiti domestik telah ditingkatkan kepada RM14.27 bilion atau 23.30% daripada jumlah saiz dana pada kos berbanding RM11.88 bilion atau 21.95% pada tahun 2008. Pemulihan pasaran ekuiti tempatan membolehkan ekuiti dalaman KWAP mencapai pendapatan pelaburan sebanyak RM1.28 bilion atau ROI sebanyak 9.77%. Daripada jumlah pendapatan pelaburan tersebut, RM759.42 juta atau 59.5% diperoleh daripada jualan saham, sementara baki RM517.57 juta adalah daripada pendapatan dividen selepas cukai.

Dari segi agihan sektor, 20.79% daripada portfolio ekuiti dalaman dilaburkan ke dalam sektor perbankan dan kewangan, 19.63% dalam telekomunikasi, 14.88% dalam minyak dan gas, 9.83% dalam perladangan, 8.2% dalam utiliti, 7.62% dalam prasarana dan 6.10% dalam pengangkutan dan logistik. Pegangan terbesar KWAP dari segi jumlah saham terbitan dalam syarikat-syarikat tersenarai awam meliputi syarikat-syarikat seperti Bintulu Port Holdings Berhad (10.55%), Petronas Gas Berhad (9.53%), Time Dotcom Berhad (9.13%), Plus Expressways Berhad (6.66%), Star Publications (M) Berhad (5.15%) dan UMW Holdings Berhad (5.06%).

# KETEGUHAN PRESTASI PELABURAN

**Senarai Pelaburan Dengan Pegangan Saham Utama dalam Syarikat-syarikat Tersenarai Awam Di Bursa Malaysia pada 31 Disember 2009**

| BIL. | SYARIKAT | PEGANGAN (%) |
|---|---|---|
| 1. | Bintulu Port Holdings Berhad | 10.55 |
| 2. | Petronas Gas Berhad | 9.53 |
| 3. | Time DotCom Berhad | 9.13 |
| 4. | Plus Expressways Berhad | 6.66 |
| 5. | Star Publications (M) Berhad | 5.15 |
| 6. | UMW Holdings Berhad | 5.06 |

**Agihan Sektor 2009**




## PENDAPATAN TETAP

Tahun lepas merupakan satu tahun mencabar bagi pasaran pendapatan tetap berikutan pengurangan Kadar Polisi Semalaman (OPR) sebanyak 125 mata asas pada Suku Pertama 2009 kepada 2.00% yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dalam mesyuarat polisi yang diadakan hanya sebanyak dua kali. Langkah ini bertujuan untuk menghalang kemelesetan kewangan global daripada menjadi lebih buruk. Penurunan kadar faedah ini telah mendorong pengukuhan bon dan mendatarkan keluk hasil kerana para pelabur tidak pasti tentang kedalaman dan kelebaran kitaran penyusutan kadar faedah serta prospek pertumbuhan ekonomi. Tanda-tanda yang menunjukkan bahawa BNM mengambil langkah meringankan polisi yang dibuat secara *front loaded* pada tahun 2009, diikuti dengan pengumuman pakej rangsangan ekonomi kedua, telah menyebabkan kebimbangan terhadap lebihan bekalan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM)/Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) menguasai sentimen dagangan di pasaran dan meningkatkan kadar pulangan, terutamanya untuk sekuriti jangka panjang. Bagi membendung isu lebihan bekalan dan mengekalkan keluk pulangan daripada terus merudum, BNM telah menyusun semula jadual kalendar lelong SKM/TPK dan memperkenalkan semula penempatan persendirian. Selepas semua langkah ini diambil, keluk pulangan terus mantap pada keseluruhan tahun 2009.

Sepanjang tahun 2009, Jabatan Pendapatan Tetap telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk mengukuhkan proses pelaburan dan meningkatkan pulangan. Ini meliputi *Institutional Securities Custodian Programme* (ISCAP) yang membantu dagangan bon sekunder dan meningkatkan pendapatan berasaskan yuran. Selain itu, ia turut meneroka instrumen baharu iaitu bon matawang asing dan *swap* kadar faedah yang menyumbang pulangan tambahan serta melindung nilai portfolio bon sedia ada. Unit Analisis Kredit juga telah ditubuhkan bagi mengukuhkan lagi keupayaan penilaian kredit serta pemantauan pelaburan.

Walaupun berhadapan dengan persekitaran pelaburan berpendapatan tetap yang terhad potensi pulangannya, namun instrumen berpendapatan tetap seperti Sekuriti Hutang Swasta (SHS), SKM, Pinjaman dan Pasaran Wang masih mampu mencatatkan prestasi

# KETEGUHAN PRESTASI PELABURAN

**Profil Taburan Penarafan Portfolio Bon Korporat 2009**




**Hasil SKM pada 2009**




**Profil Kematangan Portfolio Pinjaman**




yang memberangsangkan pada tahun ini. Secara keseluruhan, pulangan ke atas pelaburan (ROI) mencatatkan angka yang memberangsangkan sebanyak 4.25%. ROI bagi SHS pula meningkat kepada 5.37%, berbanding 4.99% pada tahun sebelumnya, manakala SKM pula meningkat kepada 4.68% berbanding 3.78% pada tahun sebelumnya. Prestasi Pinjaman menurun secara sederhana kepada 4.68% berbanding 4.96% sebelumnya, sementara Pasaran Wang pula menurun kepada 2.79% berbanding 4.13% sebelumnya disebabkan tempoh pinjaman lebih pendek dan OPR yang berkurangan dengan ketara.

## Sekuriti Hutang Swasta

Portfolio SHS berkembang sebanyak 32.11%, daripada RM7.94 bilion pada tahun 2008 kepada RM10.49 bilion pada akhir tahun 2009, berikutan peningkatan terbitan bergred tinggi yang dilanggan bertujuan untuk membina portfolio. Sehubungan itu, pendapatan pelaburan melonjak sebanyak 45.08% kepada RM494.74 juta berbanding RM341.01 juta yang dilaporkan pada tahun sebelumnya. Dari segi komposisi penarafan, kredit 'AAA' membentuk sebahagian besar daripadanya, diikuti oleh kredit 'AA3', di mana pelaburan 'AA3' adalah melibatkan industri perbankan dan telekomunikasi. Sementara itu, jumlah bon 'A' dan ke bawah adalah minimal iaitu kurang 3%, yang kebanyakannya adalah bagi industri perbankan.

## Sekuriti Kerajaan

Perbelanjaan Kerajaan yang besar bagi menimbal kelembapan perbelanjaan swasta telah menyebabkan jumlah terbitan SKM kasar dan TPK pada tahun 2009 meningkat sebanyak 47.50% kepada RM88.5 bilion berbanding pada tahun 2008. Pelaburan KWAP dalam SKM meningkat sebanyak 46.32% kepada RM14.72 bilion berbanding RM10.06 bilion pada tahun 2008, selaras dengan terbitan kerajaan yang lebih besar pada tahun 2009. Jumlah pendapatan meningkat sebanyak 63.41% kepada RM580.33 bilion berbanding RM355.13 bilion sebelumnya, disumbang oleh pendapatan kupon sebanyak 85%, sementara keuntungan atas jualan pula menyumbang baki 15%.

# KETEGUHAN PRESTASI PELABURAN

## Pinjaman

Jumlah pinjaman tertunggak pada tahun 2009 berkurangan sedikit daripada RM7.41 bilion pada tahun 2008 kepada RM7.17 bilion. Kesannya, pendapatan pinjaman menguncup kepada RM341.41 juta daripada RM368.41 juta pada tahun 2008. Pinjaman yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sebanyak RM262 juta kekal tidak berubah seperti pada tahun 2008. Pinjaman yang diberikan kepada entiti swasta kekal sebanyak RM2.7 bilion. Sementara itu, pinjaman kepada pihak berkuasa kerajaan dan syarikat awam berkurangan kepada RM4.21 bilion berbanding RM4.45 bilion pada tahun sebelumnya berikutan langkah penebusan hutang yang dilakukan pada tahun tersebut.

## Pasaran Wang

Agihan yang lebih tinggi dalam kelas aset lain, diikuti dengan tahap OPR yang rendah telah menyebabkan pelaburan dalam instrumen pasaran wang dan juga pendapatan pelaburan daripadanya berkurangan. Baki dalam pasaran wang menurun daripada RM14.16 bilion pada tahun 2008 kepada RM11.69 bilion pada tahun 2009. Sementara itu, pendapatan kasar susut sebanyak 35.60%, daripada RM560.33 juta pada tahun 2008 kepada RM360.87 juta. Sebahagian besar daripada pendapatan diperolehi daripada deposit berjangka, sementara Sijil Hutang Islam Boleh Runding dan Penerimaan Bank yang menyumbang kurang daripada 30% kepada pendapatan.Kombinasi deposit bagi tempoh matang kurang dan lebih 3 bulan diseimbangkan pada nisbah 52:48.

## PENGURUSAN LUARAN

Sehubungan dengan pengenalan model perniagaan baharunya, KWAP telah menubuhkan Jabatan Pengurusan Dana Luaran (EFM) pada bulan Januari 2009 dengan tanggungjawab utama untuk mengurus pelaburan luaran KWAP melalui khidmat pengurus pelaburan dana ekuiti luar, pengurus pendapatan tetap luar dan pengurus ekuiti persendirian. Pada 31 Disember 2009, jumlah dana yang diurus oleh pengurus dana luar berjumlah RM2.91 bilion atau 4.8% daripada jumlah saiz dana pada kos di mana 64.9% dilabur ke dalam ekuiti, 17.2% pendapatan tetap, 14.1% dalam pelaburan tidak disenarai dan 3.8% selebihnya dalam dana ekuiti persendirian. Dari segi pendedahan secara geografi, 97% daripada aset yang diurus secara luaran telah dilabur di pasaran domestik dan baki 3% lagi dilabur di peringkat global oleh para pengurus dana asing.

**Komposisi Dana Diurus Secara Luaran Mengikut Kelas Aset Pada 31 Disember 2009**




**Komposisi Dana Diurus Secara Luaran Mengikut Geografi Pada 31 Disember 2009**



# KETEGUHAN PRESTASI PELABURAN

## Senarai Pengurus Dana Luaran Mengikut Kelas Aset Pada 31 Disember 2009

| EKUITI |
|---|
| Aberdeen Asset Management Sdn Bhd |
| Avenue Investment Berhad |
| CIMB-Principal Asset Management Berhad |
| Nomura Asset Management Sdn Bhd |
| RHB Investment Management Sdn Bhd |
| **PENDAPATAN TETAP** |
| AmInvestment Management Sdn Bhd |
| CIMB-Principal Asset Management Berhad |
| **EKUITI PERSENDIRIAN** |
| Actis ASEAN Fund LP |
| CIMB-Mapletree Real Estate Fund 1 |
| IDB Infrastructure Fund LP |
| Lombard Asia III |
| **PELABURAN LANGSUNG** |
| Malakoff Corporation Berhad |
| Valuecap Sdn Bhd |

## Ekuiti

Dana diperuntukkan kepada pengurus dana ekuiti luaran meningkat daripada RM1.64 bilion kepada RM1.89 bilion pada 31 Disember 2009 berikutan suntikan modal tambahan sebanyak RM250 juta. Sebagai sebahagian daripada proses pemantauan KWAP, mesyuarat prestasi dengan para pengurus dana dan lawatan audit diadakan secara kerap dengan pengurus dana tersebut. Sepanjang tahun ini, 20 mesyuarat suku tahunan, 4 audit pematuhan dan 1 audit usaha wajar telah dikendalikan bagi memantau pematuhan mereka kepada prosedur kawalan dalaman berkaitan dan amalan perniagaan terbaik berhubung aktiviti dagangan harian dan operasi pentadbiran.

KWAP mengeluarkan Permintaan Cadangan (RFP) kepada beberapa pengurus dana luaran asing yang mempunyai kepakaran indeks yang teguh sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk meluaskan pelaburannya di peringkat antarabangsa. Pemilihan peringkat akhir dan proses pelantikan akan dilakukan pada suku pertama tahun 2010.

Pada tahun 2009, pengurus dana ekuiti luar merealisasi pendapatan agregat sebanyak RM130.49 juta iaitu ROI purata 7.38%, di mana RM87.34 juta dijana daripada keuntungan modal penjualan saham, RM38.51 juta daripada pendapatan dividen dan baki RM4.64 juta lagi daripada pendapatan faedah.

## Pendapatan Tetap

Pendedahan KWAP kepada pelaburan pendapatan tetap yang diurus melalui pengurus dana luaran kekal pada paras RM500 juta sepanjang tahun 2009. Proses dan aktiviti pelaburan pengurus dana pendapatan tetap luaran juga dipantau dengan rapi melalui mesyuarat dan lawatan secara kerap ke pejabat pengurus dana. Sepanjang tahun ini, 8 mesyuarat suku tahunan dan 2 audit pematuhan telah dikendalikan bagi memantau pematuhan mereka terhadap prosedur kawalan dan garis panduan berkaitan.

Pada tahun 2009, pengurus dana pendapatan tetap luaran mencatatkan pendapatan direalisasi agregat sebanyak RM27.48 juta iaitu dengan ROI purata sebanyak 5.50%. Pendapatan direalisasi agregat dijana daripada keuntungan atas jualan sebanyak RM2.48 juta, faedah kupon sebanyak RM24.57 juta dan faedah ke atas repo sebanyak RM0.43 juta.

## Ekuiti Persendirian

Pada 31 Disember 2009, jumlah suntikan dana terkumpul yang dibuat oleh KWAP bagi tiga dana pelaburan ekuiti persendirian asing dan satu domestik adalah berjumlah RM215 juta. Pada tahun ini juga, sebanyak RM8.40 juta telah disalurkan kepada 4 dana ekuiti persendirian ini.

Agihan dalam bentuk keuntungan modal yang diterima oleh KWAP bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM3.02 juta, sementara agihan pendapatan yang diterima pula adalah sebanyak RM1.23 juta.

# KETEGUHAN PRESTASI PELABURAN

## Pelaburan Dalam Dana Ekuiti Persendirian

| NAMA DANA | TAHUN ASAL |
|---|---|
| IDB Infrastructure Fund LP | **2001** |
| CIMB-Mapletree Real Estate Fund 1 | **2005** |
| Actis ASEAN Fund LP | **2004** |
| Lombard Asia III LP | **2006** |

## Ekuiti Tidak Disenarai

Pada tahun 2009, jumlah pelaburan dalam ekuiti tidak disenarai menunjukkan pengurangan kecil sebanyak RM8.4 juta, daripada RM418.21 juta kepada RM409.81 juta pada kos akibat penebusan Saham Keutamaan Boleh Tebus dalam Malakoff Corporation Berhad. Pendapatan dividen diterima pula berjumlah RM25.17 juta.

## AKTIVISME PEMEGANG SAHAM PROAKTIF

Berasaskan kepada keyakinan bahawa pelaburan dalam syarikat-syarikat yang diurus dengan baik mengikut perspektif tadbir urus korporat akan memberikan pulangan yang lebih tinggi dan mengurangkan risiko dalam jangkamasa panjang, mendorong KWAP untuk menjalankan aktivisme pemegang saham secara proaktif. Dalam konteks ini, aktivisme pemegang saham proaktif merujuk kepada pemantauan secara rapi terhadap tadbir urus korporat syarikat-syarikat yang dilabur serta isu-isu berkaitan tanggungjawab kemasyarakatan dan alam sekitar syarikat tersebut yang ada kaitan dengan operasi mereka.

Kepentingan ini semakin meningkat dengan persekitaran ekonomi sekarang yang amat mencabar dan dengan langkah yang diambil itu, impaknya kepada tadbir urus korporat akan memastikan hanya syarikat-syarikat yang diurus dengan baik dari segi kecekapan dan pematuhan ketat kepada nilai etika sahaja akan dikekalkan.




Komitmen KWAP terhadap tadbir urus korporat bergantung kepada haknya sebagai pemegang saham syarikat-syarikat tersebut untuk mengundi beberapa isu penting di mesyuarat agung syarikat yang diadakan. Selain itu, ia memantau secara rapi dan mengesyorkan penambahbaikan kepada syarikat-syarikat tersebut dengan tujuan untuk mempertingkatkan lagi tahap kecekapan tadbir urus korporatnya. Selain daripada menyertai dan mengundi di mesyuarat agung, KWAP turut mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat dan para pemegang saham lain sebelum sesuatu mesyuarat agung dijalankan.

Selain daripada menjadi organisasi yang berfokuskan pulangan, komitmen KWAP kepada syarikat-syarikat yang mempamerkan keperhatinan kepada alam sekitar dan aspek sosial turut tidak diabaikan. KWAP mengambil dasar untuk tidak terlibat dalam syarikat-syarikat yang mengendalikan perniagaan berkaitan perjudian dan arak, sepertimana yang digariskan dalam Polisi dan Garis Panduan Pelaburannya.

Pasukan pengurusan KWAP telah ditugaskan untuk mengenalpasti aset pelaburan yang memenuhi kriteria ketat yang ditetapkan oleh KWAP untuk memastikan pencapaian pulangan yang optimum. Selain daripada memantau semua pelaburannya secara rapi dan bersungguh-sungguh, KWAP turut memainkan peranan aktif dalam semua pelaburannya, memastikan supaya hak pemegang saham dikekalkan melalui dialog dengan

syarikat yang dilabur serta pihak berkuasa berkaitan dan melalui penyertaan secara aktif dalam Mesyuarat Agong Tahunan (MAT) / Mesyuarat Agong Luar Biasa (MAL) yang diadakan.

Pada tahun 2009, KWAP telah menghadiri 63 MAT/MAL dan mesyuarat pemegang bon. Para pegawai KWAP juga mengendalikan lawatan ke lebih 127 syarikat dan pengurusan yang dilabur untuk memastikan supaya setiap pelaburan bukan sahaja dibuat berasaskan kepada statistik, malah ia mampu dibuktikan melalui perlakuan oleh syarikat yang dilabur. Lawatan syarikat dan pemantauan rapi sedemikian membolehkan KWAP mengekalkan hubungan erat dengan syarikat-syarikat di mana ia melabur.

| | MAT / MAL | LAWATAN SYARIKAT/ PENGURUSAN |
|---|---|---|
| **JUMLAH** | **63** | **127** |

Para Penganalisis Pelaburan KWAP sentiasa melihat kepada syarikat-syarikat yang mempunyai orientasi yang baik seperti:

a) Konsisten dan sentiasa selaras dengan strategi dan dasar pengurusan;

b) Reputasi yang baik dan diawasi oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah yang proaktif dan berkeupayaan untuk memainkan peranan masing-masing dalam memantau dan mentadbir pengurusan syarikat; dan

c) Menepati masa dalam pendedahan maklumat dan memberikan pengumuman yang secukupnya.

KWAP menyokong teguh pendirian bahawa aktivisme pemegang saham bukan merupakan satu tugas yang dipikul semata-mata oleh agensi penguatkuasa peraturan seperti Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti sahaja. Dengan dasar dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak penguatkuasa peraturan, kini para pemegang saham berada dalam kedudukan yang terbaik untuk menguatkuasakan hak mereka.

KWAP sentiasa memastikan supaya syarikat di mana ia melabur bukan sahaja melakukan penambahbaikan secara berterusan terhadap kemampanan kewangan jangka panjang syarikat, malah yang lebih penting lagi, ia turut:

a) Meliputi pembaharuan tadbir urus korporat apabila diperlukan; dan

b) Memenuhi objektif Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) KWAP.

Pendekatan aktivisme pemegang saham secara berstruktur dan sistematik telah membolehkan KWAP mencapai keputusan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan serta objektif TSK yang dikehendakinya secara holistik.

# KETEGUHAN PRESTASI PELABURAN

## AKTIVISME PEMEGANG SAHAM PROAKTIF KWAP: CIRI-CIRI DAN KEPUTUSAN

| AKTIVISME PEMEGANG SAHAM ASAS | AKTIVISME PEMEGANG SAHAM PROAKTIF KWAP | KEPUTUSAN: |
|---|---|---|
| i. Reaksi secara berasingan apabila timbul isu | i. Pemantauan tepat pada masanya dan secara kerap | i. Pulangan dipertingkatkan |
| ii. Bertindakbalas mengikut kes | ii. Pendekatan strategik dan berstruktur | ii. Tadbir Urus Korporat bertambah baik |
| iii. Dasar jangka pendek | iii. Hubungan erat dan aktif | iii. Tanggungjawab Sosial Korporat<br>Contoh: Perlindungan alam sekitar, obligasi dari segi moral dan sosial.<br>Contoh: Tiada pelaburan dalam syarikat berkaitan perjudian dan arak. |
| | iv. Dasar dan matlamat jangka panjang | |

# PENGURUSAN CARUMAN

## Caruman Pencen

Salah satu fungsi KWAP adalah mengurus bayaran caruman pencen oleh majikan yang mencarum mengikut Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan No. 12 Tahun 2008 mengenai Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap. Mengikut Akta ini, majikan mencarum yang terdiri daripada Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agensi Kerajaan dikehendaki membayar caruman pencen kepada KWAP iaitu bagi kakitangan yang telah diberi status berpencen oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selain daripada caruman majikan, KWAP juga menerima caruman bahagian Kerajaan daripada agensi Kerajaan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru (KWSG).

Pada tahun 2009, KWAP menerima caruman sebanyak RM3.77 bilion yang terdiri daripada caruman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1.1 bilion, terimaan bahagian Kerajaan sebanyak RM2.10 bilion dan caruman majikan sebanyak RM0.57 bilion. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 10% berbanding RM3.42 bilion yang diterima pada tahun 2008.

## Statistik Majikan dan Ahli yang Mencarum

Tahun 2009 menunjukkan pertambahan ketara dalam bilangan majikan yang mencarum dan ahli KWAP. Pada 31 Disember 2009, terdapat 45 majikan baharu dan 14,628 orang ahli KWAP dengan peningkatan sebanyak 9% bagi majikan baharu dan 14% bagi ahli baharu. Agensi yang mencarum dengan KWAP juga meningkat sebanyak 24% pada tahun 2009. Ini adalah hasil pemantauan rapi dan mesyuarat yang kerap diadakan dengan agensi-agensi yang terlibat dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan No. 12 Tahun 2008 yang mewajibkan bayaran caruman pencen bagi kakitangan yang dipinjamkan.

### Bilangan Majikan Yang Mencarum

| | 2009 | 2008 | 2007 |
|---|---|---|---|
| Badan-Badan Berkanun | 175 | 173 | 172 |
| Pihak Berkuasa Tempatan | 145 | 144 | 143 |
| Agensi | 218 | 176 | 160 |
| **Jumlah** | **538** | **493** | **475** |

### 20 Pencarum Teratas

| MAJIKAN | CARUMAN TAHUNAN 2009 (RM JUTA) |
|---|---|
| Universiti Teknologi Mara (UiTM) | 54.74 |
| Majlis Amanah Rakyat (MARA) | 34.61 |
| Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) | 29.64 |
| Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) | 25.16 |
| Universiti Teknologi Malaysia (UTM Skudai) | 23.90 |
| Universiti Putra Malaysia (UPM) | 20.16 |
| Universiti Malaya (UM) | 19.12 |
| Universiti Sains Malaysia (USM) | 15.69 |
| Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) | 13.57 |
| Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) | 13.48 |
| Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) | 13.06 |
| Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) | 12.14 |
| Universiti Utara Malaysia (UUM) | 10.85 |
| Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) | 10.73 |
| Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) | 7.89 |
| Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) | 6.78 |
| Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) | 6.03 |
| Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHOM) | 6.01 |
| Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) | 5.94 |
| Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) | 5.41 |

# PENGURUSAN CARUMAN

**Jumlah Ahli**

| | 2009 | 2008 | 2007 |
|---|---|---|---|
| Badan-Badan Berkanun | 86,421 | 74,420 | 73,292 |
| Pihak Berkuasa Tempatan | 34,497 | 31,991 | 30,274 |
| Agensi | 654 | 533 | 515 |
| **Jumlah** | 121,572 | 106,944 | 104,081 |

**Lawatan Pematuhan dan Penguatkuasaan Tahun 2009**

| NEGERI | BILANGAN MAJIKAN DILAWATI | TARIKH LAWATAN |
|---|---|---|
| Johor | 12 | Februari 2009 |
| Sabah | 1 | Mac 2009 |
| Kedah | 10 | April 2009 |
| Perlis | 4 | April 2009 |
| Selangor/ Wilayah Persekutuan | 4 | Jun 2009 |
| Kelantan | 1 | November 2009 |
| Terengganu | 14 | November 2009 |

## Badan-badan Berkanun Baharu yang Ditubuhkan pada Tahun 2009

i. Perbadanan Harta Intelek Malaysia;

ii. Suruhanjaya Koperasi Malaysia; dan

iii. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

## Pematuhan dan Penguatkuasaan

Salah satu inisiatif KWAP pada tahun 2009 adalah melaksanakan lawatan pematuhan dan penguatkuasaan ke badan-badan berkanun, pihak-pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan. Lawatan ini bertujuan untuk memastikan supaya majikan mematuhi Akta-akta dan pekeliling yang berkaitan di samping menjelaskan dan memberi kefahaman kepada majikan mengenai isu-isu berkaitan caruman pencen. Lawatan pematuhan dan penguatkuasaan telah dijalankan di negeri-negeri seperti Selangor, Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu serta Wilayah Persekutuan, yang melibatkan 41 majikan mencarum termasuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu.

## Bayaran Balik

Terdapat 3 kategori bayaran balik yang melibatkan pengembalian caruman kepada JPA, KWSP, majikan dan individu. Jumlah bayaran balik pada tahun 2009 adalah sebanyak RM10.57 juta, yang melibatkan 3,403 permohonan.

| | 2009 | 2008 | 2007 |
|---|---|---|---|
| Amaun Bayaran Balik (RM juta) | 10.57 | 14.91 | 10.95 |
| Bilangan Permohonan | 3,403 | 5,008 | 3,985 |

## Perancangan bagi Tahun 2010

KWAP akan melaksanakan Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu, iaitu satu sistem caruman yang akan menggantikan sistem sedia ada untuk meningkatkan fungsi dan kecekapan kerja. Dengan terlaksananya sistem ini, KWAP akan menyediakan Garis Panduan Majikan dan memperkenalkan borang baharu caruman serta Sistem Bayaran Pelbagai Saluran sebagai satu nilai tambah kepada perkhidmatan sedia ada kepada pencarum. KWAP juga akan mengadakan Bengkel Majikan di setiap wilayah bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dan kefahaman majikan selaras dengan pelaksanaan sistem caruman yang baharu ini.

# RISIKO DAN TADBIR URUS KORPORAT

## A. SEGMEN RISIKO

### Pengurusan Risiko

Seperti yang dijelaskan dalam penyata misi KWAP 'Memaksimumkan pulangan melalui penanda arasan, rangka kerja pelaburan yang dinamik dan pengurusan risiko yang mantap', pengurusan risiko yang berwibawa merupakan suatu teras utama dalam usaha KWAP mencapai visinya menjadi sebuah dana berprestasi tinggi yang memastikan manfaat pencen yang mampan.

Sebagai sebuah dana persaraan, KWAP terdedah kepada pelbagai risiko yang timbul daripada pelaburan, pengurusan caruman dan operasi hariannya. KWAP mentakrif risiko sebagai 'suatu ancaman, peristiwa atau tindakan yang boleh menghalang organisasi mencapai matlamatnya atau kejayaan pelaksanaan strategi-strateginya'. KWAP turut mengakui bahawa penekanan yang perlu diberi bukanlah terhadap usaha menghindari risiko tetapi untuk mengenal pasti, menilai dan pengutamaan risiko dengan diikuti oleh penggunaan sumber yang terlaras dan berkesan untuk mengurangkan, memantau dan mengawal risiko tersebut.




Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan (RMCD) ditugaskan untuk memastikan rangka kerja pengurusan risiko yang sesuai disediakan. Matlamat RMCD adalah untuk memastikan supaya KWAP mengguna pakai 'Pengurusan Risiko Berkesan' yang mengiktiraf Modal Insan, Polisi dan Proses sebagai tiga teras utama.

### Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Lembaga bertanggungjawab secara muktamad terhadap pengurusan risiko. Menerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), Lembaga menggalas tanggungjawab menyeluruh untuk mengawasi risiko di dalam KWAP.

| PENGURUSAN RISIKO BERKESAN | | |
|---|---|---|
| **Modal Insan** Menugaskan kakitangan yang sesuai untuk melaksanakan peranan mereka secara berkesan | **Polisi** Menetapkan peraturan yang jelas di peringkat awal | **Proses** Mempunyai sistem dan proses yang sesuai untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan pengurusan risiko |
| Pengambilan pekerja | Polisi | Sistem |
| Latihan | Kawalan | Proses |

Tanggungjawab RMC meliputi, antara lain, mengkaji dan meluluskan dasar serta prosedur pengurusan risiko, mengkaji pendedahan risiko, dan memastikan supaya prasarana, sumber dan sistem telah disediakan untuk aktiviti pengurusan risiko.

Lembaga juga disokong oleh Jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab menyediakan dan membuat penilaian bebas berhubung kecukupan dan kewibawaan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman, dan pematuhan terhadap keperluan dasar risiko dan peraturan.

Fungsi pengurusan risiko bebas dan khusus, iaitu RMCD dan Audit Dalaman bertanggungjawab memastikan rangka kerja dan dasar pengurusan risiko yang telah diluluskan dilaksanakan dan dipatuhi. Mereka turut bertanggungjawab membantu proses pengurusan risiko dengan unit-unit operasi yang turut meliputi pengenalpastian, penaksiran dan pemantauan risiko.

# RISIKO DAN TADBIR URUS KORPORAT

Sebagai barisan pengekangan pertama terhadap ancaman risiko, unit-unit operasi bertanggungjawab mengenal pasti, mengurang dan menguruskan risiko dalam operasi mereka. Mereka perlu memastikan supaya semua aktiviti harian dijalankan dalam lingkungan rangka kerja yang telah ditetapkan dan mematuhi dasar, prosedur dan had-had tertentu.

## Pengurusan Risiko Menyeluruh

KWAP mengguna pakai kaedah Pengurusan Risiko Menyeluruh (ERM) bagi pengurusan risikonya yang melibatkan suatu proses bersepadu dalam mengenal pasti, menilai, memantau, mengurus dan melaporkan risiko-risiko penting yang menjejaskan KWAP.

Pencapaian penting dalam pelaksanaan ERM adalah pengenalan Profil Risiko Korporat (CRP). CRP merupakan suatu kaedah yang membantu pengurusan risiko-risiko penting dengan mengambil kira perubahan dalam profil risiko, persekitaran operasi semasa, strategi perniagaan dan persekitaran penguatkuasaan, serta aktiviti-aktviti berkaitan sepanjang tahun.

Secara ringkasnya, CRP membolehkan Pengurusan mendapatkan tinjauan tentang kebergantungan di antara risiko, menentukan pendedahan total dan kesan kepada KWAP serta memutuskan tindakan yang diperlukan untuk mempertingkatkan pengurusan risiko.

CRP merupakan suatu dokumen dinamik yang dikekalkan oleh RMCD dengan maklumat yang dibekalkan oleh unit-unit operasi. Ia dibentangkan kepada Pengurusan dan RMC secara berkala untuk dibincangkan dan disyorkan bagi penambahbaikan keseluruhan amalan pengurusan risiko.

Untuk menerapkan budaya pengurusan risiko, RMCD membantu pelaksanaan profil risiko di semua jabatan. Pendekatan ini membolehkan risiko dikenal pasti di peringkat korporat dan disampaikan kepada unit-unit operasi bagi memastikan keselarasan strategik dan amalan risiko dari peringkat atasan hingga ke peringkat bawahan.

### CRP pada 31 Disember 2009

| | |
|---|---|
| Merumus Objektif Strategik<br><br>Mewujudkan Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko | **Eksekutif**<br>1. Lembaga<br>2. Jawatankuasa Pengurusan Risiko<br>3. Jawatankuasa Audit Dalaman<br>4. Pengurusan Kanan |
| Memastikan pelaksanaan Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko | **Fungsi Pengurusan Risiko dan Kawalan**<br>1. Bahagian Pengurusan Risiko<br>2. Audit Dalaman |
| Melaksana dan mematuhi Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko | **Unit-Unit Operasi**<br>1. Jabatan-jabatan pelaburan<br>2. Jabatan Caruman<br>3. Jabatan Akaun dan Perkhidmatan Pengurusan<br>4. Jabatan Sumber Manusia<br>5. Lain-lain |

### Bidang-Bidang Risiko Penting KWAP



# RISIKO DAN TADBIR URUS KORPORAT

| KEMUNGKINAN KEJADIAN | Tidak Penting | Kecil | Sederhana | Besar | Sangat Penting |
|---|---|---|---|---|---|
| Sangat Tinggi | | | | | |
| Tinggi | | | RO010 RE003 RF002 | RF001 RE001 RO003 | |
| Sederhana | | | RS001 RO006 RO001 | RO005 RO004 RE002 | |
| Kemungkinan Kecil | | RO007 | | RO008 RS003 | |
| Sangat Rendah | | | | RO002 | RO009 |

**IMPAK**

| TAHAP RISIKO | BUTIRAN |
|---|---|
| **SANGAT TINGGI** | Risiko boleh mengakibatkan kesan yang teruk tehadap kestabilan operasi dan pencapaian keseluruhan objektif KWAP. Perhatian dan tindakan pembetulan segera adalah kritikal. |
| **TINGGI** | Risiko boleh mengakibatkan kesan tinggi ke atas KWAP atau yang akhirnya boleh mengakibatkan gangguan terhadap operasi perniagaan. Perhatian pihak Pengurusan dan tindakan pembetulan adalah diperlukan. |
| **SEDERHANA** | Risiko boleh mengakibatkan kesan tahap sederhana terhadap KWAP atau menjejaskan kelancaran perjalanan operasi perniagaan. Pemantauan diperlukan dan prosedur kawalan dalaman perlu diperkukuhkan (apabila perlu). |
| **RENDAH** | Risiko boleh menyebabkan kesan kecil terhadap KWAP dan menyebabkan gangguan kecil terhadap operasi perniagaan. Pengurusan risko menerusi prosedur rutin adalah diperlukan. |

**BIDANG-BIDANG RISIKO PENTING**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **RF001** | Risiko Pasaran | **RE002** | Risiko Penumpuan |
| **RE001** | Penggunaan Amalan Terbaik Pengurusan Risiko dalam Operasi | **RO004** | Risiko Urus Niaga |
| **RO003** | Pengurusan Kesinambungan Perniagaan | **RO008** | Perlindungan Kepentingan Syarikat dalam Aspek Perundangan |
| **RO009** | Pematuhan dengan Akta-Akta Berkaitan | **RS003** | Risiko Reputasi |
| **RO005** | Risiko Penipuan | **RO002** | Kadar Pergantian Warga Kerja (Kakitangan Penting) |

# RISIKO DAN TADBIR URUS KORPORAT

## Pengurusan Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko kerugian tidak dijangka akibat perubahan dan ketidakstabilan harga pasaran. Sebahagian besar pendedahan risiko pasaran KWAP adalah daripada aktiviti pelaburannya yang tertumpu kepada jenis-jenis berikut:

- **Risiko Kadar Faedah**
  Risiko yang timbul daripada pendedahan kepada instrumen berkaitan kadar faedah seperti bon, bil perbendaharaan, nota jangka sederhana dan kertas komersil, serta instrumen pasaran wang seperti deposit tetap, penempatan antara bank dan repos. Turun naik kadar faedah serta perubahan dalam struktur tempohnya mempengaruhi pendapatan KWAP daripada perspektif pendapatan faedah dan keuntungan modal.

- **Risiko Harga Ekuiti**
  Risiko yang timbul daripada pegangan saham tersenarai di Bursa Malaysia. Perubahan dalam pasaran ekuiti umum dan saham tertentu akan mempengaruhi nilai portfolio KWAP. Selain itu, kepelbagaian portfolio KWAP menerusi beberapa kaunter pilihan tertentu adalah amat penting untuk mengelakkan penumpuan risiko.

- **Risiko Sebaran Kredit**
  Risiko yang timbul daripada perubahan liputan kredit menjejaskan nilai pasaran pelaburan bon korporat KWAP dan seterusnya dipengaruhi oleh ketidakstabilan pasaran bon korporat.

Alokasi Aset Strategik KWAP yang ditakrif dengan baik mendorong profil pulangan risikonya dan secara umumnya mentakrif jenis risiko yang sanggup diambil oleh KWAP. Laporan risiko yang meliputi Nilai Berisiko (VAR), unjuran ketidakstabilan, *ex-ante tracking error* dan ukuran sensitiviti kelas aset tertentu seperti Beta dan *duration* dijalankan di peringkat dana dan kelas aset. Metriks risiko tersebut ditaksir dan dilapor secara berkala untuk menilai pendorong risiko utama dan arah aliran risiko KWAP. Metriks risiko disepadukan dengan kajian dan tinjauan pasaran untuk penilaian hadapan yang lebih kualitatif terhadap profil pulangan risiko.




VAR mengira jangkaan kerugian maksimum (atau senario paling teruk) bagi sebuah pelaburan, dalam tempoh masa dan tahap keyakinan tertentu. KWAP memantau VAR untuk portfolio sepanjang tempoh pegangan 2 minggu pada tahap keyakinan 95%. Namun begitu, semua model merupakan ringkasan kepada suatu realiti dan perbezaan yang lebih kompleks dan dinamik bagi andaian asas daripada jangkaan biasa mungkin menghasilkan keadaan terlebih atau terkurang daripada kiraan VAR.

| VAR KWAP 2009 | | |
|---|---|---|
| | RM'Bilion | % Nilai Pasaran Dana |
| **Minimum** | 0.534 | 1.04 |
| **Maksimum** | 0.911 | 1.51 |
| **Purata** | 0.778 | 1.39 |

Bagi tahun 2009, purata VAR KWAP adalah sebanyak 1.39% daripada nilai pasaran dana, iaitu terdapat potensi kerugian pada kadar 1.39% daripada nilai pasaran dana akibat risiko pasaran. Secara alternatif, paras keyakinan sebanyak 95% menggambarkan bahawa terdapat kemungkinan 5% kerugian, lebih tinggi daripada nilai kerugian pasaran dana sebanyak 1.39%. Ia merupakan satu profil risiko yang agak cermat memandangkan unjuran pasaran yang tidak menentu pada sebahagian besar tahun 2009.

Polisi dan Garis Panduan Pelaburan KWAP seterusnya mentakrif langkah-langkah risiko khusus untuk menguruskan risiko di tahap yang lebih kasar seperti had pelaburan setiap kaunter ekuiti atau had pelaburan sesuatu penerbitan bon dan kertas komersil.

## Pengurusan Risiko Kredit

KWAP merupakan sebuah perbadanan yang aktif dalam pasaran pendapatan tetap dan wang tempatan dengan penyertaan dalam kedua-dua pasaran iaitu primer dan sekunder. Selain itu, KWAP turut menyediakan kecairan secara aktif kepada pasaran menerusi penempatan deposit yang mendedahkan KWAP kepada risiko kredit.

Risiko kredit adalah risiko kerugian akibat kegagalan pihak yang berurusan dengan KWAP, iaitu penerbit bon, institusi yang melanggan deposit, broker dan perantara-perantara lain. Keputusan pelaburan akan dibuat selepas risiko kredit terhadap penerbitan bon korporat dikaji dengan teliti. Selain daripada bergantung kepada agensi penarafan luar seperti RAM dan MARC, KWAP turut mempunyai beberapa penganalisis kredit dalaman yang bertanggungjawab menganalisis dan memantau setiap kredit dalam menilai kelayakan kredit. Keputusan kredit tersebut akan melalui proses pemilihan dalaman yang ketat sebelum dicadangkan kepada Panel Pelaburan.

KWAP memilih institusi yang menerima deposit dan pihak untuk berurusan berasaskan dasar yang berhemah kerana sebahagian besar daripada pendedahan kami adalah dalam institusi perbankan tempatan. Walau bagaimanapun, institusi-institusi berkenaan tertakluk kepada penyeliaan penguatkuasaan yang ketat oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Secara dalaman, KWAP mengagihkan dananya di dalam institusi yang menerima deposit dan pihak berurusan kepada beberapa peringkat risiko anggapan yang berlainan. Ini membolehkan pengurusan pendedahan yang dinamik dan pelarasan strategi yang tepat pada masanya.

## Pengurusan Risiko Operasi

Risiko operasi adalah risiko kerugian akibat ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, tenaga manusia atau kegagalan sistem atau disebabkan oleh peristiwa luar. Tanggungjawab utama menguruskan risiko operasi digalas oleh setiap jabatan. Walau bagaimanapun, pelaksanan kaedah pengurusan risiko tersebut disokong dan dipandu oleh RMCD.




### • Laporan Peristiwa Risiko Operasi (ORE)

Risiko operasi amat bergantung kepada manusia, proses dan sistem. Kebergantungan ini, pada tahap-tahap tertentu, boleh dikawal dan ditujukan ke arah hasil yang diingini menerusi kaedah-kaedah ukuran seperti pembahagian tugas, tahap pemberian kuasa dan automasi proses. Walau bagaimanapun, mungkin akan berlaku peristiwa yang menguji dan mengesahkan langkah-langkah yang diguna pakai tersebut.

Laporan ORE diperkenalkan untuk merakamkan peristiwa sedemikian dan di mana pengumpulan maklumat secara pantas, tepat dan menyeluruh akan membantu KWAP mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan risiko yang terlibat dan menentukan tindakan atau kawalan yang perlu untuk mengurangkan risiko tersebut.

Unit-unit operasi dikehendaki melaporkan sebarang kejadian ORE kepada RMCD tepat pada masanya. Laporan tersebut akan turut dimajukan ke peringkat yang lebih tinggi seperti kepada Pengurusan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko di mana kesan strategik dan kewangan tersebut akan ditaksir.

# RISIKO DAN TADBIR URUS KORPORAT

Sejak pengenalan laporan ORE, RMCD dan jabatan yang berkenaan telah berjaya menyelesaikan beberapa kelemahan operasi menerusi penambahbaikan proses kerja dan pengenalan kawalan-kawalan dalaman baharu.

## • Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

Sebagai bahagian penting dalam pengurusan risiko operasi, Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) memerlukan KWAP untuk memiliki kemampuan dan daya saing dalaman bagi mengurangkan risiko gangguan operasi yang teruk.

BCM merupakan suatu proses pengurusan menyeluruh yang mengenal pasti potensi ancaman-ancaman, menyediakan satu rangka kerja bagi membina ketahanan dan kemampuan untuk tindak balas yang berkesan bagi melindungi kepentingan pihak berkepentingan, reputasi dan aktiviti penciptaan nilai.

Salah satu daripada pencapaian penting yang KWAP laksanakan pada tahun 2009 adalah pelantikan sebuah syarikat Pusat Pemulihan Bencana (DRC) bebas dan berwibawa yang menyediakan prasarana dan perkhidmatan yang diperlukan untuk aktiviti penyambungan semula perniagaan. DRC berperanan sebagai tapak alternatif kepada pejabat KWAP jika berlaku sebarang peristiwa kecemasan atau bencana.

Rangka Kerja BCM KWAP




Selain itu, KWAP juga telah melaksanakan inisiatif bagi memastikan ketersediaan maklumat penting menerusi replikasi maklumat secara on-line bagi sistem pelaburan teras dan penyimpanan di luar tapak untuk sokongan sistem lain.

## Risiko Strategik

Risiko strategik meliputi risiko berkaitan pembentukan dan pelaksanaan pelan perniagaan dan strategi. Melalui Jabatan Perancangan dan Pembangunan Korporat, KWAP memantau dan menilai pelaksanan berterusan objektif dan matlamat strategiknya. KWAP turut membuat laporan secara kerap kepada Lembaga dan sentiasa mengkaji dan menilai kemajuan yang dicapai serta membuat penilaian yang lebih luas terhadap keadaan ekonomi makro dan mikro. Kajian berkala terhadap Alokasi Aset Strategik berserta dengan penilaian semula jenis-jenis kemahiran dan kemampuan dalaman adalah amat penting dalam usaha mencapai matlamat strategik kami.

## Penilaian Risiko Menyeluruh

Sejak diperbadankan, KWAP sentiasa aktif mencari cara untuk menambahbaik operasinya melalui proses penambahbaikan, pelaksanaan sistem IT, pengambilan dan latihan pekerja secara intensif yang kemudiannya menghasilkan penciptaan nilai. KWAP turut komited dalam memelihara nilai-nilai yang dicipta menerusi amalan pengurusan risiko yang berwibawa di segenap organisasi. KWAP telah mewujudkan dan merumus kawalan risiko dan kawalan dalaman yang perlu meliputi garis panduan, dasar dan prosedur.

Berasaskan cita-cita KWAP untuk menjadi sebuah dana berprestasi tinggi, peningkatan sasaran secara berterusan akan dilakukan terhadap amalan dan kemampuan pengurusan risikonya.

## B. TADBIR URUS KORPORAT

### a) Lembaga

Lembaga mengakui kepentingan prinsip-prinsip Tadbir Urus Korporat dalam mengendalikan hal-ehwal KWAP. Kewibawaan, ketelusan dan profesionalisme adalah merupakan komponen penting yang menyumbang kepada kemajuan dan kejayaan berterusan organisasi dalam mencapai rangka kerja tadbir urus yang optimum, memaksimumkan nilai pihak berkepentingan dan menjamin kelancaran pengendalian operasinya.

KWAP mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh ahli Lembaga, ahli Panel Pelaburan dan Pengurusan dalam merangka dan menentukan hala tuju dan operasinya. KWAP diterajui dan diuruskan oleh ahli-ahli Lembaga berpengalaman dan berdaya saing dengan pelbagai latar belakang daripada Kerajaan, sektor swasta, Bank Negara Malaysia dan wakil pencarum.

KWAP sedang dalam proses mewujudkan Dasar Tadbir Urus Lembaga yang berasaskan Akta Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (Akta 662) (Akta), Piagam Lembaga dan peraturan-peraturan KWAP lain yang berkaitan. Piagam Lembaga menggariskan prinsip-prinsip tadbir urus korporat penting termasuk peranan dan tanggungjawab sebagai panduan kepada ahli Lembaga, Panel Pelaburan dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga.

### Komposisi Lembaga

Lembaga terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Kementerian Kewangan seperti berikut:

- Seorang Pengerusi yang merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan daripada Kementerian Kewangan;
- Seorang wakil Bank Negara Malaysia;
- Seorang wakil Kementerian Kewangan;
- Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang merupakan seorang ahli *ex-officio*;
- Tiga (3) orang wakil Kerajaan Malaysia;
- Tiga (3) orang wakil sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang pelaburan atau kewangan; dan
- Seorang wakil yang pada pendapat Menteri Kewangan, hendaklah mewakili pencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan secara saksama selain daripada wakil-wakil Kerajaan Malaysia.

Tanggungjawab utama Pengerusi adalah memastikan Lembaga berfungsi secara efektif. Manakala, Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan, bertanggungjawab ke atas keseluruhan operasi pelaburan, pelaksanaan keputusan Lembaga dan keputusan pelaburan oleh Panel Pelaburan sejajar dengan Akta. Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh Pengurusan dalam pentadbiran harian KWAP dan pengurusan kakitangannya.

Profil ringkas setiap ahli Lembaga dibentangkan dalam Laporan Tahunan ini.

### Tanggungjawab dan Akauntabiliti Lembaga

Lembaga dibentuk untuk mentadbir dan menguruskan KWAP bagi memastikan kepentingan setiap pencarum serta pihak berkepentingan dapat dipertingkatkan. Fungsi Lembaga adalah untuk merangka dasar dan prosedur pentadbiran dan pengurusan serta memastikan kejayaan dan kecemerlangan KWAP mencapai objektifnya.

Lembaga menjalankan beberapa tugas khusus seperti memantau tatacara operasi yang tersusun, mengenal pasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan berwibawa, kemampuan dan kemantapan sistem kawalan dalaman bagi menguruskan risiko seperti yang dinyatakan dalam Akta dan Piagam Lembaga.

# RISIKO DAN TADBIR URUS KORPORAT

| KOMPONEN LEMBAGA YANG BERKESAN | | |
|---|---|---|
| **1.** | Struktur Lembaga berprestasi tinggi | • Menyusun Lembaga untuk memenuhi keperluan organisasi<br>• Mentakrif peranan, struktur dan komposisi jawatankuasa untuk memenuhi keperluan Lembaga<br>• Memilih dan mencalonkan ahli Lembaga dengan menggunakan suatu proses yang tersusun<br>• Menilai Lembaga secara keseluruhan dan setiap ahli Lembaga dari semasa ke semasa |
| **2.** | Memastikan operasi dan interaksi Lembaga yang berkesan | • Menjadikan setiap mesyuarat Lembaga produktif<br>• Memastikan kualiti dan ketepatan masa semua maklumat Lembaga<br>• Membina kepercayaan menerusi interaksi Lembaga yang positif, komunikasi yang dinamik dan terbuka di antara Lembaga dan Pengurusan |
| **3.** | Memenuhi peranan dan tanggungjawab asas Lembaga | • Menyumbang kepada pembangunan strategi korporat dan penetapan sasaran<br>• Mengekalkan pendekatan pengurusan prestasi korporat yang kukuh<br>• Mengawasi pembangunan bakal pemimpin dan modal insan organisasi<br>• Memahami dan mengurus risiko organisasi<br>• Menerima pakai perspektif pemegang saham semasa membuat keputusan<br>• Mengimbangi kepentingan dan hak pihak berkepentingan |

## Kehadiran Mesyuarat Lembaga

Sebelas (11) mesyuarat Lembaga telah diadakan sepanjang tahun 2009, termasuk dua (2) mesyuarat khas Lembaga. Rekod kehadiran bagi mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

| BIL. | LEMBAGA | KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA |
|---|---|---|
| **1.** | Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah (Pengerusi) | **11/11** |
| **2.** | Tan Sri Ismail Bin Adam | **6/11** |
| **3.** | Datuk Idrus Bin Harun | **9/11** |
| **4.** | Dato' Mohd Salleh Bin Mahmud | **7/11** |
| **5.** | Datuk Latifah Binti Datuk Abu Mansor | **5/11** |
| **6.** | Dato' V. Danapalan | **9/11** |
| **7.** | Dato' Siow Kim Lun | **9/11** |
| **8.** | Dato' Izzaddin Bin Idris | **4/11** |
| **9.** | Dato' Muhammad Bin Ibrahim | **7/11** |
| **10.** | Tuan Haji Omar Bin Haji Osman | **7/11** |
| **11.** | Dato' Azian Mohd Binti Noh *(ex-officio)* | **10/11** |

# RISIKO DAN TADBIR URUS KORPORAT

| BIL. | SKOP TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI LEMBAGA SEPERTI DIPERUNTUKKAN OLEH AKTA KUMPULAN WANG PERSARAAN | TUGAS/AKTIVITI LEMBAGA BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| 1. | Untuk mewujudkan prosedur berhubung hal-hal kewangan dan perakaunan, termasuk buku simpan kira-kira, penutupan dan pengauditan akaun KWAP serta pembentukan prosedur kewangan dan perakaunannya sendiri; | • Melulus dan mengesahkan Pelan Audit Dalaman.<br>• Meluluskan Cadangan bagi Peningkatan Dasar Perakaunan KWAP. |
| 2. | Untuk menggariskan tanggungjawab kakitangan KWAP termasuk hal-hal berhubung imbuhan, terma dan syarat perkhidmatan, tempoh perkhidmatan dan cuti bagi kakitangannya; | • Meluluskan Dasar Cuti Mandatori. |
| 3. | Untuk mewujudkan tatacara disiplin yang sesuai untuk tatalaku dan disiplin kakitangan KWAP; | • Meluluskan Guna Pakai Akta Badan Berkanun (Disiplin dan Surcaj) 2000. |
| 4. | Untuk menubuhkan jawatankuasa operasi dan prosedur bagi jawatankuasa tersebut; | • Pembentukan Jawatankuasa Khas untuk mengawasi guna pakai dan peralihan kepada Skim Ganjaran Berkaitan Prestasi.<br>• Pembentukan Jawatankuasa Pemandu untuk menjalankan satu (1) kajian berhubung keupayaan KWAP untuk mengambilalih liabiliti pencen Kerajaan. Jawatankuasa Pemandu tersebut terdiri daripada wakil-wakil daripada KWAP, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan. |

# RISIKO DAN TADBIR URUS KORPORAT

| BIL. | SKOP TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI LEMBAGA SEPERTI DIPERUNTUKKAN OLEH AKTA KUMPULAN WANG PERSARAAN | TUGAS/AKTIVITI LEMBAGA BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| 5. | Untuk mengendalikan prosedur dalaman bagi hal-hal KWAP; | • Menyemak semula Polisi dan Garis Panduan Pelaburan termasuk prosedur berkaitan operasi.<br>• Pelaksanaan Pelan Induk Peralihan Alokasi Aset Strategik.<br>• Semakan semula Piagam Lembaga sejajar dengan perubahan yang dilakukan terhadap<br>i. Polisi dan Garis Panduan Pelaburan;<br>ii. Rangka Kerja Pengurusan Risiko; dan<br>iii. Had Kuasa Budi Bicara.<br>• Meluluskan Dasar Maklumat dan Komunikasi KWAP.<br>• Meluluskan Peralihan Gaji dan Pelaksanaan Strategi yang telah diluluskan untuk pelaksanaan oleh Kementerian Kewangan berkuatkuasa mulai Julai 2009. |
| 6. | Untuk menetapkan cara dokumen, cek dan sebarang suratcara perlu ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak KWAP. | Selain daripada Akta, Lembaga KWAP turut meluluskan dasar, garis panduan, peraturan dan penguatkuasaan berikut untuk mentadbir dan menguruskan Dana selaras dengan peruntukan Akta sejak KWAP diperbadankan:<br>• Polisi dan Garis Panduan Pelaburan KWAP<br>• Prosedur Kewangan KWAP<br>• Had-Had Kuasa Budi Bicara dan<br>• Arahan Kuasa Tetap<br>Tiada prosedur baharu telah diluluskan untuk dilaksanakan pada tahun 2009. |
| 7. | Untuk menetapkan hal keadaan kecemasan seperti yang dinyatakan dalam Akta. | Meluluskan garis panduan dan langkah-langkah pencegahan untuk mengendalikan kes-kes H1N1. |

## b) Panel Pelaburan

Akta menghendaki penubuhan sebuah Panel Pelaburan untuk menyediakan hala tuju berkaitan hal-hal pelaburan. Tanggungjawab utama Panel Pelaburan adalah terhadap penubuhan dan kelulusan dasar dan garis panduan pelaburan, dasar berhubung pengurusan risiko, peruntukan aset dan hala tuju strategik pelaburan.

### Komposisi Panel Pelaburan

Panel Pelaburan terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Menteri Kewangan seperti berikut:

- Seorang Pengerusi yang merupakan Pengerusi Lembaga atau individu lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan;
- Seorang wakil Bank Negara Malaysia;
- Seorang wakil Kementerian Kewangan;
- Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang menjadi Setiausaha; dan
- Tiga (3) orang wakil sektor swasta dengan pengalaman dan kepakaran dalam bidang perniagaan atau kewangan.

Satu (1) profil ringkas bagi setiap ahli Panel Pelaburan dibentangkan dalam Laporan Tahunan ini.

### Tugas dan Tanggungjawab Utama Panel Pelaburan

Panel Pelaburan bertanggungjawab secara umumnya untuk meluluskan antara lain, hala tuju strategik KWAP berhubung hal-hal pelaburan, Polisi dan Garis Panduan Pelaburan, peruntukan aset dan cadangan pelaburan. Dalam melaksanakan fungsi-fungsinya, Panel Pelaburan melaporkan aktivitinya kepada Lembaga dan bertindak sejajar dengan dasar am yang dikeluarkan oleh Lembaga dan kemudian diluluskan oleh Menteri Kewangan.

### Kehadiran Mesyuarat Panel Pelaburan

Sembilan (9) mesyuarat Panel Pelaburan telah diadakan sepanjang tahun 2009. Rekod kehadiran adalah seperti berikut:

| BIL. | PANEL PELABURAN | KEHADIRAN MESYUARAT PANEL |
|---|---|---|
| 1. | Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah (Pengerusi) | 9/9 |
| 2. | Dato' Sri Abdul Wahid Bin Omar | 5/9 |
| 3. | Tengku Dato' Azmil Zahruddin Bin Raja Dato' Seri Abdul Aziz | 2/9 |
| 4. | Encik Cheah Tek Kuang | 4/9 |
| 5. | Cik Che Zakiah Binti Che Din | 8/9 |
| 6. | Puan Komalam a/p R. Kesawan (bersara pada 1 Jun 2009) | 3/3 |
| 7. | Datuk Nozirah Binti Bahari (dilantik mulai 2 Jun 2009) | 5/9 |

### Ringkasan Aktiviti Panel Pelaburan pada 2009

Panel Pelaburan bermesyuarat dan membincangkan empat puluh enam (46) cadangan di mana tiga puluh lapan (38) daripadanya telah diluluskan.

## c) Jawatankuasa Lembaga

Dua (2) Jawatankuasa Lembaga telah dibentuk untuk membantu Lembaga melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, iaitu Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

### Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit (AC) diwujudkan untuk memastikan pembentukan, kemampuan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman KWAP.

# RISIKO DAN TADBIR URUS KORPORAT

## Keahlian

Pada masa ini, AC terdiri daripada empat (4) ahli Lembaga iaitu Pengerusi dan tiga (3) ahli lain yang dilantik oleh Lembaga seperti berikut:

- Tan Sri Ismail Bin Adam – Pengerusi
- Dato' Mohd Salleh Bin Mahmud – Ahli
- Datuk Idrus Bin Harun – Ahli
- Dato' Izzaddin Bin Idris – Ahli

Dato' Mohd Salleh bin Mahmud dan Dato' Izzaddin bin Idris juga merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

## Tugas dan Tanggungjawab AC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab AC:

- Untuk mencadang dan menyemak peraturan kewangan, peraturan perakaunan, polisi dan amalan perakaunan;
- Untuk menyemak dan membincangkan bentuk dan skop pelan audit dalaman dan luar serta memastikan penyelarasan pendekatan antara juruaudit dalaman dan luar;
- Untuk menyemak penyata kewangan dengan pengurusan dan juruaudit sebelum kelulusan Lembaga;
- Untuk membincangkan isu-isu yang timbul daripada audit interim dan akhir serta sebarang hal lain yang mungkin ingin dibincangkan oleh juruaudit;
- Untuk mengkaji pemerhatian audit juruaudit luar dan dalaman serta tindak balas pengerusi berhubung pemerhatian tersebut;
- Untuk mempertimbangkan penemuan penting penyiasatan dalaman, jika ada, dan tindak balas pengurusan berhubung penyiasatan tersebut;
- Untuk mengarahkan sebarang penyiasatan khas oleh juruaudit dalaman dan mengkaji hasil penyiasatan tersebut;
- Untuk mempertimbangkan sebarang urus niaga pihak berkaitan yang mungkin timbul dalam KWAP;
- Untuk menyediakan penilaian bebas terhadap kecukupan dan kebolehpercayaan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman serta pematuhan dengan keperluan dasar, undang-undang, garis panduan dalaman dan penguatkuasaan risiko;
- Untuk mengkaji perubahan Prosedur Kewangan; dan
- Untuk mempertimbangkan isu-isu lain seperti yang ditakrif oleh Lembaga.

Juruaudit luar KWAP adalah Ketua Audit Negara sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Badan-Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240).

## Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Tiga (3) mesyuarat Jawatankuasa Audit telah diadakan sepanjang tahun 2009. Rekod kehadiran ke mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

| BIL. | JAWATANKUASA AUDIT | KEHADIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT |
|---|---|---|
| 1. | Tan Sri Ismail Bin Adam (Pengerusi) | 3/3 |
| 2. | Datuk Idrus Bin Harun | 3/3 |
| 3. | Dato' Mohd Salleh Bin Mahmud | 2/3 |
| 4. | Dato' Izzaddin Bin Idris | 2/3 |

## Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Audit pada 2009

Antara cadangan yang dilulus dan disahkan oleh Jawatankuasa Audit adalah mengguna pakai Dasar Perakaunan KWAP, Pelan Audit Dalaman bagi tahun 2009 dan Penyata Kewangan KWAP bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2008.

## Audit Dalaman

Audit Dalaman KWAP memainkan peranan penting dalam mengesahkan dan memperakui tanggungjawab Pengurusan berhubung kecukupan struktur dan keberkesanan operasi sistem kawalan dalaman KWAP. Audit dalaman menyokong fungsi penyeliaan Jawatankuasa Audit dengan penyediaan pendapat yang bebas dan objektif serta penilaian kecekapan dan kemampuan pelaksanaan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko, proses dan prosedur perniagaan/operasi oleh Pengurusan. Audit Dalaman kemudiannya akan menyediakan cadangan-cadangan dan penambahbaikan apabila perlu, berhubung keberkesanan sistem kawalan dalaman dan langkah-langkah pengurusan risiko untuk mengurangkan risiko yang dikenal pasti, memastikan tadbir urus perniagaan yang tersusun dan mewujudkan persekitaran kawalan pengurusan yang lebih kukuh.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, KWAP telah melantik pihak luar untuk melaksanakan audit dalaman dan tugas tersebut telah dijalankan oleh Tetuan Ernst & Young Advisory Services Sdn. Bhd. Pelantikan Tetuan Ernst & Young telah disyorkan oleh Pengurusan dan Jawatankuasa Audit dan kemudian diluluskan oleh Lembaga. Sebagai juruaudit dalaman yang dilantik, Tetuan Ernst & Young melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit. Khidmat perundingan dan nasihat yang disediakan oleh Tetuan Ernst & Young adalah selaras dengan pelan audit yang diluluskan oleh Lembaga. Kunjungan audit yang dibuat adalah selaras dengan terma dan syarat yang digariskan dalam terma rujukan antara KWAP dan Tetuan Ernst & Young bertarikh 24 Disember 2008. Keputusan tugasan dan pengauditan yang dijalankan oleh Tetuan Ernst & Young mencerminkan keberkesanan secara menyeluruh sistem kawalan dalaman bidang-bidang yang diaudit dan telah dibentangkan dalam laporan audit yang meliputi perkara-perkara berikut:

- Pengesahan dan perakuan kewujudan kawalan dalaman bagi bidang-bidang yang diaudit;
- Mengenal pasti isu-isu, penemuan dan pemerhatian audit melalui penilaian risiko dan kawalan bagi bidang-bidang yang diaudit;
- Penilaian risiko dan kelemahan kawalan berkaitan isu-isu audit, penemuan dan pemerhatian terhadap bidang-bidang yang diaudit;
- Cadangan dan penambahbaikan langkah-langkah kawalan dalaman dan pengurangan risiko yang dikenal pasti; dan
- Tindak balas dan tindakan pembetulan Pengurusan berhubung isu-isu audit, penemuan dan pemerhatian terhadap bidang-bidang audit.

Prestasi keseluruhan Tetuan Ernst & Young dikaji dan dipantau oleh Jawatankuasa Audit bagi memastikan keberkesanan prestasi sebagai Juruaudit Dalaman KWAP serta pematuhan kepada pelan audit yang diluluskan oleh Lembaga.

### Kajian Audit Dalaman KWAP bagi Akhir Tahun Kewangan 2009

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, kajian audit yang dijalankan oleh Tetuan Ernst & Young adalah selaras dengan Pelan Audit 2009 yang diluluskan oleh Lembaga. Bidang-bidang yang diaudit bagi tahun 2009 meliputi aktiviti operasi dan sistem kawalan dalaman Jabatan Caruman, Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Pelaburan dan Jabatan Teknologi Maklumat KWAP. Tugasan dan audit terhadap bidang-bidang terpilih telah diadakan melalui tiga (3) kunjungan berasingan oleh Tetuan Ernst & Young sepanjang tahun 2009.

Pendekatan audit yang digunakan oleh Tetuan Ernst & Young adalah melalui pengesahan kawalan dalaman sedia ada dalam proses yang diaudit, penilaian terhadap keberkesanan kawalan dalaman dan bidang-bidang diaudit yang dikenal pasti berpotensi untuk dipertingkatkan serta langkah-langkah pembetulan bagi penemuan atau isu-isu audit dalaman tahun sebelumnya, jika ada. Laporan audit yang disediakan oleh Tetuan Ernst & Young kemudian dikaji dan dinilai oleh Jawatankuasa Audit KWAP dengan mengambil kira semua tindakan pembetulan yang telah diambil dan dilaksanakan oleh Pengurusan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

# RISIKO DAN TADBIR URUS KORPORAT

Pada tahun 2009, Tetuan Ernst & Young mendapati terdapat peningkatan terhadap proses dan mekanisma kawalan dalaman KWAP di mana isu-isu dan penemuan audit dalaman bagi tahun sebelumnya, sama ada telah berjaya diselesaikan atau sedang ditangani oleh Pengurusan KWAP. Selain itu, dasar, amalan dan proses-proses penting berikut kemudiannya telah diwujudkan dan disertakan ke dalam sistem kawalan KWAP:

- Struktur organisasi KWAP telah dirumus dan diasingkan sewajarnya bagi membolehkan keberkesanan pengurusan dan operasi KWAP yang optimum serta membolehkan kakitangan mempunyai masa dan sumber yang mencukupi dalam melaksanakan tugas mereka;

- Program Perancangan Penggantian telah diwujudkan dan dirasmikan untuk jawatan pengurusan penting sebagai panduan bagi pengekalan kakitangan yang berdedikasi, berkemahiran tinggi dan profesional serta untuk mengekalkan kecekapan operasi. Serentak dengan itu, Rangka Kerja Daya Saing Kepimpinan dan Pelan Pembangunan Individu juga telah diwujudkan dan diterima pakai bagi tujuan mempertingkatkan pembelajaran dan perkembangan kakitangan;

- Proses pengambilan telah diperbaiki dan disegerakan berserta dengan proses mengenal pasti calon-calon berpotensi untuk mengisi jawatan kosong KWAP dengan tujuan untuk mempertingkatkan kecekapan operasi;

- Modul-modul baharu dalam sistem sumber manusia (EP2P), telah disediakan dan dilaksanakan untuk mempertingkatkan dan memaksimumkan keseluruhan penggunaan sistem;

- Jabatan Penjelasan Pelaburan telah ditubuhkan untuk berfungsi sebagai pejabat dalam menyediakan fungsi bebas pelaburan untuk peningkatan keseluruhan operasi pelaburan dan pengasingan fungsi dan tugas;

- Jabatan Kustodian ditubuhkan untuk bertanggungjawab ke atas semua kelas aset bagi semua pelaburan yang diuruskan secara dalaman;

- Mekanisma pemantauan dan laporan Pengurusan Dana Luar telah diseragamkan untuk mempertingkatkan lagi ketepatan dan kualiti maklumat yang disediakan;

- Keseluruhan Rangka Kerja, Dasar dan Peraturan Tadbir Urus Teknologi Maklumat (IT) dirumus dengan menyertakan keseluruhan fungsi Jabatan IT, pengasingan tugas, rangka kerja keselamatan terperinci termasuk kajian penyelenggaraan IT dan pentadbiran sistem dan pangkalan data IT bagi menyokong peningkatan kecekapan operasi menyeluruh;

- Rangka Kerja Kitaran Hayat Pembangunan Sistem (SDLC) dan Rangka Kerja Pengurusan Vendor telah dibangunkan dengan merujuk kepada semua sistem IT baharu dan yang akan dibangunkan dengan tujuan untuk memantau penyediaan perkhidmatan dan kualiti perkhidmatan vendor IT; dan

- Prosedur Pemulihan Bencana bagi sistem IT dibangunkan secara serentak dan selari dengan keseluruhan pembanguan Pelan Pemulihan Bencana KWAP.

## Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) diwujudkan untuk membantu Lembaga menjalankan fungsi-fungsinya berhubung pengurusan risiko.

## Keahlian

Pada masa ini, RMC terdiri daripada tiga (3) orang ahli Lembaga dan seorang ahli Panel. Pengerusi dan tiga (3) ahli lain yang telah dilantik yang dilantik oleh Lembaga adalah:

- Dato' Muhammad Bin Ibrahim – Pengerusi
- Dato' V. Danapalan – Ahli
- Dato' Siow Kim Lun – Ahli
- Tengku Dato' Azmil Zahruddin Bin Raja Dato' Seri Abdul Aziz – Ahli

## Tugas dan Tanggungjawab RMC

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab RMC:

- Untuk merangka dan melaksanakan strategi dan dasar pengurusan risiko;
- Untuk menilai dasar dan prosedur pengurusan risiko dalam bidang risiko perniagaan dan kewangan seperti risiko-risiko pasaran, kredit, strategik dan operasi;
- Untuk menentukan kecenderungan dan toleransi risiko dan kemudian mengesyorkannya kepada Lembaga untuk diguna pakai;
- Untuk menilai dasar dan kawalan baharu dan yang sedia ada, kemudian mengesyorkannya kepada Lembaga untuk kelulusan akhir dan diguna pakai;
- Untuk memastikan kecukupan dasar dan sistem pengurusan risiko dan kecekapan operasinya;
- Untuk memastikan kewujudan prasarana, sumber dan sistem berkaitan yang disediakan untuk mengenal pasti, menaksir, memantau dan mengawal risiko kawalan;
- Untuk menentukan pendedahan risiko dan aktiviti pengurusan risiko;
- Untuk merumus Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM);
- Untuk mengesyorkan kepada Lembaga sebarang perubahan terhadap Rangka Kerja Pengurusan Risiko; dan
- Untuk mempertimbangkan isu-isu berkaitan risiko lain seperti yang ditakrif oleh Lembaga.

## Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Empat (4) mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah diadakan sepanjang tahun 2009. Rekod kehadiran adalah seperti berikut:

| BIL. | JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO | KEHADIRAN MESYUARAT PENGURUSAN RISIKO |
|---|---|---|
| 1. | Dato' Muhammad Bin Ibrahim (Pengerusi) | 4/4 |
| 2. | Dato' V. Danapalan | 4/4 |
| 3. | Dato' Siow Kim Lun | 3/4 |
| 4. | Tengku Dato' Azmil Raja Bin Dato' Seri Abdul Aziz | 0/4 |
| 5. | Dato' Azian Binti Mohd Noh | 4/4 |

## Ringkasan Aktiviti RMC bagi 2009

Antara isu-isu penting yang dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah:

- Profil Risiko Korporat
- Laporan Risiko Pasaran
- Cadangan bagi Perkhidmatan Pusat Pemulihan Bencana
- Cadangan bagi Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Cadangan bagi Rangka Kerja Pengurusan Kesinambungan Perniagaan
- Pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Menyeluruh
- Laporan Pematuhan
- Laporan Peristiwa Risiko Operasi

## d) Pelantikan dan Imbuhan Lembaga dan Panel Pelaburan

Lembaga dan Panel Pelaburan dilantik bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun, dan setelah tamat tempoh tersebut, layak untuk dilantik semula. Imbuhan Lembaga dan Panel Pelaburan ditentukan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Pada tahun 2009, Lembaga dan Panel Pelaburan menerima imbuhan, masing-masing berjumlah RM259,500 dan RM83,367.

# RISIKO DAN TADBIR URUS KORPORAT

## e) Keadaan Kawalan Dalaman

### Tanggungjawab

Lembaga bertanggungjawab secara menyeluruh ke atas keberkesanan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko KWAP. Lembaga mengakui dan sedar bahawa sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko diwujudkan untuk mengurus dan mengurangkan risiko hingga ke dalam lingkungan profil risiko yang boleh diterima dan bukan untuk menghapuskan sepenuhnya risiko kegagalan mencapai dasar, objektif dan mandat berkanun. Oleh itu, sistem kawalan dalaman membantu menyediakan jaminan yang munasabah, bukan mutlak, terhadap sebarang salah nyata, kesilapan pengurusan atau kerugian ketara.

Lembaga telah mewujudkan satu proses berterusan untuk menilai keberkesanan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman melalui proses berterusan bagi mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko yang dihadapi oleh KWAP. Sistem kawalan dalaman tersebut dikaji dan dikemaskini apabila perlu, selaras dengan sebarang perubahan dalam persekitaran perniagaan atau keseluruhan risiko yang dihadapi oleh KWAP.

Pengurusan KWAP membantu Lembaga dalam pelaksanaan dasar, prosedur dan proses serta peningkatan kemampuan kewangan dan operasi sedia ada untuk mengurang dan meminimumkan risiko yang dihadapi oleh KWAP. Merujuk kepada sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang diwujudkan bagi tahun yang ditinjau sehingga tarikh pengeluaran Penyata Kewangan KWAP, Lembaga mengakui bahawa sebuah sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang berwibawa dan tersusun telah diwujudkan di dalam KWAP.

### Proses Kawalan Dalaman Utama

Dasar, proses dan prosedur utama berikut telah diwujudkan bagi mengkaji keberkesanan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko KWAP:

- Jawatankuasa Audit diwujudkan bagi memastikan pembentukan, kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman KWAP;
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) diwujudkan untuk membentuk Lembaga dalam melaksanakan fungsi-fungsi berkaitan pengurusan risiko. RMC turut merumus dan melaksanakan strategi dan dasar pengurusan risiko;
- Jawatankuasa Pelaburan terdiri daripada kakitangan utama pelaburan yang bermesyuarat dari semasa ke semasa untuk memutuskan hal-hal berkaitan pelaburan;
- Fungsi Audit Dalaman KWAP bertanggungjawab khususnya untuk memantau pematuhan dan keselarasan dengan dasar, prosedur dan proses serta kecekapan dan kecukupan seluruh sistem kawalan dalaman KWAP;
- Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) adalah suatu kaedah yang diguna pakai oleh KWAP untuk menguruskan risiko-risikonya. ERM melibatkan suatu proses bersepadu bagi mengenal pasti, menilai, memantau, mengurus dan melaporkan risiko-risiko penting yang mempengaruhi KWAP;
- Tanggungjawab utama Panel Pelaburan adalah terhadap pembentukan dan kelulusan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan, dasar berhubung pengurusan risiko, peruntukan aset dan hala tuju strategik pelaburan;
- Tanggungjawab utama Jawatankuasa Pengurusan adalah untuk melaksana dan menilai keputusan operasi dan pengurusan penting serta memastikan supaya ia disampaikan dengan jelas ke seluruh organisasi;
- Pelan perniagaan tahunan dan bajet tahunan KWAP disedia dan dibentangkan kepada Lembaga untuk kelulusan. Prestasi sebenar KWAP dinilai berbanding bajet yang telah diluluskan oleh Lembaga pada setiap bulan dan penerangan mengenai perbezaan telah disediakan oleh Pengurusan;
- Garis panduan yang sewajarnya bagi pengambilan dan pemecatan kakitangan, penghindaran percanggahan kepentingan, pengisytiharan aset dan liabiliti, penilaian prestasi setengah tahun dan tahunan serta program-program latihan diwujudkan bagi memastikan daya saing, kemampuan dan prestasi kakitangan dalam melaksanakan tanggungjawab profesional mereka; dan
- Dasar, prosedur dan proses telah diwujudkan dalam manual dan garis panduan operasi dan telah dikaji secara berkala untuk penilaian dan pematuhan kepada sistem kawalan dalaman KWAP.

## f) Dasar Perolehan

KWAP mewujudkan dasar perolehan dan prosedur operasi standard untuk membantu dan memandu organisasi dalam hal-hal berkaitan dengan perkara tersebut. Atas kesedaran kami terhadap pentingnya memiliki dasar perolehan yang telus, KWAP mengkaji prosedur perolehannya secara berkala supaya ia sejajar dengan amalan terbaik.

Berikut adalah elemen dan ciri-ciri penting dasar perolehan kami:

### Pembelian Secara Langsung

Dasar Perolehan berhubung pembelian barangan dan perkhidmatan secara langsung sehingga ke jumlah maksimum sebanyak RM50,000 adalah seperti berikut:

- Pembelian terus bagi bekalan atau perkhidmatan berjumlah sehingga RM10,000 bagi setiap jenis item adalah dibenarkan daripada mana-mana pembekal atau syarikat; dan
- Pembelian terus bagi bekalan atau perkhidmatan langsung dengan nilai perolehan tahunan melebihi RM10,000 hingga RM50,000 bagi setiap jenis item adalah dibenarkan daripada mana-mana pembekal Bumiputera atau syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

### Sebutharga

Dasar Perolehan berhubung pembelian barangan dan perkhidmatan dengan nilai perolehan tahunan melebihi RM50,000 hingga RM200,000 adalah menerusi sebutharga di mana sekurang-kurangnya lima (5) sebutharga diperlukan daripada para pembekal atau syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Tempoh minimum yang dibenarkan kepada pembekal atau syarikat untuk mengemukakan sebutharga mereka kepada KWAP adalah selama tiga (3) hari. Jika bilangan sebutharga minimum tidak diperoleh, Jawatankuasa Sebutharga KWAP boleh meneruskan proses sebutharga dengan syarat semua keperluan spesifikasi sebutharga yang ditetapkan oleh KWAP telah dipenuhi oleh pembekal atau syarikat.

### Tender

Dasar Perolehan berhubung pembelian barangan dan perkhidmatan dengan nilai pemerolehan tahunan tidak melebihi RM200,000 adalah menerusi tender. Jenis-jenis tender dikategorikan seperti berikut:

- **Tender Terbuka**

  Tender-tender di mana penyertaan terbuka kepada kontraktor atau pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk membekal barangan atau perkhidmatan dan kepada kontraktor atau pembekal yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan untuk menjalankan kerja.

- **Tender Terbuka Yang Dikhaskan Kepada Kontraktor Bumiputera**

  Tender-tender di mana penyertaan hanya terbuka kepada kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk mengambil bahagian.

- **Tender Terbuka Berasaskan Pra-Kelayakan**

  Tender-tender di mana peraturan pra-kelayakan dikenakan ke atas kontraktor supaya hanya mereka yang mempunyai pra-kelayakan seperti pengalaman, kemampuan teknikal, kewangan dan pengurusan boleh mengambil bahagian. Tender sebegini tertakluk kepada kelulusan Lembaga Tender.

- **Tender Terhad**

  Tender-tender di mana penyertaan dihadkan kepada bilangan minimum lima (5) pembekal atau syarikat Bumiputera tempatan bagi kontrak kerja dan kontrak bekalan barang atau perkhidmatan berjumlah tidak melebihi RM10 juta tertakluk kepada kelulusan Lembaga Tender.

# RISIKO DAN TADBIR URUS KORPORAT

Tender-tender tempatan hendaklah diiklankan sekurang-kurangnya dalam sebuah akhbar Bahasa Malaysia tempatan. Tender antarabangsa dikehendaki diiklankan dalam sekurang-kurangnya dalam dua (2) akhbar di mana satu (1) berbahasa Malaysia dan satu (1) berbahasa Inggeris. Para pembekal dan syarikat diberi sekurang-kurangnya tujuh (7) hari untuk mengemukakan tender mereka kepada KWAP.

Proses dan spesifikasi sebutharga dan tender telah digariskan di dalam Prosedur Kewangan yang diluluskan oleh Lembaga.

# BUDAYA PRESTASI TINGGI

## MODAL INSAN

Di KWAP, kami memberikan tumpuan yang tinggi terhadap pembangunan modal insan. Kejayaan kami mencapai matlamat dan objektif, adalah berkait rapat dengan kualiti dan sumbangan setiap warga kerja yang bertugas di dalam organisasi ini. Modal insan yang cekap, terlatih dan bermotivasi tinggi merupakan aset utama kami dan pelaburan yang paling penting. Justeru, pada tahun 2009, usaha telah ditumpukan ke arah merekrut profesional berkebolehan dan menambahbaik pengurusan serta aplikasi sistem pengurusan dan pengukur prestasi warga kerja.

### Perkembangan Pengurusan Modal Insan dari 2007 hingga 2009

| 2007 | 2008 | 2009 |
|---|---|---|
| Pembentukan model dan proses pengurusan modal insan | Pembangunan sistem pengurusan modal insan<br><br>Penyesuaian model dan proses pengurusan modal insan dengan model perniagaan<br><br>Pengenalan sistem pengurusan dan pengukur prestasi kerja berdasarkan prestasi warga kerja | Pengambilan profesional berkebolehan<br><br>Menambahbaik rekabentuk sistem pengurusan dan pengukur prestasi kerja warga kerja |

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kami untuk merekrut, mengekalkan, melatih dan memberi sokongan motivasi kepada setiap individu yang berkhidmat di KWAP. Tumpuan diberikan terhadap pengambilan individu yang terbaik dan latihan berterusan di kalangan warga kerja bagi meningkatkan kemahiran serta kecekapan untuk menyumbang kepada perkembangan organisasi. Pada masa yang sama, kami percaya bahawa kejayaan organisasi hanya dapat dicapai dengan adanya pemimpin yang berkebolehan, disokong oleh modal insan berpotensi yang memainkan peranan cekap di dalam bidang masing-masing.

Komitmen kami terhadap pembangunan modal insan terbukti melalui Proposisi Nilai Kakitangan yang kami tawarkan di mana KWAP memberi peluang kepada setiap warga kerja menyumbang ke arah membangunkan industri pengurusan dana persaraan di Malaysia, menyediakan peluang perkembangan peribadi dan kerjaya profesional serta menawarkan ganjaran yang kompetitif dan persekitaran kerja yang kondusif kepada setiap warga kerja yang berkhidmat di organisasi ini.

### Statistik Warga Kerja Bagi Tahun 2009

| STATISTIK WARGA KERJA | |
|---|---|
| Purata bilangan warga kerja bagi tahun 2009: | 102 |
| Jumlah bilangan warga kerja pada 31 Dis 2009: | 108 |
| Umur purata: | |
| 1) Wanita | 35.79 tahun |
| 2) Lelaki | 35.84 tahun |
| Purata tahun dalam perkhidmatan:<br>(sejak diperbadankan pada 1 Mac 2007) | 2.34 tahun |

Beberapa perubahan utama telah dilakukan terhadap struktur organisasi KWAP pada tahun 2009, selaras dengan agenda transformasi KWAP. Perubahan tersebut dilakukan dengan tujuan untuk mempertingkatkan semangat kerja berpasukan serta memantapkan perkongsian objektif bersama di kalangan warga kerja, mewujudkan akauntabiliti prestasi yang lebih jelas dan menyokong pembangunan kecekapan modal insan di KWAP. Di sebalik perubahan yang berlaku, warga kerja KWAP terus komited di dalam menyokong perkembangan organisasi ini seperti mana dibuktikan melalui kadar pergantian organisasi di kalangan warga kerja yang rendah bagi tahun 2009 iaitu sebanyak 0.33% sahaja.

# BUDAYA PRESTASI TINGGI




Bilangan warga kerja KWAP meningkat secara keseluruhan pada tahun 2009, di mana 3 anggota baharu telah direkrut bagi mengisi jawatan pengurusan kanan, 4 anggota direkrut bagi mengisi jawatan pengurusan pertengahan dan 6 anggota direkrut bagi mengisi jawatan bukan eksekutif.

Di dalam pengambilan warga kerja baharu, KWAP memberi peluang yang sama rata kepada setiap individu untuk menunjukkan kelebihan dan potensi masing-masing. Fokus utama kami di dalam proses pengambilan warga kerja sentiasa diberikan kepada kualiti dan kelayakan setiap individu. Pendekatan ini telah berjaya merangsang peningkatan sebanyak 30% bagi kadar kepelbagaian pengambilan warga kerja di KWAP. Nisbah komposisi warga kerja di KWAP menunjukkan lebih 50% warga kerja KWAP adalah wanita. Statistik juga menunjukkan bahawa lebih 40% daripada jumlah bilangan warga kerja KWAP yang memegang jawatan di peringkat pengurusan terdiri daripada warga kerja wanita.












# BUDAYA PRESTASI TINGGI

## Pengurusan Prestasi

Sebagai sebuah organisasi yang menetapkan matlamat untuk menjadi sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi, penerapan budaya prestasi tinggi melalui pembahagian tanggungjawab dan bidang tugas yang jelas serta pengamalan sistem Petunjuk Utama Prestasi (KPI) adalah penting bagi KWAP. Bagi meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan prestasi sedia ada, penglibatan warga kerja di dalam proses pengurusan prestasi telah diperluaskan dengan pengenalan mekanisma penilaian prestasi sendiri. Pembaharuan yang dilakukan ini telah membantu meningkatkan kesedaran di kalangan warga kerja terhadap tanggungjawab masing-masing serta mendorong mereka untuk lebih memahami kepentingan fungsi dan sumbangan mereka terhadap perkembangan organisasi.

Di samping itu, tumpuan turut diberikan terhadap usaha mempertingkatkan keupayaan pengurusan KWAP di dalam mengendalikan proses semakan prestasi kerja warga kerja bawahan secara berkesan dan memantapkan kemahiran kejurulatihan di dalam diri mereka. Langkah ini bertujuan untuk memastikan matlamat sistem pengurusan prestasi berjaya dicapai secara menyeluruh.

## Latihan dan Pembangunan

Bagi menyokong peningkatan bilangan warga kerja dan pertambahan tanggungjawab dan fungsi pelaburan yang dikendalikan KWAP, program latihan dan pembangunan yang dijalankan pada tahun 2009 adalah ditumpukan kepada bidang kewangan, ekonomi dan pelaburan. Selain itu, peruntukan bagi aktiviti latihan dan pembangunan warga kerja turut disalurkan kepada program-program pembangunan di dalam bidang kepimpinan dan kemahiran peribadi, teknologi maklumat, sumber manusia dan pentadbiran, serta pengurusan risiko dan pematuhan.

Warga kerja yang menunjukkan prestasi kerja yang memberangsangkan telah diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam seminar-seminar dan persidangan-persidangan di peringkat antarabangsa

**Pecahan Warga Kerja Mengikut Kelayakan Akademik Bagi Tahun 2009**




yang dianjurkan di sekitar Asia, Eropah dan Amerika Syarikat.

Skim Insentif *Chartered Financial Analyst* KWAP (CFAIS) yang menyediakan bantuan kewangan kepada warga kerja yang mengikuti pengajian Chartered Financial Analyst (CFA) terus mendapat sambutan yang menggalakkan. Melalui skim ini, warga kerja yang terlibat dengan pengajian CFA telah diberikan bantuan dan sokongan dari segi kelas-kelas persediaan dan ulangkaji, pembelian buku-buku rujukan serta pembayaran balik yuran peperiksaan oleh KWAP sekiranya mereka lulus peperiksaan CFA. Bagi menggalakkan warga kerja mengikuti pengajian CFA, cuti belajar dan cuti peperiksaan turut diberikan kepada setiap warga kerja yang mendaftar di bawah skim ini.

Di dalam mengejar matlamat untuk menjadi sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi, dan sebagai pengiktirafan kepada program penyelidikan perniagaan berprestasi tinggi yang dirintis Accenture, KWAP telah menjemput Encik Lim Beng Choon, Pengarah Urusan Accenture Malaysia, untuk menyampaikan ceramah berkaitan Organisasi Berprestasi Tinggi.

Program Siri Kepimpinan KWAP yang dimulakan sejak tahun 2008 dan merupakan salah satu acara utama KWAP telah mendapat sambutan memberangsangkan daripada warga kerja KWAP dan juga profesional-profesional di dalam industri pelaburan. Pada tahun 2009, program Siri Kepimpinan KWAP telah menampilkan

# BUDAYA PRESTASI TINGGI

Y. Bhg. Dato' Sri Nazir Razak, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB dan Y.Bhg. Dato' Sri Jamaludin Ibrahim, Pengarah Urusan, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Axiata Group Berhad sebagai pensyarah jemputan.

## Keselamatan dan Kesihatan Warga Kerja

Kesungguhan dan komitmen KWAP terhadap keselamatan dan kesihatan warga kerja organisasi ini dapat dilihat melalui aktiviti-aktiviti dan inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan pada tahun 2009. Di antara aktiviti-aktiviti dan inisiatif-inisiatif yang dimaksudkan termasuk penguatkuasaan segera langkah pencegahan wabak ketika penularan wabak H1N1, penganjuran sesi taklimat khas oleh Qualitas Medical Group berkaitan wabak H1N1 untuk semua warga kerja, dan program "Suntikan Influenza" secara percuma oleh Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur untuk semua warga kerja bagi mengurangkan risiko jangkitan H1N1. Selain daripada itu, poster, topeng muka dan cecair pembasmi kuman turut diedarkan secara percuma kepada semua warga kerja.

Ceramah kesedaran kesihatan mengenai Pengurusan Pemakanan bagi memupuk gaya hidup sihat yang dikendalikan oleh Hospital Kuala Lumpur telah mendapat sambutan menggalakkan daripada warga kerja KWAP.

Dengan kerjasama daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, satu sesi taklimat mengenai kebakaran dan keselamatan serta latihan pengungsian (evacuation) bangunan ketika kecemasan telah berjaya dijalankan.

## Mengimbangi Kerja dan Kehidupan

KWAP bertekad untuk mewujudkan keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan serta menyediakan persekitaran kerja yang selesa untuk warga kerjanya. Kami percaya bahawa prestasi kerja warga kerja adalah berkait rapat dengan keupayaan mereka mengekalkan keseimbangan di antara kerjaya dan kehidupan peribadi. Antara aktiviti yang di jalankan bagi mencapai matlamat tersebut termasuklah penganjuran sesi pengucapan umum pada setiap bulan dan aktiviti kecergasan dan sukan yang diadakan secara mingguan. Karnival Sukan Tahunan dan Hari Keluarga KWAP yang pertama kali dianjurkan juga mendapat sambutan menggalakkan daripada warga kerja KWAP dan ahli keluarga mereka.

Y.B Dato' Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Menteri Kewangan II, telah merasmikan pelancaran bilik urus niaga baharu KWAP pada tahun 2009. Konsep dan rekabentuk baharu bilik ini telah direka bagi mewujudkan satu persekitaran kerja yang positif dan menggalakkan interaksi di kalangan warga kerja dan seterusnya memangkin peningkatan produktiviti serta prestasi keseluruhan organisasi.

# ORGANISASI PRIHATIN

Kemakmuran masyarakat di mana sesebuah perniagaan beroperasi merupakan penentu kepada aktiviti dan pertumbuhan ekonomi. Hubungan antara perniagaan dan masyarakat membentuk asas bagi sumbangan kepada masyarakat. Ini termasuk aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah perniagaan dengan objektif utama untuk memanfaatkan masyarakat di mana ia beroperasi atau membantu kumpulan individu atau komuniti dalam masyarakat tersebut.

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, KWAP telah menjalankan pelbagai aktiviti pada 2009 yang ditujukan kepada kebajikan warga kerja, penglibatan dan sumbangan kepada masyarakat serta perlindungan alam sekitar.

## TANGGUNGJAWAB KEPADA WARGA KERJA

Kami percaya bahawa modal insan adalah salah satu aset utama kami dan justeru, kami komited untuk menyediakan pembangunan serta menjaga kebajikan warga kerja. Ini dilakukan melalui beberapa program seperti:

- Pengenalan Skim Insentif `Chartered Financial Analyst' untuk mendorong warga kerja supaya menambahbaik kemahiran dan pengetahuan secara berterusan serta memajukan perkembangan diri;

- Kelab Sukan dan Rekreasi KWAP atau SPARC, sebuah kelab yang dikendalikan oleh warga kerja untuk merapatkan hubungan di kalangan mereka dan ahli keluarga melalui aktiviti sukan, rekreasi, sosial, budaya, ekonomi dan kebajikan;

- SPARC menganjurkan karnival sukan dari bulan April hingga Julai 2009 yang melibatkan 12 permainan. Acara kemuncak karnival sukan ini adalah pengumuman juara pasukan, olahragawan dan olahragawati terbaik tahun 2009. SPARC juga mengambil bahagian dalam pertandingan futsal anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri pada 5 Disember 2009. Untuk memupuk semangat berpasukan, SPARC turut menganjurkan permainan *paintball* yang melibatkan penyertaan 20 orang. Di samping itu, program *Fitness After 5* diadakan setiap minggu untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan mencapai keseimbangan kerja dan kehidupan;





Logo Kelab Sukan dan Rekreasi KWAP

# ORGANISASI PRIHATIN

- Aktiviti rekreasi korporat yang diadakan dengan kerjasama SPARC seperti sambutan Hari Keluarga dan Perjumpaan Hari Raya untuk warga kerja KWAP turut dihadiri oleh ahli Lembaga, ahli Panel Pelaburan dan keluarga mereka. Aktiviti ini juga bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan di kalangan pelbagai pihak;
- Ganjaran diberikan kepada anak-anak warga kerja sebagai pengiktirafan ke atas pencapaian dan kecemerlangan akademik sementara mereka yang kehilangan ahli keluarga terdekat juga diberikan sagu hati bagi meringankan beban yang ditanggung; dan
- Sebagai respons terhadap pandemik H1N1, beberapa langkah pencegahan telah dilaksanakan seperti program suntikan vaksin untuk warga kerja, pengedaran topeng muka, cecair pembasmi kuman dan jangka suhu di beberapa lokasi strategik sekitar pejabat.

## TANGGUNGJAWAB TERHADAP MASYARAKAT

Ahli Lembaga KWAP, ahli Panel Pelaburan dan warga kerja telah bermurah hati menderma sejumlah RM10,000 kepada Tabung NST untuk Gaza sebagai bantuan kepada penduduk Palestin. Selain itu, warga kerja melalui pelbagai aktiviti pengumpulan dana, telah membeli bahan bacaan untuk pusat sumber Sekolah Kebangsaan (A) Bukit Tampoi bagi faedah para pelajar Orang Asli. Dana yang dikumpul juga digunakan untuk membeli peralatan sukan bagi menggalakkan penyertaan yang lebih besar dalam sukan serta mempertingkatkan kecemerlangan dalam aktiviti kurikulum tambahan.

KWAP juga menyumbangkan artikel secara berkala kepada penerbitan kewangan bagi menyebarkan isu dalam industri pengurusan dana dengan memanfaatkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pelaburan warga kerjanya. Semua rencana ini boleh diakses di portal web KWAP.

Seminar sehari mengenai Perancangan Kewangan untuk Persaraan telah dianjurkan di pejabat KWAP untuk memberi kesedaran di kalangan bakal pesara mengenai pentingnya perancangan kewangan. 50 orang peserta





daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Ketua Akauntan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mengambil bahagian. Ceramah berjudul *An Insight to Fund Management Industry* juga disampaikan kepada para siswa oleh warga kerja KWAP sempena *A Day With Industry* anjuran Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya yang bertujuan untuk menyediakan pemahaman yang lebih baik tentang industri pengurusan dana.

KWAP juga telah memulakan program latihan amali yang ditawarkan kepada para siswa bagi mendedahkan mereka kepada pelbagai jabatan berkaitan pelaburan.

Lawatan pengurusan turut dikendalikan sepanjang 2009 untuk mengukuhkan lagi kedudukan KWAP dalam pelaburan yang berkualiti dan mesra masyarakat. Akses langsung kepada pengurusan atasan syarikat yang dilabur membolehkan KWAP mendapatkan pandangan perniagaan yang tepat serta merumus keputusan pelaburan yang lebih baik.

## TANGGUNGJAWAB TERHADAP ALAM SEKITAR

Dalam memenuhi kewajipannya untuk menyelamatkan alam sekitar, KWAP telah menumpukan usaha kepada menggalakkan penggunaan sumber secara cekap sambil mengelakkan pembaziran. Ini dicapai melalui aktiviti mudah tetapi berkesan termasuk penggunaan komputer riba dalam mesyuarat, pengkitaran semula produk kertas, pungutan buku dan barangan terpakai untuk jualan barangan, permohonan cuti secara elektronik serta penjimatan tenaga dengan menutup suis lampu dan barangan elektrik apabila tidak digunakan.





Logo Tanggungjawab Sosial Korporat KWAP

# 2009:
# TAHUN PENUH PERISTIWA

## MANDAT KPE 2009



**Tarikh** : 13 Januari 2009
**Tempat** : Dewan Serbaguna KWAP

Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) mengumumkan prestasi kewangan bagi 2008 dan harapan beliau bagi 2009.

## MESYUARAT PERMULAAN IFIMS



**Tarikh** : 4 Februari 2009
**Tempat** : Bilik Lembaga KWAP

Mesyuarat Permulaan Projek Pelaksanaan Sistem Pengurusan Pelaburan Dana Bersepadu (IFIMS) membincangkan tinjauan projek, carta organisasi, tempoh masa, peranan dan tanggungjawab antara KWAP dan pembekal terpilih. Sistem tersebut akan menyediakan penyelesaian bersepadu bagi aktiviti pengurusan dana KWAP dan membantu mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapannya.

## BENGKEL KHIDMAT PELANGGAN DAN INOVASI DI TEMPAT KERJA



**Tarikh** : 17 – 18 April 2009
**Tempat** : JW Marriott, Putrajaya

Sebuah bengkel telah diadakan dengan objektif untuk membantu transformasi sikap, gaya pemikiran dan prestasi kakitangan bukan eksekutif ke arah menerapkan budaya prestasi tinggi.

## LAWATAN PENGUATKUASAAN – WILAYAH UTARA



**Tarikh** : 20 – 23 April 2009
**Tempat** : Kedah & Perlis

Taklimat kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis, LADA dan Majlis Perbandaran Kangar semasa Lawatan Pematuhan dan Penguatkuasaan ke Kedah dan Perlis.

## LAWATAN KE KAWASAN PERLINDUNGAN GAJAH



**Tarikh** : 25 April 2009
**Tempat** : Kuala Gandah, Pahang Darul Makmur

Satu lawatan telah dianjurkan oleh SPARC untuk mendidik kakitangan dan keluarga mereka mengenai kepentingan melestarikan flora dan fauna.

## KARNIVAL SUKAN



**Tarikh** : April - Julai 2009
**Tempat** : Beberapa Lokasi Sekitar Kuala Lumpur

Karnival sukan telah diadakan dari April hingga Julai 2009 di mana kakitangan telah dibahagikan kepada 3 pasukan yang bertanding dalam sukan seperti karom, *scrabble*, badminton, futsal, damak, congkak, dam haji dan bola tampar.

# 2009: TAHUN PENUH PERISTIWA

## PEMBENTANGAN DASAR ICT KWAP



**Tarikh** : 21 Mei 2009
**Tempat** : Dewan Serbaguna KWAP

Jabatan IT telah memberi taklimat kepada semua kakitangan KWAP berhubung Dasar ICT baharu yang telah diluluskan oleh Lembaga dan perlu dipatuhi sebagai sebahagian daripada usaha transformasi KWAP.

## CERAMAH KHAS OLEH ENCIK LIM BENG CHOON



**Tarikh** : 24 Jun 2009
**Tempat** : Dewan Serbaguna KWAP

Pengarah Urusan, Accenture Malaysia, Encik Lim Beng Choon telah menyampaikan satu ceramah mengenai 'Organisasi Berprestasi Tinggi'.

## HARI KELUARGA KWAP 2009



**Tarikh** : 4 - 5 Julai 2009
**Tempat** : Felda Hot Spring, Sungai Klah, Perak Darul Ridzuan

Hari Keluarga KWAP anjuran SPARC telah mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan kakitangan KWAP dan ahli keluarga mereka menerusi pelbagai aktiviti.

## MENTERI KEWANGAN II MERASMIKAN BILIK URUS NIAGA



**Tarikh** : 13 Julai 2009
**Tempat** : Bilik Urus niaga KWAP

Menteri Kewangan II, Y.B. Dato' Seri Ahmad Husni Hanadzlah telah diberi penghormatan merasmikan Bilik Urus niaga KWAP sejajar dengan program transformasinya.

## LAWATAN EKUITI KE PELABUHAN KLANG



**Tarikh** : 14 Julai 2009
**Tempat** : NCB Holdings, Pelabuhan Klang

Sebagai sebahagian daripada amalan penyelidikan dan pelaburan KWAP, Jabatan Ekuiti telah mengadakan lawatan syarikat untuk Pengurusan Kanan KWAP pada sepanjang tahun ke syarikat-syarikat di mana KWAP melabur.

## SIRI KEPIMPINAN III OLEH DATO' SRI NAZIR RAZAK



**Tarikh** : 31 Julai 2009
**Tempat** : Dewan Serbaguna KWAP

Y. Bhg. Dato' Sri Nazir Razak, Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan CIMB telah menyampaikan ceramah bertajuk 'Perjalanan Kita Ke Arah Mencapai Prestasi Tinggi'.

# 2009: TAHUN PENUH PERISTIWA

## CERAMAH 'AN INSIGHT TO FUND MANAGEMENT INDUSTRY'



**Tarikh** : 6 Ogos 2009
**Tempat** : Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya

Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Encik Ambalagam a/l R. Marappan, Pengarah, Pengurusan Dana Luar KWAP bersempena dengan 'Hari Bersama Industri' fakulti tersebut dan program TSK KWAP.

## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KARNIVAL SUKAN 2009



**Tarikh** : 20 Ogos 2009
**Tempat** : Dewan Serbaguna KWAP

Karnival sukan KWAP diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah kepada pasukan, olahragawan dan olahragawati terbaik.

## MESYUARAT *TOWN HALL*



**Tarikh** : 21 Ogos 2009
**Tempat** : Dewan Serbaguna KWAP

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP mengumumkan keputusan interim prestasi kewangan bagi 2009 dan menyatakan pentingnya budaya berprestasi tinggi.

## IFTAR DENGAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN



**Tarikh** : 4 September 2009
**Tempat** : Dewan Serbaguna KWAP

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan menyertai iftar bersama-sama pihak pengurusan dan kakitangan.

## JUALAN BARANGAN TSK



**Tarikh** : 14 September 2009
**Tempat** : Ruang Legar KWAP

Jualan barangan tersebut adalah anjuran Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) untuk menggalakkan budaya menderma di kalangan kakitangan KWAP.

## SAMBUTAN AIDILFITRI 1430H



**Tarikh** : 8 Oktober 2009
**Tempat** : Felda Villa, Kuala Lumpur

Aidilfitri disambut penuh meriah oleh ahli keluarga KWAP dan pemberian duit raya kepada kanak-kanak oleh Pengerusi.

# 2009: TAHUN PENUH PERISTIWA

## LAWATAN TIMBALAN MENTERI KEWANGAN II KE KWAP



**Tarikh** : 12 Oktober 2009
**Tempat** : Dewan Serbaguna KWAP

Kakitangan KWAP telah berbesar hati menerima kunjungan Timbalan Menteri Kewangan II Y.B. Senator Dato' Dr. Awang Adek Hussin ke KWAP.

## SEMINAR PERANCANGAN KEWANGAN BAGI PERSARAAN



**Tarikh** : 29 Oktober 2009
**Tempat** : Dewan Serbaguna KWAP

Seminar tersebut dianjurkan oleh ahli Jawatankuasa TSK KWAP khusus untuk kakitangan sektor awam yang bakal bersara.

## HARI SUMBANGAN AMAL TSK



**Tarikh** : 20 November 2009
**Tempat** : SK Bukit Tampoi (A), Dengkil

Sebagai sebahagian daripada program TSK KWAP, satu program amal telah dijalankan untuk memberikan sumbangan buku dan barangan lain kepada SK Bukit Tampoi (A) dan para pelajarnya.

## SIRI KEPIMPINAN IV OLEH DATO' SERI JAMALUDIN IBRAHIM



**Tarikh** : 16 Disember 2009
**Tempat** : Dewan Serbaguna KWAP

Y. Bhg. Dato' Sri Jamaludin Ibrahim, Presiden/Ketua Eksekutif Kumpulan Axiata menyampaikan ceramah bertajuk 'The Making of Champions'.

# KAD SKOR KORPORAT 2010

| BIL. | OBJEKTIF KORPORAT | UKURAN KPI | SASARAN TAHUNAN |
|---|---|---|---|
| **A. PIHAK BERKEPENTINGAN** | | | |
| **1.** | Untuk meningkatkan saiz dana | Pertumbuhan saiz dana dalam peratusan | Sasaran peratusan antara 9.4% hingga 9.9% |
| **2.** | Untuk meningkatkan kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam pengurusan liabiliti pencen | Mencapai penanda pencapaian inisiatif | Kajian Liabiliti Pencen dilaksanakan mengikut penanda pencapaian |
| **B. KEWANGAN** | | | |
| **1.** | Untuk mencapai pulangan ke atas pelaburan (ROI) melebihi penanda aras | ROI dibandingkan dengan penanda aras iaitu SKM 3 Tahun + 150 mata asas (bps) | ROI sebenar melebihi penanda aras |
| **2.** | Untuk mempertingkatkan langkah-langkah pengekalan modal | Peratus saiz dana mengalami kemerosotan nilai kekal | Kurang 1% daripada jumlah saiz dana mengalami kemerosotan nilai kekal |
| **3.** | Untuk mempercepatkan usaha mempelbagaikan pelaburan portfolio | Peratus saiz dana dilaburkan dalam kelas aset baharu | Peratusan disasarkan menurut Pelan Induk Peralihan Alokasi Aset Strategik (SAA) |
| **C. OPERASI** | | | |
| **1.** | Untuk melaksanakan inisiatif pembangunan perniagaan baharu | Bilangan cadangan inovatif dilaksana | 2 cadangan inovatif dilaksana |
| **2.** | Untuk menambahbaik amalan pengurusan pelaburan | Mencapai penanda pencapaian inisiatif | Peningkatan berterusan Fasa Ukuran Prestasi dan Pelaksanaan Fasa Berkaitan Prestasi |

# KAD SKOR KORPORAT 2010

| C. OPERASI | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL.** | **OBJEKTIF KORPORAT** | **UKURAN KPI** | **SASARAN TAHUNAN** |
| **3.** | Untuk mengukuhkan amalan pengurusan risiko | | |
| | a) Untuk menjalankan ujian Pelan Kesinambungan Perniagaan | a) Peratusan sasaran | a) Mencapai 90% daripada sasaran |
| | b) Untuk mempertingkatkan fungsi pematuhan | b) Peratusan isu-isu ketidakpatuhan diselesaikan | b) Penyelesaian 90% daripada isu ketidakpatuhan |
| | c) Untuk melaksanakan inisiatif berkaitan risiko pasaran, kredit dan operasi | c) Mencapai penanda pencapaian inisiatif | c) Pelaksanaan Sistem Pengurusan Risiko Pasaran, Kaedah Skor Risiko Kredit dan Sistem Pengurusan Risiko Perniagaan |
| | d) Untuk menjalankan Latihan Dalaman Kesedaran Risiko | d) Bilangan seminar risiko diadakan | d) 4 seminar |
| **4.** | Untuk meningkatkan kecekapan operasi dan amalan tadbir urus korporat | | |
| | a) Pematuhan | a) i. Tahap pematuhan<br>ii. Peratusan pemerhatian audit<br>iii. Pendapat juruaudit berkanun | a) i. 100% pematuhan terhadap peraturan dan perundangan<br>ii. 100% penyelesaian pemerhatian audit dalam tempoh masa ditetapkan<br>iii. Sijil Audit Bersih bagi Penyata Kewangan |
| | b) Pengurusan caruman | b) i. Mencapai penanda pencapaian inisiatif<br>ii. Kutipan caruman mengikut jadual | b) i. Melaksanakan Sistem Pengurusan Caruman<br>ii. 90% pematuhan dalam tempoh 30 hari yang ditetapkan |
| | c) Laporan Tahunan | c) Tempoh masa | c) Laporan Tahunan dibentangkan di Parlimen pada persidangan kedua (Jun 2010) |

# KAD SKOR KORPORAT 2010

## D. PEMBELAJARAN DAN PERTUMBUHAN

| BIL. | OBJEKTIF KORPORAT | UKURAN KPI | SASARAN TAHUNAN |
|---|---|---|---|
| **1.** | Untuk melaksanakan amalan pengurusan prestasi dan profesional berkebolehan | | |
| | a) Pengurusan prestasi dan proses pengambilan kakitangan baharu | a) i. Kadar pergantian kumpulan profesional berkebolehan<br>ii. Mencapai sasaran prestasi | a) i. Tidak melebihi 10% daripada kumpulan profesional berkebolehan<br>ii. Majoriti kakitangan mencatat prestasi melebihi jangkaan |
| | b) Organisasi yang mengamalkan pembelajaran berterusan | b) Bilangan purata hari latihan setiap kakitangan | b) 7 hari latihan setiap kakitangan |
| **2.** | Untuk melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) | Bilangan program TSK dilaksanakan | Sekurang-kurangnya 3 program TSK dilaksanakan |




## BAHAGIAN D

• Lembaga, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Pengurusan Kanan dan Kakitangan Utama • Carta Organisasi

# LEMBAGA



KWAP mempunyai ahli-ahli Lembaga yang berketerampilan yang sehingga kini, telah memberi sumbangan besar terhadap kejayaan kami. Baik secara berseorangan mahupun berkumpulan, ahli-ahli Lembaga kami akan terus menerajui KWAP mencapai objektifnya.

**TAN SRI DR.WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Pengerusi

Dilantik sebagai Pengerusi Lembaga dan Panel Pelaburan pada 1 Mac 2007.

Beliau adalah Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Beliau juga ahli Lembaga Malaysian International Shipping Corporation, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysian Airline System, Kuala Lumpur International Airport, Pembinaan PFI, Petroliam Nasional, Bintulu Port Holdings, Syarikat Bekalan Air Selangor, Pembinaan BLT, Cyberview, Bank Negara Malaysia, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Perbadanan Insuran Deposit Malaysia. Beliau mewakili Kementerian Kewangan sebagai ahli PEMUDAH (Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan), Iskandar Malaysia dan Pihak Berkuasa Pembangunan Koridor Wilayah Sarawak, Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan Mesyuarat Majlis Ekonomi.

Lulusan ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi Gunaan dari Universiti Malaya, ijazah Sarjana Falsafah (Pengajian Pembangunan) dari University of Sussex, UK dan Doktor Falsafah (Ekonomi Perniagaan) dari University of Leeds, United Kingdom. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.

# LEMBAGA





### TAN SRI ISMAIL BIN ADAM
Wakil Kerajaan Persekutuan

Dilantik sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau adalah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia. Beliau juga Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah & Sarawak) serta Dewan Bahasa dan Pustaka. Lulusan ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi dari Universiti Malaya dan Sarjana Ekonomi dari Vanderbilt University, AS dan juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.

### DATO' MOHD. SALLEH BIN MAHMUD
Wakil Kerajaan Persekutuan

Dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2007. Beliau adalah Akauntan Negara Malaysia. Beliau juga Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru. Lulusan ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan dari Universiti Malaya dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.





### DATUK IDRUS BIN HARUN
Wakil Kerajaan Persekutuan

Dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2007. Beliau adalah Peguam Cara Negara. Beliau juga Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan Pengarah Amanah Raya Capital. Lulusan Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dengan Kepujian dari Universiti Malaya.

### DATO' LATIFAH BINTI DATUK ABU MANSOR
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan
Wakil Kementerian Kewangan

Dilantik sebagai ahli Lembaga pada 17 Oktober 2008. Beliau juga ahli Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Tabung Amanah Negara, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Pembangunan Pasaran Modal, UDA Holdings dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan; ahli Lembaga Pengarah Silih Ganti, Malaysian International Shipping Corporation dan ahli Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia (MVCDC). Lulusan ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

# LEMBAGA



### DATO' V. DANAPALAN
Wakil Sektor Swasta

Dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2007. Beliau juga ahli Lembaga Telekom Malaysia, Universiti Telekom, Sirim QAS International, Affin Trust Management, Suruhanjaya Pertukaran Pendidikan Malaysia–Amerika, Tabung Biasiswa Tun Sambanthan dan Yayasan Sains & Teknologi Universiti Malaysia. Lulusan ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya dan ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Pennsylvania State University, AS.



### DATO' SIOW KIM LUN
Wakil Sektor Swasta

Dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2007. Beliau juga ahli Lembaga Pengarah Citibank, UMW Holdings, WZ Steel, XingQuan International Sports Holdings dan Mainstreet Adviser. Lulusan ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Catholic University of Leuven, Belgium dan menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.



### DATO' MUHAMMAD BIN IBRAHIM
Wakil Bank Negara Malaysia

Dilantik sebagai ahli Lembaga pada 15 Mei 2007. Beliau adalah Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia; Pemegang Amanah Majlis Kerusi Tun Ismail Ali dan Dana Shariah; Pesuruhjaya, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; Fellow Bersekutu di Institut Jurubank Malaysia dan ahli Majlis Institut Jurubank Malaysia. Lulusan ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya, ijazah Sarjana dari Harvard University dan Diploma Lepasan Ijazah dalam Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



### DATO' IZZADDIN BIN IDRIS
Wakil Sektor Swasta

Dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2007. Beliau adalah Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Group, Fellow CPA Australia serta ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Lulusan ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Kepujian Kelas Pertama dalam jurusan Kewangan) dari University of New South Wales, Australia.

# LEMBAGA





## TUAN HAJI OMAR BIN HAJI OSMAN

Wakil Pencarum

Dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2007. Beliau adalah Presiden CUEPACS; Penasihat Kehormat Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra Malaysia; Pengerusi Gabungan Presiden/Setiausaha Kehormat Kesatuan-Kesatuan Universiti; Timbalan Pengerusi bagi Majlis Sains & Teknologi Malaysia dan wakil CUEPACS dalam Majlis Penasihat Buruh Nasional, Kementerian Sumber Manusia.

## DATO' AZIAN BINTI MOHD NOH

Ketua Pegawai Eksekutif

Dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan anggota ex-officio Lembaga pada 1 Mac 2007. Beliau juga Pengerusi i-VCAP Management; Pengarah Valuecap, Malakoff Corporation, Time dotCom dan Ahli, Institut Akauntan Malaysia. Lulusan ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dalam jurusan Perakaunan dari Universiti Malaya, ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.

# PANEL PELABURAN





**TAN SRI DR.WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Pengerusi

Dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan pada 21 Mac 2007.

**CIK CHE ZAKIAH BINTI CHE DIN**
Wakil Bank Negara Malaysia

Dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 15 Mei 2007. Beliau adalah Pengarah Jabatan Penyeliaan Konglomerat Kewangan, Bank Negara Malaysia. Lulusan ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya.





**PUAN KOMALAM A/P R. KESAWAN**
**(Bersara berkuatkuasa 1 Jun 2009)**
Wakil Kementerian Kewangan

Dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 21 Mac 2007. Lulusan ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan ijazah Sarjana Sastera dalam jurusan Dasar Ekonomi dari Boston University, AS.

**DATUK NOZIRAH BINTI BAHARI**
**(Dilantik berkuatkuasa 2 Jun 2009)**
Wakil Kementerian Kewangan

Dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 2 Jun 2009. Beliau adalah Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Pinjaman, dan Pasaran Kewangan di Kementerian Kewangan. Lulusan ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Pengajian Bandar dari Universiti Sains Malaysia dan menghadiri Program Pembangunan Kepimpinan Global, International Centre for Leadership in Finance (ICLIF) dan Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.

# PANEL PELABURAN





## DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR

Wakil Sektor Swasta

Dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 1 Mei 2008. Beliau adalah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank. Beliau juga ahli Lembaga Pengarah Bursa Malaysia dan Perbadanan Usahawan Nasional; Ahli Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji; Fellow, Association of Chartered Certified Accountants, UK dan Ahli Institut Akauntan Malaysia.

## TENGKU DATO' AZMIL ZAHRUDDIN BIN RAJA DATO' SERI ABDUL AZIZ

Wakil Sektor Swasta

Dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 21 Mac 2007. Beliau adalah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Airline System Berhad; Akauntan Bertauliah dan Ahli Bersekutu Institut Akauntan Malaysia, Institute of Chartered Accountants (England & Wales);Ahli Bersekutu Association of Corporate Treasurers (United Kingdom) dan ahli Jawatankuasa Isu-Isu bagi Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Lulusan ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian Kelas Pertama dari University of Cambridge, UK.





## ENCIK CHEAH TEK KUANG

Wakil Sektor Swasta

Dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 21 Mac 2007. Beliau adalah Pengarah Urusan Kumpulan AMMB Holdings; ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Bursa Malaysia serta Pengerusi Silih Ganti bagi Persatuan Bank-Bank Saudagar Malaysia. Lulusan ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya.

## DATO' AZIAN BINTI MOHD NOH

Ketua Pegawai Eksekutif
(Setiausaha Panel Pelaburan)

Dilantik sebagai Setiausaha Panel Pelaburan pada 21 Mac 2007.

# JAWATANKUASA AUDIT DAN JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

## JAWATANKUASA AUDIT










Dari kiri

1. **TAN SRI ISMAIL BIN ADAM**
   Pengerusi
2. **DATO' MOHD. SALLEH BIN MAHMUD**
   Ahli
3. **DATUK IDRUS BIN HARUN**
   Ahli
4. **DATO' IZZADDIN BIN IDRIS**
   Ahli

## JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO












Dari kiri

1. **DATO' MUHAMMAD BIN IBRAHIM**
   Pengerusi
2. **DATO' V. DANAPALAN**
   Ahli
3. **DATO' SIOW KIM LUN**
   Ahli
4. **TENGKU DATO' AZMIL ZAHRUDDIN BIN RAJA DATO' SERI ABDUL AZIZ**
   Ahli
5. **DATO' AZIAN BINTI MOHD NOH**
   Ahli

# PENGURUSAN KANAN



### NIK AMLIZAN BINTI MOHAMED

Pengarah Jabatan Ekuiti sejak 2007. Tanggungjawab beliau merangka strategi untuk memaksimumkan pulangan daripada pelaburan ekuiti. Berpengalaman lebih 18 tahun terutamanya dalam industri pengurusan dana. Lulusan ijazah Sarjana Muda Sastera Ekonomi dari Claremont Mckenna College, AS.



### AHMAD NORHISHAM BIN HASSAN

Pengarah Jabatan Pendapatan Tetap sejak 2007. Tanggungjawab beliau merangka strategi dan objektif pelaburan pendapatan tetap. Berpengalaman bekerja 17 tahun. Lulusan ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Western Michigan University, AS.



### AMBALAGAM S/O R. MARAPPAN

Pengarah Jabatan Pengurusan Dana Luar sejak 2007. Bertanggungjawab membangunkan pelan tindakan untuk pelaburan dana dengan pengurus dana luar. Berpengalaman luas dalam perkhidmatan kerajaan. Lulusan ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan dari Universiti Malaya, ijazah Sarjana Pengajian Kewangan & Antarabangsa dari Universiti Malaya dan juga Akauntan Berkanun, Institut Akauntan Malaysia.



### KHAIRUL AZWA BIN KAMALUL BAHRIN

Pengarah Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan sejak 2009. Tanggungjawab beliau mengawas pengurusan risiko dan pematuhan perniagaan. Berpengalaman bekerja lebih 16 tahun. Lulusan LLB (Kepujian) dari University of Liverpool, England dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam jurusan Pengurusan dari University of Wales, Cardiff, UK dan Pensijilan Pengurusan Risiko Kewangan.



### SUDIRMAN BIN MASDUKI

Pengarah Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan sejak 2007. Tanggungjawab beliau pengawasan keseluruhan hal-ehwal kewangan, perakaunan dan pentadbiran. Berpengalaman bekerja lebih 34 tahun. Lulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Perancang Kewangan Bertauliah dan Ahli Persatuan Akauntan Berkanun Bertauliah (ACCA).



### MD SAFFI BIN NADZIR

Pengarah Jabatan Caruman sejak 2007. Tanggungjawab beliau meningkatkan dana melalui usaha memaksimumkan kutipan caruman. Berpengalaman lebih 25 tahun dalam jabatan kerajaan dan badan berkanun. Lulusan ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Teknologi MARA dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Utara Malaysia.

# KAKITANGAN UTAMA

| NO. | NAMA | PENCAPAIAN AKADEMIK | JAWATAN |
|---|---|---|---|
| **1.** | Ahmad Zahir Bin Mohd Tabri | Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan – Sains Pengurusan, University of Illinois, Urbana-Champaign, AS | Naib Presiden/Pengurus Portfolio Kanan, Jabatan Pendapatan Tetap |
| **2.** | Mushida Binti Muhammad | Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan (Perakaunan) California State University, Bakersfield, AS | Naib Presiden/Pengurus Portfolio Kanan, Jabatan Ekuiti |
| **3.** | Norani Binti Mustapha | Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Hartanah, Northumbria University at Newcastle, England | Naib Presiden, Jabatan Hartanah |
| **4.** | Azizan Bin Abdul Rahman | Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan (Ekonomi & Kewangan), University of Hartford, AS | Naib Presiden/Ketua, Jabatan Prestasi Perniagaan |
| **5.** | Md Hayrani Bin Mireso | Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Universiti Islam Antatrabangsa Malaysia<br>Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia<br>Akauntan Berkanun, Institut Akauntan Malaysia (MIA) | Naib Presiden/Pengurus Portfolio Kanan, Jabatan Pendapatan Tetap |
| **6.** | Nazaiful Affendi Bin Zainal Abidin | Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia<br>Sarjana Muda (Kepujian) Kewangan/Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia | Naib Presiden/Ahli Ekonomi, Strategi Portfolio |

# KAKITANGAN UTAMA

| NO. | NAMA | PENCAPAIAN AKADEMIK | JAWATAN |
|---|---|---|---|
| **7.** | Amirah Binti Muhamad Nor | Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perakauanan), Universiti Malaya<br><br>Diploma Lanjutan Perakaunan, Institut Teknologi MARA<br><br>Akauntan Berkanun, Institut Akauntan Malaysia (MIA) | Naib Presiden/Ketua, Jabatan Penjelasan Pelaburan |
| **8.** | Kamariah Binti Ghazali | Sarjana Sains (Kepujian), Oklahoma City University, AS<br><br>Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan, Universiti Kebangsaan Malaysia | Naib Presiden, Jabatan Perancangan & Pembangunan Korporat |
| **9.** | Tan Mee Choo | Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaya | Naib Presiden, Jabatan Perkhidmatan Akaun dan Pengurusan |
| **10.** | Siti Ilmiah Binti Ramli | LLB (Kepujian), University of London<br>Sijil Amalan Guaman (CLP) | Naib Presiden, Jabatan Sumber Manusia |
| **11.** | Ismail Bin Zakaria | Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan & Kewangan), University of New South Wales, Australia | Naib Presiden, Jabatan Perancangan & Pembangunan Korporat |

# KAKITANGAN UTAMA

| NO. | NAMA | PENCAPAIAN AKADEMIK | JAWATAN |
|---|---|---|---|
| **12.** | Muhamad Hafiz Bin Abas | Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia<br><br>Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan (Kewangan & Ekonomi), New York University, AS | Naib Presiden, Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan |
| **13.** | Abdul Razak Bin Jabar | Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Sistem Maklumat), Charles Sturt University, Australia | Naib Presiden, Jabatan Teknologi Maklumat |
| **14.** | Najihah Binti  Mohamad Norwi | Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan & Kewangan), Monash University, Australia<br><br>CPA, Australian Society of Certified Practicing Accountant (ASCPA), Australia | Naib Presiden, Jabatan Perkhidmatan Akaun dan Pengurusan |

# CARTA ORGANISASI






# BAHAGIAN E

• Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
• Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
• Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan 2009 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) • Lembaran Imbangan • Penyata Pendapatan
• Penyata Perubahan Rizab • Penyata Aliran Tunai • Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
# MENGENAI PENYATA KEWANGAN
# KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

Saya telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan penyata kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
16 APRIL 2010

# PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

Kami, Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah dan Tan Sri Ismail Bin Adam yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), penyata kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan berpandukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dan Piawaian Perakaunan Bagi Entiti Persendirian (PERS), iaitu piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2009 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

..........................................................................................

Nama : Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah
Jawatan : Pengerusi Lembaga
Tarikh : 31 Mac 2010
Tempat : Putrajaya

Bagi pihak Lembaga,

..........................................................................................

Nama : Tan Sri Ismail Bin Adam
Jawatan : Ahli Lembaga
Tarikh : 31 Mac 2010
Tempat : Putrajaya

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB

Ke Atas Pengurusan Kewangan 2009 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

Saya, Dato' Azian Binti Mohd Noh, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan di halaman 108 hingga 128 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di Kuala Lumpur )
pada 31 Mac 2010 )

..............................................
Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
W502
ABDUL AZIZNI
BIN ABU BAKAR
KUALA LUMPUR
Level 16, Menara TM Asia Life,
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur

..............................................
PESURUHJAYA SUMPAH

# LEMBARAN IMBANGAN

pada 31 Disember 2009

| | Nota | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|---|
| **Aset** | | | |
| Hartanah Dan Peralatan | 3 | 8,949 | 7,198 |
| Pelaburan | 4 | 49,100,991 | 37,021,221 |
| Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu | 5 | 16,670 | 16,670 |
| | | 49,126,610 | 37,045,089 |
| **Aset Semasa** | | | |
| Penghutang Perniagaan | 6 | 642,139 | 552,234 |
| Penghutang Pelbagai | 7 | 61,234 | 273,194 |
| Deposit Dan Prabayar | 8 | 8,894 | 14,421 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai | 9 | 11,685,411 | 14,165,829 |
| | | 12,397,678 | 15,005,678 |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Pemiutang Perniagaan | 10 | 25,204 | 2,440 |
| Pemiutang Pelbagai | 11 | - | 274 |
| Perbelanjaan Terakru | 12 | 2,517 | 3,954 |
| Pemiutang Kewangan | 13 | 133 | 320 |
| | | 27,854 | 6,988 |
| **Aset Semasa Bersih** | | 12,369,824 | 14,998,690 |
| | | 61,496,434 | 52,043,779 |
| **Dibiayai Oleh** | | | |
| Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun | 14 | 17,101,944 | 16,001,944 |
| Caruman Pencen | 15 | 26,740,653 | 24,083,052 |
| Pendapatan Tertunda | 16 | 2,797 | 6,653 |
| Rizab | | 17,651,040 | 11,951,997 |
| | | 61,496,434 | 52,043,646 |
| **Liabiliti Jangka Panjang** | | | |
| Pemiutang Kewangan | 13 | - | 133 |
| | | 61,496,434 | 52,043,779 |

Nota di mukasurat 113 hingga 128 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# PENYATA PENDAPATAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

| | Nota | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|---|
| Pendapatan Pelaburan Kasar | 17 | 3,225,085 | 2,958,379 |
| Elaun Rosot Nilai Pelaburan Dicatat Semula / (Elaun Rosot Nilai) | | 2,478,691 | (2,386,579) |
| Pendapatan Dari Syarikat Bersekutu | 18 | 16,670 | 16,670 |
| Pendapatan Pelaburan Bersih | | 5,720,446 | 588,470 |
| Pendapatan Bukan Pelaburan | | 4,231 | 1,555 |
| | | 5,724,677 | 590,025 |
| Perbelanjaan Operasi | 19 | (25,634) | (28,168) |
| Pendapatan Bersih | | 5,699,043 | 561,857 |

Nota di mukasurat 113 hingga 128 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# PENYATA PERUBAHAN RIZAB

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

| | Lebihan Terkumpul 2009 (RM '000) | Lebihan Terkumpul 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 11,951,997 | 11,438,690 |
| Pelarasan Tahun Sebelum | - | (48,550) |
| Baki Dibawa Ke Hadapan Dinyatakan Semula | 11,951,997 | 11,390,140 |
| Pendapatan Bersih Tahun Semasa | 5,699,043 | 561,857 |
| **Baki Pada 31 Disember** | 17,651,040 | 11,951,997 |

Nota di mukasurat 113 hingga 128 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

| | Nota | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|---|
| **Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi** | | | |
| Terimaan Geran Pelancaran | | - | 10,000 |
| Terimaan Tunai Dari Pelanggan Dan Pekerja | | 1,055 | 785 |
| Bayaran Tunai Kepada Pembekal Dan Pekerja | | (22,369) | (21,750) |
| **Wang Tunai Diguna Untuk Aktiviti Operasi** | | (21,314) | (10,965) |
| **Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan** | | | |
| **Pendapatan Diterima** | | | |
| Jualan Saham | | 10,414,544 | 14,409,774 |
| Dividen Pasaran Saham | | 492,580 | 508,222 |
| Tuntutan Cukai Atas Dividen | | 261,543 | 188,581 |
| Pendapatan Pengurus Dana Ekuiti | | 133,390 | 3,707,769 |
| Bayaran Balik Pinjaman | | 568,769 | 6,758,178 |
| Jualan Sekuriti Kerajaan Malaysia | | 8,150,834 | 74,926 |
| Faedah Pinjaman | | 358,709 | 359,666 |
| Jualan Sekuriti Hutang Swasta | | 2,061,292 | 10,578,935 |
| Faedah Sekuriti Hutang Swasta | | 422,097 | 306,719 |
| Pendapatan Pengurus Dana Bon | | 24,815 | 11,265 |
| Faedah Simpanan Tetap | | 205,431 | 335,918 |
| Faedah Pasaran Wang Jangka Pendek | | 156,329 | 286,551 |
| Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia | | 545,140 | 392,707 |
| Faedah Akaun Semasa Pasaran Wang | | 111 | 4,099 |
| Faedah Akaun Semasa Bank | | 121 | 185 |
| Pendapatan Dana IDB | | 1,336 | 472 |
| Pendapatan Dana CMREF 1 | | 3,717 | - |
| Pendapatan Dana Lombard | | 413 | - |

# PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

| | Nota | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|---|
| **Pengeluaran** | | | |
| Saham Tersiar Harga | | (12,051,979) | (15,547,655) |
| Pengurus Dana | | (250,000) | (3,631,271) |
| Yuran Pengurus Dana | | (4,565) | - |
| Yuran Kustodian | | (149) | (70) |
| Pinjaman | | (324,850) | (6,728,699) |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia | | (12,750,429) | (1,477,434) |
| Bon | | (4,565,418) | (12,738,841) |
| Pendahuluan Sekuriti Kerajaan Malaysia | | (59,095) | (27,029) |
| Dana Persendirian | | (8,153) | - |
| Pembelian Aset Tetap | | (3,236) | (547) |
| **Wang Tunai Bersih Diguna Untuk Aktiviti Pelaburan** | | (6,216,703) | (2,227,579) |
| **Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan** | | | |
| Terimaan Peruntukan Wang Terkanun | | 1,100,000 | 1,645,000 |
| Terimaan Caruman Pencen | | 2,668,171 | 1,776,161 |
| Bayaran Balik Caruman Pencen | | (10,572) | (14,909) |
| **Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan** | | 3,757,599 | 3,406,252 |
| **(Pengurangan) / Pertambahan Bersih Tunai** | | (2,480,418) | 1,167,708 |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari** | | 14,165,829 | 12,998,121 |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember** | 9 | 11,685,411 | 14,165,829 |

Nota di mukasurat 113 hingga 128 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 1. KEGIATAN UTAMA

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dengan geran pelancaran sebanyak RM27 juta dari Kerajaan Persekutuan.

Tanggungjawab utama KWAP adalah untuk mengurus Kumpulan Wang Persaraan (Dana) sejajar dengan kehendak Seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburannya. Sumber utama Dana KWAP diperolehi dari peruntukan Kerajaan Persekutuan serta caruman pencen yang terdiri daripada caruman Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, lain-lain Agensi, caruman daripada syer Kerajaan, ganjaran dan potongan lain serta pendapatan pelaburan. Dana dilaburkan dalam kelas-kelas aset berpandukan kepada Peruntukan Aset Strategik dan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang diluluskan oleh Panel Pelaburan dan Lembaga. Dana diuruskan bagi mencapai pulangan optimum ke atas pelaburan untuk membantu Kerajaan Persekutuan membiayai liabiliti pencen Kerajaan.

KWAP adalah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan di Malaysia. Alamat berdaftar KWAP ialah Aras 4, 5 & 6, Menara Yayasan Tun Razak, 200 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur.

Penyata Kewangan KWAP adalah dilulus dan dibenarkan untuk terbitan oleh Lembaga pada 31 Mac 2010.

## 2. DASAR PERAKAUNAN

### 2.1 ASAS PERAKAUNAN

Penyata kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah sejajar dengan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) mengikut Piawaian Perakaunan Bagi Entiti Persendirian yang diluluskan di Malaysia.

Persembahan penyata kewangan adalah dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua angka dibundarkan kepada ribu Ringgit Malaysia terhampir, selain dinyatakan sebaliknya.

### 2.2 SYARIKAT BERSEKUTU

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana KWAP mempunyai pengaruh ketara, tetapi bukan kawalan, secara dasarnya, serta mempunyai pegangan ekuiti jangka panjang dan hak mengundi di antara 20 peratus hingga 50 peratus. Pengaruh ketara ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan kewangan dan polisi operasi dalam syarikat bersekutu tetapi bukan kuasa untuk mengawal polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan dalam penyata kewangan KWAP menurut kaedah kos sejarah. Berdasarkan MASB 12, KWAP tidak perlu melaporkan penyata kewangan disatukan kerana KWAP tidak memiliki anak syarikat.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 2. DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.3 HARTANAH DAN PERALATAN SERTA SUSUT NILAI

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak susut nilai dan penjejasan aset terkumpul, sekiranya ada. Polisi untuk pengiktirafan dan penilaian kerugian terjejas akan diperuntukkan jika nilai dibawa melebihi nilai diperolehi seperti dinyatakan di Nota 2.4. Kerja dalam kemajuan dan lukisan tidak disusut nilaikan. Susut nilai dinyatakan menurut kaedah garis lurus berdasarkan kepada anggaran jangka hayat penggunaan aset-aset tersebut.

Kadar susut nilai hartanah dan peralatan adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| i. | Pengubahsuai bangunan | 16.67% setahun |
| ii. | Perabot | 15.00% setahun |
| iii. | Peralatan pejabat | 15.00% setahun |
| iv. | Komputer | 20.00% setahun |
| v. | Perisian komputer | 20.00% setahun |
| vi. | Kenderaan | 20.00% setahun |

Nilai baki bersih, usia penggunaan dan kaedah susut nilai aset disemak dan diselaraskan jika bersesuaian pada tarikh Lembaran Imbangan untuk memastikan keseragaman, kaedah dan tempoh susut nilai dengan anggaran sebelumnya.

Aset dihapus kira apabila dijual atau apabila tiada faedah ekonomi yang dijangka pada masa hadapan daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara perolehan bersih atas pelupusan dengan nilai dibawa aset adalah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

### 2.4 PENJEJASAN ASET

Aset yang tidak mempunyai usia guna adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan dinilai untuk penjejasan setiap tahun. Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk penjejasan apabila berlaku peristiwa atau perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi. Jika jelas terdapat tanda-tanda penjejasan aset, nilai aset boleh direalisasi dianggarkan untuk menentukan amaun rugi terjejas.

Rugi terjejas diiktiraf dalam Penyata Pendapatan apabila nilai dibawa aset melebihi nilai diperolehi. Nilai diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai diguna. Jika terdapat sebarang kenaikan dalam amaun yang akan diperolehi, ianya diiktiraf di Penyata Pendapatan kecuali terdapat pembalikan rugi terjejas atas aset yang dinilai semula di mana ianya akan diambil kira ke akaun Lebihan Penilaian Semula di Lembaran Imbangan.

Bagi tujuan menilai penjejasan, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan.

## 2. DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.5 PELABURAN

Pelaburan utama KWAP terdiri daripada pelaburan dalam Saham Tersiar Harga, Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), Sekuriti Hutang Swasta dan Dana Ekuiti Persendirian.

#### 2.5.1 Saham Tersiar Harga

Butir terperinci perakaunan dan pengiktirafan Saham Tersiar Harga adalah seperti berikut:

i. Pendedahan Nilai Pelaburan Saham Tersiar Harga Di Penyata Kewangan
Pelaburan Saham Tersiar Harga hendaklah didedahkan di penyata kewangan pada nilai kos atau nilai pasaran, mana yang terendah pada akhir tahun kewangan. Nilai kos ditentukan berdasarkan harga belian bersih saham. Manakala nilai pasaran adalah berdasarkan pada harga penutup saham pada tarikh Lembaran Imbangan.

ii. Penentuan Elaun Rosot Nilai
Pengiraan elaun rosot nilai belum direalisasi dikira berdasarkan portfolio secara individu dan diperuntukkan elaun rosot nilai pelaburan sebanyak 100% atas kos atau harga pasaran, mana yang terendah, pada tarikh berakhir sesuatu tempoh kewangan berdasarkan IAS 25. Nilai buku saham tersiar harga akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun rosot nilai. Sekiranya dalam tahun berikutnya saham tersebut telah dijual atau harga pasaran saham lebih tinggi daripada kos, maka kerugian belum direalisasi tersebut akan diselaraskan sebagai pendapatan dengan amaun pelarasan terhad kepada baki elaun rosot nilai yang telah diperuntukkan sebelumnya.

iii. Perakaunan Jualan Pelaburan Saham Tersiar Harga
Apabila terdapat jualan dalam pelaburan Saham Tersiar Harga, perbezaan di antara nilai perolehan atas jualan dan nilai dibawa pelaburan adalah dicaj atau dikreditkan dalam Penyata Pendapatan bagi tahun tersebut.

#### 2.5.2 Sekuriti Kerajaan Malaysia

Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dengan tujuan pegangan hingga tarikh matang, dinyatakan pada nilai buku yang didapati dari nilai kos dan diselaraskan di mana perlu bagi pelunasan premium dan diskaun.

#### 2.5.3 Sekuriti Hutang Swasta

Pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta seperti Bon, Nota Jangka Sederhana dan Kertas Komersil dengan tujuan pegangan hingga tarikh matang, dinyatakan pada nilai buku yang dikira dari nilai kos dan diselaraskan di mana perlu bagi pelunasan premium dan diskaun.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 2. DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.5 PELABURAN (SAMBUNGAN)

#### 2.5.4 Dana Ekuiti Persendirian
Pelaburan dalam Dana Ekuiti Persendirian dinyatakan pada kos tolak pemulangan modal, jika ada.

### 2.6 PERTUKARAN MATA WANG ASING

#### 2.6.1 Mata Wang Fungsian Dan Persembahan
Penyata Kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu mata wang utama dalam persekitaran ekonomi di mana KWAP beroperasi (mata wang fungsian).

#### 2.6.2 Urus Niaga Mata Wang Asing
Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan ke Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran ketika tarikh urus niaga. Item kewangan yang didominasi dalam mata wang asing diterjemahkan dengan menggunakan kadar pertukaran penutup pada tarikh Lembaran Imbangan.

Perbezaan kadar pertukaran mata wang berikutan penjelasan item kewangan dan terjemahan item kewangan pada tarikh Lembaran Imbangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan. Perbezaan kadar tukaran mata wang bagi item bukan kewangan diiktiraf dalam ekuiti jika untung atau rugi item bukan mata wang diiktiraf dalam ekuiti. Manakala perbezaan kadar tukaran mata wang bagi item bukan kewangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan jika untung atau rugi item bukan kewangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

### 2.7 PERUNTUKAN KUMPULAN WANG TERKANUN

KWAP menerima peruntukan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan mengikut Seksyen 13, Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 2. DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.8 CARUMAN PENCEN

Caruman pencen diambil kira apabila caruman tersebut diterima daripada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain Agensi serta syer Kerajaan, ganjaran dan potongan lain sejajar dengan Akta Pencen Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan No. 12/2008.

### 2.9 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Pendapatan dan perbelanjaan diambil kira berasaskan prinsip akruan.

### 2.10 CUKAI

KWAP dikecualikan daripada cukai pendapatan ke atas pendapatannya di bawah seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

### 2.11 SEWA KEWANGAN

Sewa kewangan diklasifikasikan sebagai sewa di mana KWAP adalah penyewa yang menanggung hampir keseluruhan risiko dan pemilikan. Aset yang diperolehi di bawah perjanjian sewa kewangan dipermodalkan pada kos belian dan disusut nilaikan pada asas yang sama seperti aset yang telah dimiliki. Jumlah amaun yang tertunggak di bawah perjanjian sewa kewangan telah diklasifikasikan sebagai pemiutang sewa kewangan di Lembaran Imbangan.

### 2.12 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki bank dan wang tunai, deposit di bank dan institusi kewangan lain serta pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh kematangan dalam tempoh 1 tahun dari tarikh mula pegangan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah langsung.

### 2.13 MANFAAT PEKERJA

#### 2.13.1 Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial serta manfaat–manfaat lain seperti faedah perubatan diambil kira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana pekerja menyumbang perkhidmatan mereka. Cuti pampasan terkumpul untuk jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila pekerja telah menyumbangkan perkhidmatan mereka yang mana akan meningkatkan kelayakan mereka untuk mendapat cuti pampasan pada masa akan datang. Manakala cuti pampasan tidak terkumpul untuk jangkamasa pendek seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran pekerja berlaku.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 2. DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.13 MANFAAT PEKERJA (SAMBUNGAN)

#### 2.13.2 Pelan Caruman Wajib
Sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang, KWAP mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi pekerjanya. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan.

### 2.14 OBJEKTIF DAN POLISI RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN

KWAP terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko kredit, risiko kecairan dan risiko aliran tunai. Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan secara keseluruhan adalah bertujuan mengoptimumkan pulangan kepada KWAP.

#### 2.14.1 Risiko Kewangan
Pengurusan risiko kewangan dilakukan melalui penyemakan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada pengurusan kewangan. Jawatankuasa Pengurusan Risiko sentiasa menyemak dan memantau risiko-risiko ini.

#### 2.14.2 Risiko Kredit
KWAP memastikan risiko kredit adalah terkawal dengan membuat pemantauan berterusan terhadap kedudukan kewangan dan prestasi kredit pihak berkaitan.

#### 2.14.3 Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai
KWAP mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi anggaran komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

### 2.15 GERAN KERAJAAN

Geran Kerajaan berkaitan dengan pembelian aset fizikal diklasifikasikan dalam ekuiti sebagai pendapatan tertunda dan akan dikreditkan ke Penyata Pendapatan secara bulanan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan kepada anggaran jangka hayat penggunaan aset-aset tersebut sejajar dengan kehendak piawaian perakaunan MASB 31.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 3. HARTANAH DAN PERALATAN

| | Pengubahsuaian Bangunan RM '000 | Perabot RM '000 | Peralatan Pejabat RM '000 | Komputer RM '000 | Perisian Komputer RM '000 | Kenderaan RM '000 | Kerja Dalam Kemajuan RM '000 | Jumlah RM '000 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | | | | |
| **Baki Pada 1 Januari 2009** | 4,420 | 1,440 | 718 | 2,190 | 382 | 147 | - | 9,297 |
| Penambahan | 259 | 137 | 134 | 775 | 541 | - | 1,734 | 3,580 |
| Pelarasan / Pelupusan | - | - | - | (6) | - | - | - | (6) |
| **Baki Pada 31 Disember 2009** | 4,679 | 1,577 | 852 | 2,959 | 923 | 147 | 1,734 | 12,871 |
| **Susut Nilai Terkumpul** | | | | | | | | |
| **Baki Pada 1 Januari 2009** | 1,054 | 330 | 110 | 512 | 45 | 48 | - | 2,099 |
| Caj Bagi Tahun Semasa | 767 | 221 | 113 | 595 | 98 | 30 | - | 1,824 |
| Pelarasan / Pelupusan | - | - | - | (1) | - | - | - | (1) |
| **Baki Pada 31 Disember 2009** | 1,821 | 551 | 223 | 1,106 | 143 | 78 | - | 3,922 |
| **Nilai Buku Bersih** | | | | | | | | |
| **Pada 31 Disember 2009** | 2,858 | 1,026 | 629 | 1,853 | 780 | 69 | 1,734 | 8,949 |
| **Kos** | | | | | | | | |
| **Baki Pada 1 Januari 2008** | 4,343 | 1,410 | 570 | 2,075 | 208 | 147 | - | 8,753 |
| Penambahan | 78 | 30 | 150 | 115 | 174 | - | - | 547 |
| Pelarasan / Pelupusan | (1) | - | (2) | - | - | - | - | (3) |
| **Baki Pada 31 Disember 2008** | 4,420 | 1,440 | 718 | 2,190 | 382 | 147 | - | 9,297 |
| **Susut Nilai Terkumpul** | | | | | | | | |
| **Baki Pada 1 Januari 2008** | 323 | 117 | 17 | 96 | 2 | 19 | - | 574 |
| Caj Bagi Tahun Semasa | 731 | 213 | 93 | 416 | 43 | 29 | - | 1,525 |
| Pelarasan / Pelupusan | - | - | - | - | - | - | - | - |
| **Baki Pada 31 Disember 2008** | 1,054 | 330 | 110 | 512 | 45 | 48 | - | 2,099 |
| **Nilai Buku Bersih** | | | | | | | | |
| **Pada 31 Disember 2008** | 3,366 | 1,110 | 608 | 1,678 | 337 | 99 | - | 7,198 |

Termasuk dalam nilai buku bersih komputer pada 31 Disember 2009 adalah amaun berjumlah RM537,411 (2008 : RM656,722) berkaitan sewa kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 4. PELABURAN

| | 2009 | | 2008 | |
|---|---|---|---|---|
| | Kos / Nilai Buku (RM '000) | Nilai Pasaran/Aset Ketara Bersih (RM '000) | Kos/ Nilai Buku (RM '000) | Nilai Pasaran/Aset Ketara Bersih (RM '000) |
| Saham Tersiar Harga | 16,160,338 | 16,174,052 | 13,524,323 | 10,613,399 |
| Peruntukan Rosot Nilai Pelaburan Saham | (425,009) | | (2,923,009) | |
| | 15,735,329 | | 10,601,314 | |
| Saham Tidak Tersiar Harga | 393,136 | | 401,536 | |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia | 14,766,384 | 14,844,311 | 10,096,770 | 10,677,527 |
| Pertambahan Diskaun / (Pengurangan Premium) | (47,652) | | (40,668) | |
| | 14,718,732 | | 10,056,102 | |
| Sekuriti Hutang Swasta | 10,852,654 | 11,131,463 | 8,337,822 | 8,503,146 |
| Pertambahan Diskaun / (Pengurangan Premium) | 138,994 | | 106,011 | |
| Rugi Terjejas Pelaburan | (19,310) | | - | |
| | 10,972,338 | | 8,443,833 | |
| Penyertaan Dalam Dana Ekuiti Persendirian | 111,807 | | 104,867 | |
| Pinjaman Terjamin | 7,169,649 | | 7,413,569 | |
| Matang Dalam Tempoh 12 Bulan | | | | |
| | 49,100,991 | | 37,021,221 | |

Struktur kematangan kasar bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sekuriti Hutang Swasta (tidak termasuk Pengurus Dana Bon Luar) adalah seperti berikut:

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Matang Dalam Tempoh 12 bulan | 723,761 | 2,359,828 |
| Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 bulan | 24,395,277 | 15,574,764 |
| | 25,119,038 | 17,934,592 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 5. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

| | Nota | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|---|
| Saham Tidak Disenarai Pada Kos | 20 | 16,670 | 16,670 |

Jika kaedah ekuiti digunakan, nilai dibawa pelaburan dalam syarikat bersekutu bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 adalah seperti berikut:

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Saham Tidak Disenarai Dalam Syarikat Bersekutu, Pada Kos | 16,670 | 16,670 |
| Bahagian Pendapatan Terkumpul Selepas Pengambilalihan | 1,670,925 | 650,484 |
| | 1,687,595 | 667,154 |
| Diwakili Oleh: | | |
| Bahagian Aset Bersih Dalam Syarikat Bersekutu | 1,687,595 | 667,154 |

## 6. PENGHUTANG PERNIAGAAN

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Pendapatan Dari Jualan Saham | 70,869 | 29,002 |
| Pendapatan Dividen | 14,762 | 9,130 |
| Pendapatan Pengurus Dana Ekuiti Luar | 128,135 | 137,103 |
| Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia | 158,382 | 120,221 |
| Pendapatan Pengurus Dana Bon Luar | 27,484 | 24,815 |
| Faedah Bon Korporat | 100,662 | 71,703 |
| Faedah Pinjaman | 81,200 | 98,497 |
| Faedah Pasaran Wang Jangka Pendek | 13,959 | 23,500 |
| Faedah Simpanan Tetap | 46,686 | 38,263 |
| | 642,139 | 552,234 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 7. PENGHUTANG PELBAGAI

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Tuntutan Pembayaran Balik Cukai Pendapatan | 53,960 | 265,907 |
| Tuntutan Pembayaran Balik Pelaburan* | 7,254 | 7,254 |
| Pelbagai | 20 | 33 |
| | 61,234 | 273,194 |

*KWAP sedang mengambil tindakan mahkamah ke atas sebuah firma pengurusan dana bagi tuntutan pembayaran balik pelaburan.

## 8. DEPOSIT DAN PRABAYAR

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Pendahuluan Faedah SKM | 7,250 | 14,165 |
| Pendahuluan Lain | 18 | 20 |
| Prabayar Pelbagai | 216 | 173 |
| Deposit Pelbagai* | 1,410 | 63 |
| | 8,894 | 14,421 |

Deposit, prabayar dan pendahuluan akan matang dalam tempoh 12 bulan.

*Termasuk dalam deposit pelbagai adalah amaun berjumlah RM1,346,625 (2008 : RM - ) merupakan deposit berkaitan tuntutan yuran perunding oleh sebuah firma guaman.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 9. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Baki Bank Dan Wang Tunai | 53,740 | 19,264 |
| Deposit Dengan Institusi Kewangan | | |
| - Bank Perdagangan | 6,031,734 | 7,922,721 |
| - Bank Islam | 1,874,053 | 2,530,943 |
| - Bank Pembangunan | 2,589,890 | 1,226,190 |
| - Bank Pelaburan | 1,015,950 | 1,044,703 |
| - Bank Negara Malaysia | 44 | 2,008 |
| - Institusi Kewangan Lain | 120,000 | 1,420,000 |
| | 11,685,411 | 14,165,829 |

## 10. PEMIUTANG PERNIAGAAN

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Yuran Pengurus Dana | 2,579 | 2,440 |
| Yuran Broker Saham | 22,625 | - |
| | 25,204 | 2,440 |

## 11. PEMIUTANG PELBAGAI

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Pembekal | - | 262 |
| Lain-Lain | - | 12 |
| | - | 274 |

## 12. PERBELANJAAN TERAKRU

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Peruntukan Bonus | 2,215 | 3,643 |
| Peruntukan Perkhidmatan | 38 | 61 |
| Peruntukan Yuran Pengurus Dana | 264 | 250 |
| | 2,517 | 3,954 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 13. PEMIUTANG KEWANGAN

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Pemiutang Jangka Pendek | 133 | 320 |
| Pemiutang Jangka Panjang | - | 133 |
| | 133 | 453 |

## 14. PERUNTUKAN KUMPULAN WANG TERKANUN

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 16,001,944 | 14,356,944 |
| Tambah: | | |
| Peruntukan Tahun Semasa | 1,100,000 | 1,645,000 |
| Baki Pada 31 Disember | 17,101,944 | 16,001,944 |

## 15. CARUMAN PENCEN

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Caruman Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Agensi Lain | 5,928,536 | 5,365,281 |
| Caruman Syer Kerajaan, Ganjaran Dan Potongan Lain | 20,812,117 | 18,717,771 |
| | 26,740,653 | 24,083,052 |

### 15.1 CARUMAN BADAN BERKANUN, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN AGENSI LAIN

KWAP menerima caruman bulanan bagi kakitangan yang bertaraf tetap dan berpencen daripada majikan seperti Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi di mana pegawai dipinjamkan. Caruman dibuat berdasarkan kadar 17.5% dari gaji hakiki bulanan kakitangan.

| | Caruman Terkumpul 01/01/2009 (RM '000) | Terimaan 2009 (RM '000) | Baki 31/12/2009 (RM '000) | Caruman Terkumpul 01/01/2008 (RM '000) | Terimaan 2008 (RM '000) | Baki 31/12/2008 (RM '000) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Badan Berkanun | 4,203,704 | 441,037 | 4,644,741 | 3,800,369 | 403,335 | 4,203,704 |
| Pihak Berkuasa Tempatan | 1,106,860 | 116,283 | 1,223,143 | 1,000,165 | 106,695 | 1,106,860 |
| Agensi Lain | 56,788 | 5,998 | 62,786 | 51,349 | 5,439 | 56,788 |
| | 5,367,352 | 563,318 | 5,930,670 | 4,851,883 | 515,469 | 5,367,352 |
| Tolak: | | | | | | |
| Tuntutan Bayaran Balik | (2,071) | (63) | (2,134) | (1,998) | (73) | (2,071) |
| | 5,365,281 | 563,255 | 5,928,536 | 4,849,885 | 515,396 | 5,365,281 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 15. CARUMAN PENCEN (SAMBUNGAN)

### 15.2 CARUMAN DARIPADA SYER KERAJAAN, GANJARAN DAN POTONGAN LAIN

Berikut adalah caruman bahagian Kerajaan, ganjaran dan potongan lain yang diserahkan kepada KWAP apabila pegawai-pegawai awam bersara atau membuat pengeluaran di bawah Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen dan Skim Pengeluaran Pesara:

| | Caruman Terkumpul 01/01/2009 (RM '000) | Terimaan 2009 (RM '000) | Baki 31/12/2009 (RM '000) | Caruman Terkumpul 01/01/2008 (RM '000) | Terimaan 2008 (RM '000) | Baki 31/12/2008 (RM '000) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| KWSP | 14,606,373 | 1,750,675 | 16,357,048 | 13,667,370 | 939,003 | 14,606,373 |
| KWSG | 145,668 | 927 | 146,595 | 144,767 | 901 | 145,668 |
| KWSG - Sabah | 13,236 | - | 13,236 | 12,479 | 757 | 13,236 |
| LTAT | 3,259,481 | 328,805 | 3,588,286 | 2,986,619 | 272,862 | 3,259,481 |
| SESCO | 45,309 | - | 45,309 | 45,309 | - | 45,309 |
| JPA - Ganjaran | 677,212 | 23,660 | 700,872 | 631,640 | 45,572 | 677,212 |
| Lain-lain | 27,679 | 787 | 28,466 | 26,471 | 1,208 | 27,679 |
| | 18,774,958 | 2,104,854 | 20,879,812 | 17,514,655 | 1,260,303 | 18,774,958 |
| Tolak: | | | | | | |
| Tuntutan Bayaran Balik | (57,187) | (10,508) | (67,695) | (42,352) | (14,835) | (57,187) |
| | 18,717,771 | 2,094,346 | 20,812,117 | 17,472,302 | 1,245,468 | 18,717,771 |

## 16. PENDAPATAN TERTUNDA

Pendapatan tertunda adalah berkaitan dengan geran yang diterima daripada Kerajaan yang telah dibelanjakan untuk pembelian aset tetap.

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Pendapatan Tertunda | 6,653 | 8,177 |
| Tolak: Pelunasan Pendapatan Tertunda | (3,856) | (1,524) |
| Pendapatan Tertunda Selepas Pelunasan | 2,797 | 6,653 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 17. PENDAPATAN

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Keuntungan Jualan Saham | 759,423 | 594,902 |
| Dividen Saham | 481,543 | 469,301 |
| Tuntutan Cukai Atas Dividen | 49,597 | 112,269 |
| Pendapatan Pengurus Dana Luar | 151,905 | 156,551 |
| Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia | 517,292 | 362,578 |
| Keuntungan Jualan Sekuriti Kerajaan Malaysia | 90,319 | 15,457 |
| Faedah Dan Dividen Sekuriti Hutang Swasta | 451,055 | 320,356 |
| Pertambahan Diskaun Pelaburan / (Pelunasan Pelaburan) | 16,404 | (2,250) |
| Pendapatan / Keuntungan Modal Dana Persendirian | 4,253 | 472 |
| Faedah Pinjaman | 341,411 | 367,658 |
| Faedah Deposit | 360,641 | 556,046 |
| Faedah Dari Baki Bank | 232 | 4,284 |
| Pendapatan Pelaburan Pelbagai | 1,010 | 755 |
| | 3,225,085 | 2,958,379 |

## 18. PENDAPATAN DARI SYARIKAT BERSEKUTU

Pendapatan meliputi hasil dividen diterima daripada syarikat bersekutu.

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Pendapatan Dividen Dari Syarikat Bersekutu | 16,670 | 16,670 |

Jika kaedah ekuiti digunakan, Penyata Pendapatan KWAP adalah seperti berikut:

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Pendapatan Pelaburan Kasar | 3,225,085 | 2,958,379 |
| Elaun Rosot Nilai Pelaburan Dicatat Semula / (Elaun Rosot Nilai) | 2,478,691 | (2,386,579) |
| Pendapatan Dari Syarikat Bersekutu | 180,947 | 166,462 |
| Pendapatan Pelaburan Bersih | 5,884,723 | 738,262 |
| Pendapatan Bukan Pelaburan | 4,231 | 1,555 |
| | 5,888,954 | 739,817 |
| Perbelanjaan Operasi | (25,634) | (28,168) |
| **Pendapatan Bersih** | 5,863,320 | 711,649 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 19. PERBELANJAAN OPERASI

| | 2009 (RM '000) | 2008 (RM '000) |
|---|---|---|
| Gaji Dan Elaun | 8,410 | 8,875 |
| Caruman KWSP | 1,849 | 1,325 |
| Caruman PERKESO | 48 | 26 |
| Perkhidmatan Dan Bekalan | 13,483 | 16,418 |
| Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap | 22 | - |
| Susutnilai Atas Hartanah Dan Peralatan | 1,822 | 1,524 |
| | 25,634 | 28,168 |

Bilangan pekerja KWAP pada 2009 adalah seramai 108 orang (2008 : 99 orang).

## 20. SYARIKAT BERSEKUTU DAN AKTIVITI

| | Peratusan Pegangan Efektif 2009 | Peratusan Pegangan Efektif 2008 | Kegiatan Utama |
|---|---|---|---|
| Valuecap Sdn Bhd | 33.34% | 33.34% | Melabur dalam sekuriti disenarai di Bursa Malaysia |

## 21. KOMITMEN MODAL

| Hartanah Dan Peralatan | 2009 (RM '000) |
|---|---|
| Dikontrakkan | 2,029 |
| Kerja Dalam Kemajuan | (1,734) |
| Dikontrakkan Tetapi Belum Diperakaunkan Dalam Penyata Kewangan | 295 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## 22. ANGKA PERBANDINGAN

Angka perbandingan berikut telah dinyatakan semula untuk menunjukkan perubahan dalam persembahan serta pengkelasan semula item berkaitan di dalam penyata kewangan tahun semasa:

| | 2009 Seperti Dinyatakan Semula (RM '000) | 2008 Seperti Dinyatakan Dahulu (RM '000) |
|---|---|---|
| **Lembaran Imbangan** | | |
| Pelaburan | 37,021,221 | 37,037,891 |
| Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu | 16,670 | - |
| Penghutang Perniagaan | 552,234 | 559,488 |
| Penghutang Pelbagai | 273,194 | 265,940 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai | 14,165,829 | - |
| Pelaburan Jangka Pendek | - | 5,249,025 |
| Simpanan Tetap | - | 8,895,533 |
| Wang Tunai Dan Baki Bank | - | 21,271 |
| **Penyata Pendapatan** | | |
| Pendapatan Pelaburan Kasar | 2,958,379 | - |
| Pendapatan Dari Syarikat Bersekutu | 16,670 | - |
| Pendapatan Bukan Pelaburan | 1,555 | - |
| Pendapatan | - | 3,010,811 |
| Perlunasan Pelaburan | - | (34,207) |

**www.kwap.gov.my**

Level 4, 5 & 6, Menara Yayasan Tun Razak,
200, Jalan Bukit Bintang,
55100 Kuala Lumpur.

Tel : 603-2174 8000
Fax : 603-2163 1860

E-mail : corpcomm@kwap.gov.my